

**PERKEMBANGAN PENTADBIRAN
MAHKAMAH SYARIAH
DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

DY. ZAINAB BINTI AWG HAJI TUAH

**JABATAN SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2009**

**PERKEMBANGAN PENTADBIRAN
MAHKAMAH SYARIAH
DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

DY. ZAINAB BINTI AWG HAJI TUAH

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA SYARIAH
(SECARA DISERTASI)**

**JABATAN SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2009**

UNIVERSITI MALAYA

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: DY.ZAINAB BINTI AANG· HAJI TURAH (No. KTP/Pasport: 00 -079016)

No. Pendaftaran/Matrik: IGA 070045

Nama Ijazah: SARJANA SYARI'AH

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis ("Hasil Kerja ini"):


PERKEMBANGAN PENTADBIRAN MATTICAMAH SYARI'AH DI NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM

Bidang Penyelidikan: PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG / QLPM

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula deripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengeluaran sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tap-tap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon



Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tarikh

Tandatangan Saksi

Tarikh

Nama:
Jawatan:

ABSTRAK

Mahkamah Syariah Negara Brunei Darussalam mula ditubuhkan pada 26 Mac 2001 dengan berkuatkuasanya Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah Penggal 184 bagi menggantikan Mahkamah Kadi yang ditubuhkan di bawah Undang-Undang Majlis Ugama, Adat Istiadat dan Mahkamah-Mahkamah Kadi No. 20 Tahun 1955 iaitu sebelum Perlembagaan Bertulis Negeri Brunei pada tahun 1959. Kemudian disemak semula pada tahun 1984 dengan ditukar namanya kepada Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi penggal 77 daripada Undang-Undang Negara Brunei Darussalam. Dengan adanya perubahan yang besar berikutan dengan penubuhan Mahkamah Syariah kepada tiga peringkat Mahkamah iaitu Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah yang dijangkakan sebanding dengan Mahkamah Awam di Negara ini, maka penulis merasa adanya keperluan untuk membuat kajian bagi mengenalpasti sejauhmanakah Mahkamah Syariah berperanan dalam melaksanakan pentadbiran undang-undang Islam di Negara Brunei Darussalam dan mengenalpasti isu-isu berbangkit dalam melaksanakannya. Kajian dimulakan dengan menjelaskan sejarah awal penubuhan Mahkamah Syariah sehingga kepada perlaksanaan undang-undang yang digunakan pada masa kini. Dalam usaha untuk mendapatkan data-data yang diperlukan, penulis telah menggunakan metod perpustakaan dan dokumentasi serta temubual kepada orang-orang yang berkepentingan dalam melaksanakan pentadbiran Mahkamah Syariah. Proses penganalisisan data, tiga kaedah analisis digunakan iaitu kaedah induktif, deduktif dan komparatif. Kajian ini telah menemui beberapa dapatan iaitu dalam pengurusan, bidang kuasa pendaftar-pendaftar mahkamah dan perkahwinan bercampuraduk dan tidak ada penyelaras terhadap pendaftaran kes-kes di Mahkamah. Manakala dari segi proses di Mahkamah prosedur dan undang-undang jenayah serba kekurangan serta terdapat beberapa kekosongan dalam peruntukan undang-undang yang menyebabkan Mahkamah menghadapi berbagai masalah dalam melaksanakan undang-undang berkenaan. Melalui dapatan yang diperolehi, kajian ini mencadangkan beberapa penambahbaikan demi memartabatkan Mahkamah Syariah selari dengan Mahkamah Awam di Negara Brunei Darussalam.

ABSTRACT

The Syariah Courts of Brunei Darussalam was first established on 26th March 2001 with the commencement of the Syariah Courts Act Cap 184 to substitute Kadi Court which was established under the Religious Council, Adat Istiadat and Kadis Courts Enactment, No. 20 of 1955 that is before the Written Constitution of Brunei in the year 1959. Then it was revised in 1984 and was changed to the Religious Council and Kadis Courts Cap 77 from the Laws of Brunei Darussalam. With the major changes subsequent to the establishment of the Syariah Court into three levels of Court namely the Syariah Subordinate Court, Syariah High Court and Syariah Court of Appeal, which is hoped to be equivalent to the Court in this Country, so the writer feels that it is necessary to make a research to identify how far is the role of the Syariah Court in implementing the administration of Islamic Law in Brunei Darussalam and to identify to consequential issues in its implementation. The research was instituted by clarifying the early history in the establishment of the Syariah Court till to implementation of the law which are adopted to date. In the endeavour of obtaining the necessary data, the writer has used the library and documentation methodology and interviewing people with interest in the implementation of the Syariah Court administration. In the data analyzing process, three analysis methods are used that is the inductive, deductive and comparative methods. This research has obtained several findings that is in the management, jurisdiction of court's registrars and mixed marriages and the non-coordination on the registration of cases in the Court. Whereas in the aspect of the Court process there are insufficient procedures and criminal laws and the unavailability in the provisions of laws which caused the Court to encounter various problem in the implementation of the said laws. Through the findings obtained, this research proposes several improvements in upholding the Syariah Courts in line with the Civil Court of Brunei Darussalam.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah *s.w.t* kerana dengan limpah rahmat, hidayat dan kurnianya, kajian ini dapat disiapkan dengan sempurnanya. Selawat serta salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad *s.a.w*, kaum kerabat, sahabat-sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang jujur lagi setia hingga ke akhir zaman.

Pada awalnya kajian saya ini telah diselia oleh Prof Madya Dr. Suwaid Tapah dan kemudiannya telah diganti oleh Prof. Dr. Ahmad Hidayat Buang. Maka dalam kesempatan ini, penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada kedua-dua penyelia saya kerana banyak memberikan tunjuk ajar, bimbingan dan nasihat yang berguna kepada penulis dalam menyiapkan kajian ini. Hanya kepada Allah *s.w.t* sahaja penulis serahkan ganjaran yang setimpal di atas jasa baik mereka dalam menyumbangkan ilmu yang bermanfaat semata-mata kerana Allah *s.w.t*.

Penghargaan ini istemewa penulis tujuhan kepada keluarga penulis terutama kepada suami dan anak-anak yang disayangi kerana memberikan dorongan serta sokongan semata-mata untuk mengharapkan kejayaan yang dicita-citakan.

Penulis juga tidak lupa mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan ini kepada sahabat-sahabat serta warga Mahkamah Syariah, Jabatan Kehakiman Negara, Mahkamah Besar dan Jabatan Majlis Ugama Islam, yang tidak dapat penulis sebutkan namanya satu persatu, kerana banyak membantu penulis dalam mendapatkan bahan-bahan rujukan serta memberikan ruang masa untuk ditemubual bagi menyiapkan kajian ini. Semoga bantuan serta kerjasama yang diberikan akan mendapat ganjaran daripada Allah *s.w.t*.

Akhirnya, setiap yang baik itu datangnya daripada Allah *s.w.t*, manakala yang kurang baik dan salah itu adalah daripada kelemahan saya sendiri.

Dy. Zainab binti Awg Haji Tuah
No 2, Simpang 46-31, Kg. Tanjong Nangka,
Jalan Kecil Tanjong Nangka, BG2321,
Negara Brunei Darussalam.

ISI KANDUNGAN

DAFTAR ISI	HALAMAN
Halaman Judul	Ii
Pengakuan	Iii
Abstrak	Iv
<i>Abstract</i>	V
Penghargaan	Vi
Isi Kandungan	Xi
Senarai Rajah	Xii
Senarai Jadual	Xiv
Senarai Statut	Xv
Senarai Kes	Xvii
Senarai Kependekan	Xviii
Senarai Panduan Transliterasi	Xx
Senarai Lampiran	Xxi

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Permasalahan Kajian	2
1.3 Tujuan Kajian	5
1.4 Kepentingan Kajian	6
1.5 Skop Kajian	6
1.6 Definisi Tajuk	8
1.7 Kajian Lepas	8
1.8 Metodologi Kajian	12
1.8.1 Pengumpulan Data	12
1.8.2 Metod Analisis Data	13

BAB II
PENUBUHAN DAN
BIDANG KUASA MAHKAMAH SYARIAH BRUNEI

2.1 Pendahuluan	16
2.1.1 Kemasukan Islam ke Brunei	16
2.1.2 Sistem Residen	17
2.1.3 Sebelum Perlembagaan Bertulis Brunei	19
2.1.3.1 Struktur dan Bidang Kuasa Mahkamah Syariah	21
2.1.3.2 Perlantikan Kadi Besar dan Kadi	22
2.1.3.3 Bidang Kuasa Mahkamah Syariah	23
2.1.3.4 Undang-Undang Prosedur Mahkamah Syariah	28
2.1.3.5 Penguatkuasaan Hukuman	29
2.1.3.6 Kesalahan-Kesalahan	31
2.1.3.7 Undang-Undang Keterangan	31
2.1.3.8 Undang-Undang Keluarga	31
2.1.3.9 Bahagian Pendaftaran Perkahwinan dan Perceraian Orang Islam	32
2.1.3.9.1 Bidang Kuasa Pendaftar	33
Perkahwinan dan Perceraian Orang Islam	
2.1.3.9.2 Tugas-Tugas Kadi	36
2.2 Usaha Sultan Omar ‘Ali Saifuddien	39
2.3 Islam Dalam Perlembagaan Negara Brunei Darussalam	41
2.4 Sistem Perundangan dan Kehakiman Selepas Kemerdekaan	41
2.5 Wawasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah	42

2.6	Penyesuaian Undang-Undang Brunei Dengan Kehendak Ugama Islam	44
2.7	Mengemaskinikan Mahkamah Syariah	46
2.8	Penubuhan Jabatan Kehakiman Negara	52
2.9	Kesimpulan	54

BAB III

SISTEM PENTADBIRAN MAHKAMAH SYARIAH

3.1	Pendahuluan	57
3.2	Bahagian Pendaftaran Perkahwinan, Perceraian, Pembatalan dan <i>Ruju ‘Orang Islam</i>	58
3.2.1	Perlantikan Pendaftar-Pendaftar Perkahwinan	59
3.2.2	Bidang Kuasa Pendaftar-Pendaftar Perkahwinan	59
3.2.3	Perkahwinan Menurut Undang-Undang Keluarga Islam di Brunei	60
3.2.4	Prosedur Perkahwinan	64
3.2.4.1	Prosedur Sebelum Pernikahan Berlangsung	64
3.2.4.2	Prosedur Selepas Pernikahan Berlangsung	65
3.2.5	Prosedur Selepas Perceraian	66
3.2.6	Kesan Ketidakpatuhan Kepada Undang-Undang Keluarga Islam	66
3.3	Bidang Kuasa Mahkamah Syariah	67
3.3.1	Bidang Kuasa Mal Mahkamah Rendah Syariah	71

3.3.2 Bidang Kuasa Mal Mahkamah Tinggi Syariah	75
3.3.2.1 Bidang Kuasa Asal	75
3.3.2.2 Pusaka dan Wasiat	76
3.3.3 Bidang Kuasa Jenayah Mahkamah Rendah Syariah	81
3.3.4 Bidang Kuasa Jenayah Mahkamah Tinggi Syariah	84
3.3.5 Rayuan dan Semakan Jenayah dan Mal	87
3.3.5.1 Rayuan Ke Mahkamah Tinggi Syariah	87
3.3.5.2 Rayuan Ke Mahkamah Rayuan Syariah	88
3.3.5.3 Permohonan Semakan Ke Mahkamah Tinggi Syariah	90
3.3.5.4 Permohonan Semakan Ke Mahkamah Rayuan Syariah	92
3.3.6 Lain-Lain Bidang Kuasa	94
3.3.6.1 Permohonan Perlaksanaan dan Penguatkuasaan Hukuman	94
3.3.6.2 Permohonan Kebenaran Untuk Menuntut atau Membela Sebagai Orang Miskin	95
3.3.6.3 Permohonan Pengesahan Islam	96
3.3.6.4 Falak Syarie	97
3.3.6.5 Pengangkatan Kanak-Kanak Dalam Islam	98
3.3.6.6 Pajak Gadai	98
3.4 Perlantikan Hakim Syarie dan Pegawai Mahkamah	100
3.4.1 Bidang Tugas Hakim dan Pegawai Mahkamah	104
3.5 Pejabat Pentadbiran Am	108

3.6 Kesimpulan	110
----------------	-----

BAB IV

ISU DAN MASALAH YANG BERBANGKIT DALAM PENTADBIRAN

MAHKAMAH SYARIAH

4.1 Pendahuluan	112
4.2 Isu dan Masalah Dalam Pentadbiran Mahkamah Syariah	114
4.2.1 Pertindihan Bidang Kuasa Pendaftar-Pendaftar	114
4.2.2 Pengurusan Pendaftaran Kes Mal Tidak Selaras	119
4.2.3 Kemahiran Pegawai dan Kakitangan Sokongan	122
4.2.4 Penjadualan Kes Tidak Selaras	123
4.2.5 Kes-Kes Tertangguh	124
4.2.6 Kurang Penglibatan Peguam Syarie	129
4.2.7 Perlaksanaan dan Penguatkuasaan Perintah	130
4.2.8 Penyelenggaran Daftar Perkahwinan, Perceraian, Pembatalan dan <i>Ruju</i> ^c Orang Islam	132
4.2.9 Teknologi Maklumat	132
4.3 Isu dan Masalah Dalam Bidang Kuasa Mal	133
4.3.1 Bidang Kuasa Perwarisan	135
4.3.1.1 Wang Simpanan Dalam Akaun Bersama	135
4.3.2 Peruntukan di bawah Bab 5(1) dan (2) dari Perintah Darurat Undang-Undang Keluarga Islam 1999	139

BAB V

PENUTUP

5.1 Pendahuluan	157
5.2 Rumusan	158
5.3 Cadangan	164
5.4 Penutup	171

BIBLIOGRAFI

Lampiran

SENARAI RAJAH

SENARAI RAJAH	HALAMAN
Rajah 3.1 Struktur Organisasi Pentadbiran Mahkamah Syariah	58
Rajah 3.3 Kes Mal Mahkamah Tinggi Syariah dari Tahun 2001-2005	75
Rajah 3.8 Kes Jenayah Mahkamah Tinggi Syariah dari Tahun 2001-2005	86
Rajah 4.2 Pendaftaran Kes Mal Mahkamah Rendah Syariah dan Mahkamah Tinggi Syariah bagi Tahun 2001-2005	120

SENARAI JADUAL

SENARAI JADUAL		HALAMAN
Jadual 2.1	Penyata Kes Jenayah Mahkamah Kadi Besar dari Tahun 1990-1996	26
Jadual 2.2	Penyata Kes Permohonan Perlaksanaan Hukuman	30
Jadual 3.2	Statistik Kes Mal Mahkamah Rendah Syariah Seluruh Negara dari Tahun 2001-2005	72
Jadual 3.4	Statistik Tuntutan Waris dari Tahun 2001-2005	81
Jadual 3.5	Kes Jenayah Mahkamah Rendah Syariah Seluruh Negara bagi Tahun 2001-2005	81
Jadual 3.6	Kesalahan di bawah Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah Penggal 184	85
Jadual 3.7	Kesalahan di bawah Perintah Acara Mal Mahkamah-Mahkamah Syariah 2005	85
Jadual 3.9	Statistik Kes Kesalahan Undang-Undang Keluarga Islam, Mahkamah Tinggi Syariah dari Tahun 2001-2005	87
Jadual 3.10	Statistik kes Rayuan, Penyemakan dan Pengawasan Mahkamah Rayuan Syariah dari Tahun 2001-2005	93
Jadual 3.11	Permohonan Pengangkatan Kanak-Kanak, Mahkamah Tinggi Syariah	98
Jadual 4.1	Pertindihan Bidang Kuasa Pendaftar Perkahwinan dan Pendaftar Mahkamah	115
Jadual 4.3	Statistik Kes Mal Mahkamah Rendah Syariah Seluruh Negara Tahun 2001	124
Jadual 4.4	Statistik Kes Mal Mahkamah Rendah Syariah Seluruh Negara Tahun 2002	124
Jadual 4.5	Statistik Kes Mal Mahkamah Rendah Syariah Seluruh Negara Tahun 2003	124
Jadual 4.6	Statistik Kes Mal Mahkamah Rendah Syariah Seluruh Negara Tahun 2004	124
Jadual 4.7	Statistik Kes Mal Mahkamah Rendah Syariah Seluruh Negara Tahun 2005	124
Jadual 4.8	Sebab-Sebab Kes Mal Yang Tertangguh di Mahkamah Rendah Syariah Seluruh Negara	125
Jadual 4.9	Statistik Kes-Kes Tertangguh Mahkamah Tinggi Syariah Tahun 2001	125
Jadual 4.10	Statistik Kes-Kes Tertangguh Mahkamah Tinggi Syariah Tahun 2002	125
Jadual 4.11	Statistik Kes-Kes Tertangguh Mahkamah Tinggi Syariah Tahun 2003	125
Jadual 4.12	Statistik Kes-Kes Tertangguh Mahkamah Tinggi Syariah Tahun 2004	126
Jadual 4.13	Statistik Kes-Kes Tertangguh Mahkamah Tinggi Syariah Tahun 2005	126
Jadual 4.14	Statistik Kes-Kes Tertangguh Mahkamah Tinggi	126

	Syariah Tahun 2006	
Jadual 4.15	Statistik Kes-Kes Tertangguh Mahkamah Tinggi	126
	Syariah Tahun 2007	
Jadual 4.16	Sebab-Sebab kes Tertangguh di Mahkamah Tinggi Syariah	127
Jadual 4.17	Isu dan Masalah Kes Tertangguh	127
Jadual 4.18	Penglibatan Peguam Syarie berbanding dengan Kes-Kes Mal yang didaftarkan di Mahkamah Rendah Syariah Seluruh Negara dari Tahun 2003-Jun 2007	129

SENARAI STATUT

- Law of Brunei, Enactment No. 1 of 1908
- Law of Brunei, Enactment No. 2 of 1908
- Law of Brunei, Enactment No. 20 of 1955
- Law of Brunei, Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77.
- Law of Brunei, Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah Penggal 184.
- Law of Brunei, Probet and Administration Act, Chapter 11
- Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, 1959, pindaan 2004.
- Perintah Darurat (Undang-Undang Keluarga Islam), 1999.
- Perintah Pengangkatan Kanak-Kanak Dalam Islam, 2001.
- Perintah Acara Mal Mahkamah Syariah, 2005.
- Perintah Pajak Gadai, 2002.

SENARAI KES

A

Awang Yussop lwn Pendakwa Mahkamah Kadi, Kes Jenayah bil. 81/93
Mahkamah Kadi Besar/ Kes bil. MMS/KHEU/RJ/4/2001.

D

Dayang, Kes bil: MTS/20/2002-TWT
Dato Wahab lwn Pendakwa Mahkamah Kadi. Kes bil. 69/91 Mahkamah Kadi Besar
Dewi Yong lwn Abdul Jalil, Kes bil: MRHS/MAL/BM 310/2007/
MRHS/MAL/BM 311/2007.
Dy Nur Iman Sofiana @ Chew Kim Lee lwn Najib, Kes bil. 6/98 Mahkamah Kadi Besar
Dy. Rosani lwn Awang Samah, Kes bil: MTS/MAL/17/2006

G

Gani lwn Hayati, Kes bil: MRHS/MAL/BM 234/2006

H

Hairani lwn. Dato Paduka Haji Idris, Kes bil: MRHS/MAL/BM 163/2005
Haji Bair lwn Pendakwa Mahkamah Kadi. Kes bil: 132/94 Mahkamah Kadi Besar
Haji Abd Rahim, Kes Rayuan bil. MMS/KHEU/RM/34/2001
Hajah Mariam lwn Haji Kahan, Kes bil: MRHS/MAL/TUT 31/2003
Hjh Norhainah lwn 7 responden, Kes bil: P/MTS/MAL/20/2007
Hajah Rose lwn. Haji Abd. Rahman dan 7 yang lain, Kes bil: MTS/29/2003
Haji Abd Rahman lwn Hajah Rose dan 7 yang lain, Kes bil. MRS/SM/1/2004
Hajah Zainab lwn Hj. Manan, Kes bil: MRHS/MAL/BM 38/2007
Hussaimah v Hajah Jamilah, Islamic Development Bank of Brunei Berhad dan seorang lagi, Originating Summons No. 61 of 2004

J

Jumaton dan seorang lagi vs Raja Hizaruddin, [1998] 6 MLJ 556

K

Khairul Ariffin, Kes bil: P/MTS/M/22/2007

L

Lina Joy vs Majlis Ugama Islam Wilayah Persekutuan dan Yang Lain, [2007]
CLJ JT(1)

M

Majlis Agama Islam Negeri Sembilan & 2 orang lagi ke atas simati Nyonya binti Tahir, [2006] 21/II 221
Masnah lwn Haji Mohammad, Kes bil: P/MTS/MAL/19/2007/
P/MTS/MAL/28/2006
Md Hakim Lee vs Majlis Ugama Islam Wilayah Persekutuan [1998] 1 MLJ 681

Musrini lwn Pendakwa Mahkamah Kadi, Kes bil. 22/2000 Mahkamah Kadi Besar.

P

Pedley lwn Majlis Agama Islam Pulau Pinang dan seorang lagi [1990] 2 MLJ 307

Pendakwa Syarie lwn Dk. Norazimah, Kes bil: MRHS/J/BM/04/2007

Pendakwa Syarie lwn Faugillah, Kes bil: MRHS/J/BM/05/2007

Pendakwa Syar'ie lwn. Khairuddin, Kes bil: MRHS/BM/J/225/2005

Pendakwa Syarie lwn. Mohamad Norizan, Kes bil: MRHS/J/BM/02/2007

Pendakwa Syarie lwn Siti Awaliyah, Kes bil: MRHS/J/BM/03/2007

Permohonan Semakan Haji Hasan bin Haji Metali, Kes bil: MTS/PKMRS/MAL/1/2001

Permohonan Semakan daripada Tizan, Kes bil: MTS/SM/03/2007

R

Rosnah lwn. Hjh Siti Amina, dan 3 yang lain, Kes bil: S/MTS/MAL/30/2006

S

Sandy M Chiew @ Martinez v James Chiew Hua [2004] 1 Sh. LR 94

Siti Noorhariyati lwn Haji Abdullah, Bil kes. MRHS/MAL/BM 649/2006

T

Tizan lwn Mohamad Daud, Kes bil: MRHS/MAL/BM 287/2007

V

Viswalingam vs viswalingam, [1980] 1 MLJ 10

Y

Yuranee Sukaseh lwn Ahmad Redza, Kes bil: MRHS/MAL/BM 74/2007

SENARAI KEPENDEKAN

Akta Penggal 77	:	Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77
Akta Penggal 184	:	Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah Penggal 184
BSB	:	Bandar Seri Begawan
KDYMM	:	Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam
NBD	:	Negara Brunei Darussalam
PPPROI	:	Perkahwinan, Perceraian, Pembatalan dan <i>Ruju' Orang Islam</i>
PDUUKI	:	Perintah Darurat Undang-Undang Keluarga Islam 1999
TPOR	:	Tekad Pemedulian Orang Ramai
MABIMS	:	Negara Malaysia, Brunei, Indonesia dan Singapore
MRHS	:	Mahkamah Rendah Syariah
MTS	:	Mahkamah Tinggi Syariah
MRS	:	Mahkamah Rayuan Syariah
YA	:	Yang Arif
s.w.t.	:	<i>Subhanahu Wa Ta'ala</i>
s.a.w.	:	<i>Sallallahu 'ala'ihi wasallam</i>
r.a.	:	<i>Radi Allah 'anhu</i>
Dy.	:	Dayang
Awg.	:	Awang
t.t.	:	Tanpa tarikh, bagi menunjukkan bahan berkenaan tidak mempunyai tahun terbitan yang jelas
T.P.	:	Tanpa Penerbit
<i>ibid</i>	:	<i>Ibidem</i> , bermaksud rujukan yang sama seperti sebelumnya
<i>op.cit</i>	:	<i>Opera citato</i> , bermaksud bahan yang sama yang sudah dirujuk sebelum ini tetapi telah diselang oleh rujukan lain dengan halaman yang lain.
<i>et.al</i>	:	Nama bagi penulis-penulis lain bagi buku yang dihasilkan oleh lebih dari dua orang penulis.

PANDUAN TRANSLITERASI

Bagi perkataan-perkataan yang berbahasa Arab, penulis menggunakan kaedah ejaan transliterasi huruf Arab ke konsonan huruf Rumi. Kaedah transliterasi tersebut adalah seperti berikut:

Huruf Arab	Nama dan Transkripsi
ء	a, '(Hamzah)
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	h
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sy
ص	ṣ
ض	ḍ
ط	ṭ
ظ	ẓ
ع	‘
غ	gh
ف	f
ق	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n
ه	h
و	w
ي	y
ة	h

Vokal Panjang

Huruf Arab	Transliterasi	Ejaan Arab	Ejaan Transliterasi
ا/ى	Ā	القضاء	al-qadā
و	Ū	سورة	Sūrah
ى	Ī	وكيل	Wakīl

Vokal Pendek

Huruf Arab	Transliterasi	Ejaan Arab	Ejaan Transliterasi
—(Fathah)	A	حکم	Hakama
—(Kasrah)	I	سلم	Salima
—(Dammah)	U	جعل	Ju‘ila

SENARAI LAMPIRAN

SENARAI LAMPIRAN	HALAMAN
LAMPIRAN A	Susunan Wali
LAMPIRAN B	Borang 15 Permohonan Untuk Perceraian
LAMPIRAN C	Kesalahan Undang-Undang Keluarga Islam
LAMPIRAN D	Tugas dan Tanggungjawb Pendaftar Mahkamah
LAMPIRAN E	Tugas dan Tanggungjawab Pendaftar PPPROI

BAB I

PENDAHULUAN

1.1. Latar Belakang Kajian

Mahkamah Syariah adalah merupakan satu-satunya institusi kehakiman yang melaksanakan undang-undang berdasarkan hukum Syarak di Negara Brunei Darussalam. Dalam pada itu Mahkamah Syariah juga sebagai institusi yang mengawal perjalanan hal ehwal perkahwinan orang-orang Islam di Negara itu.

Sebagai institusi yang unggul dalam melaksanakan hukum Syarak, maka pengemaskinian dan penambahbaikan organisasi dan pengurusan pentadbiran Mahkamah perlu berubah dalam masa yang bersesuaian mengikut perkembangan masa dan rancangan strategik sesebuah negara atau organisasi itu. Ke arah itu adalah sangat tepat, pentadbiran Mahkamah Kadi di Negara Brunei Darussalam dikemaskinikan dan ditubuhkan Mahkamah Syariah yang mempunyai tiga peringkat mahkamah iaitu Mahkamah Rayuan Syariah yang mengantikan Jawatankuasa Kehakiman, Mahkamah Tinggi Syariah mengantikan Mahkamah Kadi Besar dan Mahkamah Rendah Syariah mengantikan Mahkamah Kadi Daerah. Penubuhan itu telah dikuatkuasakan pada 1 Muharram 1422 bersamaan 26 Mac 2001.

Dengan penubuhan itu juga bidang kuasa Mahkamah Syariah semakin luas dan telah mentadbir beberapa undang-undang baru yang sebelum ini belum ada, dan pengemaskinian undang-undang keluarga yang terkandung di dalam Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77 telah juga

dilaksanakan dengan berkuat kuasanya Perintah Darurat (Undang-Undang Keluarga Islam), 1999 pada tarikh yang sama.

Di dalam peruntukan Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah Penggal 184 terkandung empat bahagian, Penubuhan dan bidang kuasa termasuk di dalam Bahagian II. Manakala menurut peruntukan Perintah Darurat (Undang-Undang Keluarga Islam), 1999, Bahagian II, III dan IV adalah meliputi mengenai hal-hal perkahwinan. Oleh kerana menurut peruntukan undang-undang adalah jelas pentadbiran mahkamah dan bahagian perkahwinan itu berbeza dan mempunyai peranan dan bidang kuasa masing-masing, maka kajian ini adalah perlu untuk melihat perkembangan pentadbiran dan perlaksanaan pengurusannya. Di samping itu dapat mengenal pasti isu-isu yang berbangkit dalam pentadbirannya.

1.2. Permasalahan Kajian

Ada beberapa sebab kajian ini dibuat antaranya:

- i. Mahkamah Syariah merupakan institusi penting dalam pengurusan pentadbiran Kehakiman Islam dan juga pengurusan pentadbiran perkahwinan dalam masyarakat Brunei kerana majoriti penduduknya beragama Islam. Oleh kerana itu, Mahkamah Syariah menjadi tumpuan media-media tempatan sama ada media cetak mahu pun media elektronik apabila kes-kes lambat diselesaikan terutama yang melibatkan isu-isu kekeluargaan, permohonan perkahwinan, pendaftaran dan sebagainya, sehingga perkara ini menjadi perhatian kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan sebagai ketua kerajaan.

- ii. Pentadbiran mahkamah dan pentadbiran perkahwinan masih disatukan di bawah satu pengurusan pentadbiran Mahkamah Syariah atau dalam ertikata yang lain: di bawah seorang ketua, yang mana struktur itu boleh diasingkan atau dipisahkan yang menjadikan dua struktur organisasi yang boleh dikembangmajukan, sesuai dengan maksud peruntukan Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah Penggal 184 dan Perintah Darurat (Undang-Undang Keluarga Islam),1999, Walaupun penyatuan pentadbiran atau *centralization* ada kalanya lebih berkesan dalam pengurusan pentadbiran, akan tetapi dalam konteks pengurusan dan pentadbiran yang mempunyai peruntukan undang-undang dan bidang tugas yang berlainan adalah memerlukan sebaliknya (*discentralization*). Penyatuan pentadbiran seperti ini menyebabkan lebih banyak masalah dihadapi seperti pertindihan bidang kuasa antara pendaftar mahkamah dan pendaftar perkahwinan telah berlaku dan segala urusan dan ketetapan mengenai satu-satu perkara tidak dapat diselesaikan dengan cepat dan sempurna mengikut piawaian yang ditetapkan atau dalam menepati Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) serta tidak dapat melaksanakan Manual Prosedur Kerja dengan tepat dan berkesan.. Permasalahan ini pernah berlaku di era Mahkamah Kadi, di mana Kadi menjalankan tiga tugas secara serentak. Akan tetapi setelah penubuhan Mahkamah Syariah, Kadi yang ditukar gelarannya kepada Hakim tidak lagi terlibat dalam urusan-urusan pentadbiran kerana wujudnya jawatan pendaftar-pendaftar yang telah dilantik di bawah peruntukan Bab 13 Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah Penggal 184 dan Bab 26 Perintah Darurat (Undang-Undang Keluarga Islam), 1999. Walau bagaimanapun perkara itu berulang lagi dengan bebanan kepada pendaftar

yang mengendalikan dua tugas secara serentak sebagaimana yang dijelaskan tadi.

- iii. Pengurusan yang tidak sistematik menimbulkan berbagai isu dalam pentadbiran Mahkamah Syariah.
- iv. Terdapat kekosongan peruntukan undang-undang yang kurang jelas dalam bidang kuasa mal, menyebabkan Mahkamah menghadapi masalah dalam melaksanakannya seperti dalam undang-undang waris, harta sepencarian dan lain-lain.

Oleh kerana itu, kajian ini menjelaskan bagaimana pengurusan pentadbiran mahkamah dan pengurusan pentadbiran perkahwinan itu dikendalikan berpandukan undang-undang yang telah dikuatkuasakan, dengan mengambilira isu-isu yang berbangkit dalam pengurusan dan peruntukan undang-undang mal yang telah dikuatkuasakan itu.

Pengkaji berpendapat kajian ini sangat penting demi untuk meningkatkan martabat dan kewibawaan kedua-dua organisasi tersebut. Di samping itu pengkaji yakin masih ada lagi penemuan-penemuan masalah yang tidak ketara dan tidak disedari akan dapat diperbaiki melalui kajian yang akan dibuat.

1.3. Tujuan Kajian

Terdapat objektif utama dalam kajian ini, antaranya:

- i. Mengkaji sistem pentadbiran Mahkamah Syariah di Brunei dari tahun 1955 hingga kini. Yang mana tahun 1955 adalah bermulanya era baru dalam pentadbiran kehakiman di Brunei iaitu pengasingan pentadbiran Mahkamah Kadi dari Mahkamah Awam yang menjadikan dua sistem kehakiman.

- ii. Mengenalpasti perbezaan peranan tugas dan tanggungjawab Pendaftar Mahkamah dengan Pendaftar Perkahwinan, Perceraian, Pembatalan dan *Ruju* ‘Orang Islam sebagaimana yang diperuntukkan dalam Undang-Undang.
- iii. Mengenalpasti isu dan masalah berbangkit dalam pentadbiran Mahkamah Syariah sejak mula ditubuhkan sehingga kini.
- iv. Membuat cadangan penyelesaian isu-isu berkaitan pentadbiran Mahkamah Syariah dengan mengambil beberapa contoh perbandingan dengan isu-isu yang terdapat di Negara Malaysia seperti Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

1.4. Kepentingan Kajian

Kajian dan penyelidikan ini adalah diharapkan dapat memberi manfaat yang berguna kepada Mahkamah Syariah demi untuk pemartabatan sistem pentadbiran undang-undang Islam di Negara Brunei Darussalam sebagaimana yang dihasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan ke arah perlaksanaan undang-undang Islam secara menyeluruh di Negara Brunei Darussalam. Ianya juga dapat memberikan manfaat kepada Unit Perundangan Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, sebagai urusetia kepada Jawatankuasa Ke arah Penubuhan Mahkamah Agung Syariah dan jabatan pelaksana kepada keputusan-keputusan Majlis Ugama Islam mengenai dengan penggubalan dan pentadbiran undang-undang Islam di Negara Brunei Darussalam.

Di samping itu kajian ini juga penting kepada Jabatan Kehakiman Negara, Jabatan Perdana Menteri untuk mengemaskinikan struktur organisasi Mahkamah

Syariah dan mencadangkan pengwujudan skim perkhidmatan yang lebih teratur menurut peruntukan undang-undang.

1.5. Skop Kajian

Kajian ini berkisar dalam perkara-perkara berikut:

- i. Kajian ini akan dikhususkan kepada penubuhan dan bidang kuasa Mahkamah Syariah menurut Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah Penggal 184 yang dikuatkuasakan pada 1Muharram 1422 bersamaan 26 Mac 2001.
- ii. Mengkaji bidang kuasa Mahkamah Syariah dalam pentadbiran undang-undang perkahwinan orang-orang Islam di Negara Brunei Darussalam iaitu termasuk bidang tugas Pendaftar Perkahwinan, Perceraian, Pembatalan dan *Ruju*‘ Orang Islam sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Perintah Acara Mal Mahkamah Syariah 2005 dan Perintah Darurat (Undang-Undang Keluarga Islam), 1999.
- iii. Oleh kerana pengertian pentadbiran mahkamah itu amat luas yang meliputi semua aspek bidang kuasa dan undang-undang yang ditadbir oleh Mahkamah Syariah, maka kajian ini menjelaskan bidang kuasa Mahkamah Syariah secara umum berdasarkan Akta Penggal 184 iaitu bidang kuasa Mal dan Jenayah daripada peringkat Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah.
- iv. Setelah itu, kajian ini menjelaskan isu dan masalah yang berbangkit dalam pengurusan pentadbiran dan peruntukan bidang kuasa mal sahaja khusus di Mahkamah Syariah Negara Brunei Darussalam. Kajian ini tidak akan menyentuh isu-isu dalam peruntukan undang-undang jenayah, kerana

Mahkamah Syariah di Negara Brunei Darussalam belum mempunyai undang-undang jenayah yang baru yang boleh diketengahkan dalam kajian ini.

- v. Dalam kajian kes, kajian ini akan lebih banyak tertumpu di Mahkamah Rendah Syariah Daerah Brunei dan Muara dan Mahkamah Tinggi Syariah, kerana kedua-dua Mahkamah ini terletak di pusat bandar yang mempunyai banyak penduduk dan kes-kes banyak didaftarkan dan timbul beberapa isu di dalamnya.
- vi. Dari segi masa, kajian ini bermula dari penubuhan Mahkamah Kadi selepas tergubalnya Undang-Undang Majlis Ugama dan Mahkamah-Mahkamah Kadi No 20/1955 sehingga berkuatkuasanya Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah Penggal 184 pada 1 Muharram 1422/26 Mac 2001 dan perkembangannya setelah 5 tahun ditubuhkan.

1.6. Definisi Tajuk

1.6.1. Perkembangan

Perkembangan adalah kata nama keadaan berkembangnya¹ atau membawa erti perihal (proses) berkembang (menjadi maju atau tersebar).² Dalam kajian ini, perkembangan bermaksud sejauh mana keadaan yang dicapai oleh Mahkamah Syariah setelah berlakunya peralihan daripada Mahkamah Kadi kepada Mahkamah Syariah.

¹ Arbak Othman, Nik Safiah Karim (2005), *Kamus Komprehensif Bahasa Melayu*, Malaysia: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd, h.387

² Hajah Noresah bt. Baharom *et.al* (eds.) (2005), *Kamus Dewan*, edisi ke 4, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.730

1.6.2. Pentadbiran

Pentadbiran adalah kata nama perbuatan mentadbirkan, pengelolaan, pengurusan, pemerintah.³ Dalam kajian ini, pentadbiran ialah undang-undang yang ditadbir dan dilaksanakan oleh Mahkamah Syariah.

1.6.3. Mahkamah Syariah

Mahkamah ialah perkataan yang berasal daripada Bahasa Arab diambil daripada kata dasar “*hakama*” yang bererti memerintah atau menguasai.⁴ Dalam konteks kajian ini, Mahkamah Syariah bermaksud satu tempat yang berperanan sebagai pusat pentadbiran undang-undang Islam di Negara Brunei Darussalam.

1.7. Kajian Lepas

Penulisan pentadbiran undang-undang Islam di Negara Brunei Darussalam terlalu sedikit. Penulisan-penulisan hanyalah berbentuk kajian disertasi seperti penulisan yang dibuat oleh Masnon binti Ibrahim (1988) dalam disertasi sarjana⁵ iaitu mengenai isu perbandingan Undang-Undang Keluarga Islam di Brunei dengan di Sarawak iaitu mencakupi perlaksanaan undang-undang pertunangan, perkahwinan dan perceraian serta implikasi perceraian. Yang mana beliau merujuk kepada undang-undang Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77 yang baru dikuatkuasakan ketika itu. Terdapat perbezaan peruntukan undang-undang keluarga Islam Brunei dan Sarawak, contohnya beliau telah menjelaskan undang-undang pertunangan di Brunei adalah

³ *Ibid*, h. 1565

⁴ Abd. Rauf Dato Haji Hasan *et.al* (2005), *Kamus Bahasa Melayu-Bahasa Arab, Bahasa Arab-Bahasa Melayu*, Malaysia: Oxford Fajar Sdn. Bhd, h. 107.

⁵ Perlaksanaan Undang-Undang Keluarga Islam Brunei Perbandingannya dengan Undang-Undang Keluarga Islam di Sarawak, Disertasi Sarjana Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1988.

satu perjanjian untuk mengadakan perkahwinan. Apabila berlakunya tindakan untuk memutuskan suatu pertunungan hendaklah diselesaikan oleh kedua belah pihak yang terlibat. Di Sarawak, undang-undang pertunungan telah dimasukkan dan diiktiraf dalam peruntukan undang-undang Islam melalui pemakaian undang-undang Mahkamah Syariah Sarawak. Tindakan memutuskan pertunungan dianggap satu kesalahan jenayah di bawah undang-undang tersebut. Undang-undang kedua-dua Negara tidak memperuntukkan ketetapan had umur bagi pasangan yang akan berkahwin dan menurut kaji selidik yang beliau jalankan tidak terdapat perkahwinan terlalu muda atau di bawah umur baligh berlaku di Brunei. Mengenai pendaftaran nikah telah diperuntukkan di dalam undang-undang keluarga Islam kedua-dua Negara. Beliau juga mendapati terdapat permasalahan dalam tuntutan nafkah terutama berlaku dalam kes poligami. Undang-undang di Sarawak, perjanjian yang dibuat antara suami isteri yang bercerai adalah berkuat kuasa sebagai perintah Mahkamah dan tuntutan penjagaan anak telah diperuntukkan dengan jelas dan terperinci dalam undang-undang berkenaan. Di Brunei tidak terdapat peruntukan undang-undang mengenai tuntutan nafkah dan penjagaan anak. Kedua-dua tuntutan ini diputuskan berdasarkan hukum Syarak. Oleh itu beliau telah mencadangkan supaya mengwujudkan undang-undang keluarga Islam yang komprehensif di Brunei bagi mengatasi permasalahan yang dihadapi.

Amiyusmawati binti Md. Yussof (2000) dalam disertasi sarjananya⁶ telah menulis mengenai Pentadbiran Mahkamah Kadi di Negara Brunei Darussalam. Kajian beliau telah mendapati bahawa undang-undang yang diperuntukkan dalam

⁶ Disertasi Sarjana Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2000

Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77 banyak mempunyai kelemahan, terlalu ringkas dan sukar difahami. Akibatnya banyak menimbulkan kesukaran di kalangan Kadi-Kadi dan pegawai yang bertugas untuk melaksanakanya. Antaranya peruntukan undang-undang keterangan, undang-undang acara jenayah, undang-undang acara mal, undang-undang keluarga. Keterlibatan Mahkamah Majistret dalam melaksanakan hukuman yang gagal dipatuhi di Mahkamah Kadi menimbulkan persepsi orang ramai tentang kredibiliti Mahkamah Kadi. Beliau telah mencadangkan supaya Mahkamah Kadi mempunyai satu undang-undang acara jenayah, undang-undang keterangan, undang-undang keluarga yang khusus dan detail.

Di samping itu, banyak penulisan berbentuk artikel antaranya Mahmud Saedon bin Awang Othman,⁷ penulis telah membincangkan sejarah kehakiman Islam sebelum dan sesudah campur tangan Inggeris sehingga pemakaian undang-undang Islam itu menjadi sempit dengan campur tangan Inggeris dalam sistem perundangan di Brunei. Penulis juga membincangkan struktur penubuhan dan bidang kuasa Mahkamah Kadi menurut peruntukan Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77 dan struktur Mahkamah Syariah menurut Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah Penggal 184.

Salim bin Besar dalam artikelnnya bertajuk Undang-Undang Pentadbiran Islam dan Mahkamah Syariah Di Negara Brunei Darussalam⁸ telah menjelaskan bahawa Brunei adalah Negara yang terawal menerima Islam di rantau ini. Sultan-sultan Brunei telah melaksanakan undang-undang Islam secara berperingkat

⁷ Mahmud Saedon (2000), “Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah Penggal 184”, *Jurnal Undang-Undang Syariah Brunei Darussalam*, Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka.

⁸ Salim bin Besar, (Pehin) (2002), Undang-Undang Pentadbiran Islam dan Mahkamah Syariah, *Jurnal Undang-Undang Syariah Brunei Darussalam*, Negara Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka.

sehingga menjadi undang-undang dasar Negara dan mempunyai undang-undang bertulis yang terkenal dengan nama Hukum Kanun Brunei. Setelah kedatangan Inggeris dan campur tangan mereka dalam sistem kehakiman dan perundangan Brunei, wujudlah dua sistem kehakiman iaitu sivil dan syarak. Lebih-lebih lagi dengan berkuat kuasa Undang-Undang No. 20/1955 Mahkamah Kadi tidak lagi di bawah struktur Mahkamah Brunei. Undang-undang ini kemudiannya dipinda pada tahun 1984 dan digelar Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77.

Oleh itu, penulis berpendapat bahawa kajian ini mempunyai perbezaan, di mana penulisan-penulisan yang dinyatakan itu pada keseluruhannya merujuk kepada Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah Kadi Penggal 77. Manakala kajian penulis adalah merujuk kepada Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah Penggal 184 yang mula dikuatkuasakan pada 1 Muharram 1422 bersamaan 26 Mac 2006. Yang mana penulis berkeyakinan dalam jangka masa 5-6 tahun tidak ada kajian yang terperinci mengenai pentadbiran Mahkamah Syariah dan pengurusan pentadbiran perkahwinan dibuat. Maka dalam hal ini penulis mengambil inisiatif membuat kajian tentang perkembangan yang telah dicapai oleh Mahkamah Syariah dan mengenal pasti tentang isu-isu dan masalah yang berbangkit dalam melaksanakan pentadbiran undang-undangnya.

Dalam pada itu, tidak dapat dinafikan bahawa kajian-kajian yang lepas itu telah banyak membantu pada mengukuhkan lagi kajian ini, sama ada untuk memperjelaskan dari segi perbandingan perkembangan pentadbiran Mahkamah-Mahkamah Syariah ataupun undang-undang yang telah dilaksanakan di Negara Brunei Darussalam.

1.8. Metodologi Kajian

Dalam penulisan kajian ini sumber-sumber dan maklumat yang digunakan adalah:

1.8.1. Pengumpulan Data:

Kaedah pengumpulan data ini digunakan dari dua aspek antaranya:

1.8.1.1. Kaedah Perpustakaan:

Kaedah pengumpulan data dan maklumat yang berkaitan melalui metode dokumentasi termasuk buku-buku sejarah, artikel-artikel, *annual report* dan lain-lain sumber yang boleh memenuhi kehendak kajian ini. Bagi memperolehi data ini, penulis menggunakan perpustakaan seperti berikut:

- a. Perpustakaan Utama, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- b. Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- c. Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- d. Bahagian Perpustakaan, Bahagian Arkib Negara, Brunei.
- e. Unit Perpustakaan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Brunei.
- f. Unit Perpustakaan Mahkamah Syariah, Brunei.
- g. Perpustakaan Jabatan Mufti Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.
- h. Mini Perpustakaan milik penulis sendiri.

1.8.1.2. Kaedah Temubual/Wawancara

Metod ini adalah terpenting dalam mendapatkan maklumat terkini tentang perkembangan pentadbiran Mahkamah Syariah sejak ianya ditubuhkan sehingga kepada perlaksanaan undang-undang yang digunakan. Penulis

menemubual kepada mereka yang bertanggungjawab dan berkepentingan dalam pengurusan pentadbiran mahkamah iaitu Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah, Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah, Penolong-Penolong Pendaftar dan sebahagian kecil pegawai sokongan dalam membantu kajian ini.

Di samping itu, penulis juga menemubual Hakim-Hakim Syarie yang terlibat langsung dalam melaksanakan peruntukan undang-undang yang digunakan di Mahkamah Syariah untuk mendapatkan isu-isu dan permasalahan yang dihadapi oleh mereka secara khususnya dan Mahkamah Syariah umumnya.

Selain metod yang disebutkan itu, pengkaji juga akan menerapkan pengalaman pengkaji sendiri sebagai Pegawai Ugama yang mengetuai Urusetia Unit Undang-Undang Majlis Ugama Islam, Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah dan Timbalan Pengarah Jabatan Kehakiman Negara.

1.8.2. Metod Analisis Data:

Penganalisaan data di dalam kajian ini hanya dilaksanakan melalui kaedah komparatif. Kaedah ini adalah satu proses maklumat dan keterangan yang diperolehi dibandingkan sumbernya untuk memastikan sumber mana yang terkuat dan dari sumber yang berbagai itu maklumat mana yang asah.⁹ Kaedah ini digunakan dalam mengenal pasti isu-isu yang terdapat di Mahkamah Syariah dan dibandingkan dengan perolehan isu yang terdapat di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan bagi memenuhi objektif kajian, kemudian akan dibuat satu rumusan yang tepat untuk diserapkan dalam cadangan kajian ini nanti.

⁹ Idris Awang (2001), *Kaedah Penyelidikan: Suatu Sorotan*, Malaysia: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h. 83.

BAB II

PENUBUHAN DAN BIDANG KUASA MAHKAMAH SYARIAH BRUNEI

2.1. Pendahuluan

Tidak dapat dinafikan faktor kepada pembentukan sistem perundangan dan kehakiman Brunei banyak dipengaruhi oleh politik pemerintahan, budaya dan ugama di Negara itu. Faktor ini juga membawa kepada penubuhan Mahkamah Syariah Brunei yang dikenali juga sebagai Mahkamah Kadi.

2.1.1. Kemasukan Islam ke Brunei

Bermula dengan kemasukan Islam ke Brunei pada pertengahan abad ke 13 dan menjadi sebuah Kerajaan Islam dengan pengislaman Awang Alak Betatar di Melaka,¹⁰ yang dikenali sebagai Sultan Muhammad Shah, Sultan Brunei yang pertama. Islam terus berkembang sehingga kepada zaman kegemilangan kesultanan Melayu Brunei¹¹ pada abad ke 16 dan awal abad ke 17.

Ini dikuatkan lagi dengan hujah bahawa kemuncak zaman keemasan Brunei semakin menonjol semasa pemerintahan Sultan Hassan. Baginda telah menyusun pentadbiran Negara berlandaskan hukum-hukum Islam.¹²

¹⁰ P.L. Amin Sweeney (1968), *Silsilah Raja-Raja Brunei*, *JMBRAS*, vol. 41, pt. 2, h. 51 dan Pengiran Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd Rahman (2001), *Islam di Brunei Darussalam*, Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka, c. 2, h. 97.

¹¹ Lima orang sultan bertanggungjawab terhadap perkembangan Islam di Brunei iaitu Sultan Sharif Ali (1425-1432), Sultan Bolkiah (1485-1524), Sultan Abdul Kahar (1524-1530), Sultan Saiful Rijal (1533-1581) dan Sultan Hasan (1582-1598). *Ibid.*

¹² Sabihah Osman *et.al* (1995), *Sejarah Brunei Menjelang Kemerdekaan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 48.

Perkara ini telah diakui oleh pengkaji sejarah¹³ bahawa undang-undang orang Islam di Brunei adalah berdasarkan *Hukum Kanun Brunei* yang merupakan teks undang-undang yang disalin daripada *Hukum Kanun Melaka*. Ini kerana Brunei menerima pengaruh Islam setelah kesultanan Melaka berkembang sebagai sebuah kerajaan Islam pada ketika itu. Brunei telah melaksanakan undang-undang Islam secara berperingkat-peringkat. Walaupun pengkaji sejarah tidak dapat membuktikan bilakah bermulanya undang-undang Kanun Brunei itu dilaksanakan. Akan tetapi menurut laporan W.H. Treacher Pemangku Konsul General British yang buat pertama kalinya datang ke Brunei pada tahun 1871 Masehi mencatatkan bahawa undang-undang Brunei waktu itu adalah undang-undang yang berasal dari Quran.¹⁴

2.1.2. Sistem Residen

Perubahan besar dalam sistem perundangan dan kehakiman di Brunei bermula apabila hubungan Brunei dan Inggeris terjalin secara rasminya pada tahun 1847¹⁵ dan Brunei telah bersetuju menerima penempatan Residen Inggeris di Brunei pada tahun 1906. Dengan penempatan Residen itu, bermulanya campur tangan Inggeris dalam sistem pentadbiran pemerintahan dan juga sistem perundangan dan kehakiman. Residen Inggeris merupakan salah seorang ahli Majlis Mesyuarat Negeri iaitu Naib Yang Dipertua Majlis yang berperanan untuk menggubal undang-undang dan berkuasa untuk ikut serta dalam perbicaraan

¹³M.B. Hooker (1984), *Islamic Law in South-East Asia*, Singapore: T.P., h.173.

¹⁴ W.H. Treacher, “British Borneo: Sketches of Brunei, Sarawak, Labuan and North Borneo”, *JMBRAS*, (1880), vol. 20, h. 20

¹⁵H.R. Hughes-Hallett, M.C.S. A Sketch of the History of Brunei, *JMBRAS* (1940), vol. 18(2) dalam Cheah Boon Kheng (1998), *Paper Relating to Brunei*, h. 39 dan William George Maxwell and William Sumner Gibson (1952), *Treaties and Engagement Affecting The Malay States and Borneo*, London: P Jas Truscott and Son Ltd, h. 148-149.

mengenai undang-undang Islam.¹⁶ Dengan itu, beberapa undang-undang Inggeris telah diserapkan dalam perundangan Brunei mengikut kesesuaian tempatan pada ketika itu dan undang-undang Islam semakin dipinggirkan.¹⁷

Dengan campur tangan Inggeris itu, Inggeris telah bersetuju menubuhkan Mahkamah Kadi dengan rasminya pada tahun 1908 berdasarkan Enakmen Mahkamah-Mahkamah 1908.¹⁸ Peristiwa ini adalah titik permulaan era kejayaan Inggeris menjadikan dua sistem perundangan dan kehakiman di Brunei.¹⁹

Mahkamah Kadi yang ditubuhkan itu hanya dibenarkan mentadbir dan melaksanakan undang-undang Islam yang berkaitan dengan perkara-perkara kahwin, cerai dan ibadat (khusus) sahaja dan dalam bidang kuasa jenayah hanya boleh menjatuhkan hukuman denda tidak lebih daripada sepuluh ringgit dan penjara tidak lebih daripada empat belas hari.²⁰

Undang-undang Islam yang pertama telah digubal selepas itu iaitu *Muhammadan Laws Enactment 1912*²¹ dan disusuli dengan *The Muhammadan Marriage and Divorce Enactment 1913*.²²

Pada tahun 1951, sistem Mahkamah di Brunei dan strukturnya disusun semula di bawah Sarawak, North Borneo and Brunei Courts Order in Council

¹⁶ Siti Zaliha binti Abu Salim (2006), *Sistem Kehakiman Brunei: Satu Kajian Perbandingan Dengan Sistem Kehakiman Islam*, Brunei Darussalam: Universiti Brunei Darussalam, h. 62. Buku ini berasal dari disertasi untuk mendapatkan Sarjana Pengajian Islam di Universiti Kebangsaan Malaysia, Tahun 1992

¹⁷ M.B. Hooker, *op.cit*, h. 176

¹⁸ *Enactment No. 1 of 1908*, S. 3. Lihat juga *Annual Report on the State of Brunei 1908*, h. 10

¹⁹ Mahmud Saedon Awang Othman, *Perlaksanaan dan Pentadbiran Undang-Undang Islam di Negara Brunei Darussalam* (1996), Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, h. 28.

²⁰ *Annual Report on The State of Brunei, 1933*, Cap XIII, T.F. Carey M.C.S., Singapore.

²¹ *Laws of Brunei 1906-1930*, Enactment No. 1 of 1912, S. 8. Undang-undang ini berkuat kuasa mulai 1 Julai 1912. Peruntukan dalam Undang-Undang ini adalah mengenai kesalahan-kesalahan ibadat dan peraturan keluarga khususnya mengenai hal-hal pernikahan dan perceraian orang-orang Islam.

²² *Ibid*, Enactment No. 2 of 1913. Enakmen ini berkuat kuasa pada 1 Ogos 1913. Undang-Undang ini menyentuh peraturan pendaftaran perkahwinan dan perceraian orang Islam iaitu sebagai menyempurnakan perlaksanaan dan pentadbiran kehendak *Muhammadan Laws* (1912).

yang mana Mahkamah Residen dan Rayuan yang ditubuhkan menurut peruntukan Enakmen 1908 telah dibatalkan²³ dan digantikan dengan sebuah Mahkamah yang tertinggi bagi Sarawak, Sabah dan Brunei yang terdiri daripada Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi.

Dengan tertubuhnya Mahkamah Agong yang baru itu, bidang kuasa Mahkamah-Mahkamah Negeri Selat yang berkaitan dengan urusan kehakiman Brunei, yang mengendalikan kes-kes rayuan dan kes-kes yang melibatkan hukuman mati berpindah menjadi bidang kuasa Mahkamah Agong.²⁴ Mahkamah-Mahkamah Majistret masing-masing mempunyai bidang kuasa sendiri yang telah ditentukan mengikut kadar berat ringannya kesalahan dan wang yang terlibat. Bagi Mahkamah Kadi, bidang kuasa yang diperuntukkan sama seperti undang-undang sebelumnya, tiada sebarang perubahan berlaku.

2.1.3. Sebelum Perlembagaan Bertulis Brunei

Satu penggubalan pentadbiran undang-undang Syarak yang terakhir berlaku pada tahun 1955 iaitu sebelum Perlembagaan Bertulis Negeri Brunei pada tahun 1959,²⁵ yang dinamakan Undang-Undang Majlis Ugama, Adat Istiadat dan Mahkamah-Mahkamah Kadi No. 20 Tahun 1955.

²³ *Annual Report On The State of Brunei 1955*, h. 127

²⁴ *Annual Report on The State of Brunei 1933*, Cap. XIII

²⁵ Perlembagaan Bertulis Brunei telah diisytiharkan pada 29 September 1959, yang mana satu perjanjian telah dimeterai antara kerajaan Brunei dengan kerajaan Britain. Perjanjian itu antara lain membatakan kuasa campur tangan Inggeris dalam hal ehwal dalam Negeri Brunei, di samping menghapuskan jawatan Residen dan mengantikannya dengan jawatan Pesuruhjaya Tinggi yang hanya menguruskan pentadbiran hal ehwal luar negeri dan pertahanan Brunei. Peristiwa ini berlaku di zaman pemerintah Sultan Omar Ali Saifuddien III, Sultan Brunei yang ke 28.

Undang-Undang ini digubal adalah menurut Undang-Undang Negeri Kelantan, yang mana telah diubah dan disesuaikan dengan keadaan sosio budaya, adat Negara Brunei ketika itu.²⁶

Dengan berkuat kuasanya Undang-Undang Majlis Ugama, Adat Istiadat dan Mahkamah-Mahkamah Kadi 1955 pada 1 Februari 1956²⁷ sekali lagi perubahan besar dan menjadi sejarah dalam pentadbiran kehakiman dan perundangan di Brunei. Yang mana Mahkamah Kadi telah diasingkan daripada struktur Mahkamah Brunei, ianya merupakan Mahkamah yang tersendiri dan mempunyai pentadbirannya tersendiri.

J.O. Gilbert, Resident British di Brunei ketika itu menyebutkan dalam permulaan indeks Undang-Undang Majlis Ugama, Adat Istiadat dan Mahkamah-Mahkamah Kadi, 1955 bahawa undang-undang ini ialah;

“Adalah suatu undang-undang kerana menyatukan undang-undang Adat Istiadat Melayu, Mahkamah Kadi, Perlembagaan dan pertubuhan pihak-pihak yang berkuasa agama dan peraturan hal-ehwal ugama”.

Undang-undang ini telah membatalkan Undang-Undang Islam iaitu Enakmen No.1 Tahun 1912 dan Undang-Undang Nikah Cerai Islam iaitu Enakmen No. 3 Tahun 1913.

Pada tahun 1960, Undang-Undang Majlis Ugama, Adat Istiadat dan Mahkamah-Mahkamah Kadi 1955 dipinda namanya menjadi Undang-Undang Majlis Ugama dan Mahkamah-Mahkamah Kadi 1955 berikutan dengan

²⁶ *Religious Council and Kathis Courts Enactment 1955* (Enactment No. 20 of 1955) Explanatory Note, No. 37.

²⁷ *The Revised Edition of Subsidiary Legislation of Brunei 1957*, h. 488.

terpisahnya Jabatan Hal Ehwal Ugama dan Jabatan Adat Istiadat dan Kebajikan Masyarakat.²⁸

Pada tahun 1984, apabila Undang-Undang Brunei keseluruhannya disemak semula, maka Undang-Undang Majlis Ugama dan Mahkamah-Mahkamah Kadi No. 20 Tahun 1955 juga turut disemak dengan membuat beberapa pindaan kecil dan menukar namanya kepada Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77.

Oleh yang demikian, Akta ini masih menyatakan undang-udang yang ditadbir oleh Mahkamah Kadi dan juga bagi penubuhan institusi ugama yang menguruskan pentadbiran perjalanan agama Islam termasuk perlantikan mufti.²⁹

2.1.3.1. Struktur dan Bidang Kuasa Mahkamah Syariah

Struktur dan bidang kuasa Mahkamah Syariah yang ditubuhkan berdasarkan Undang-Undang Majlis Ugama dan Mahkamah-Mahkamah Kadi terbahagi kepada dua struktur mahkamah iaitu Mahkamah Kadi Besar³⁰ dan Mahkamah Kadi³¹ serta satu Jawatankuasa Kehakiman yang berperanan sebagai mahkamah ulangbicara³² bagi kes-kes rayuan daripada Mahkamah Kadi Besar dan Mahkamah Kadi yang telah diperkenankan oleh sultan.

Dengan penyemakan itu, struktur Mahkamah Kadi telah diubah menjadi Mahkamah Kadi Daerah, Mahkamah Kadi Besar, Mahkamah Timbalan Kadi Besar dan Jawatankuasa Kehakiman. Mahkamah Kadi Daerah Brunei Muara juga

²⁸ *Religious Council and Kathis Courts Enactment 1955*, (Amendments) Enactment No. 1 /1960. Lihat juga *Buku Kenang-Kenangan Istiadat Pembukaan Bangunan Baru Jabatan Hal Ehwal Ugama, Negeri Brunei* (1966), (T.P).

²⁹ *Akta Penggal 77* ini mengandungi 11 bahagian dan mempunyai 205 bab.

³⁰ *Ibid*, Bab 46(1)

³¹ *Ibid*, Bab 46(2)

³² *Ibid*, Bab 44(1)

ditubuhkan di Bandar Seri Begawan yang berkuat kuasa seolah-olah telah ditubuhkan sejak 24 Mei 1956.³³

2.1.3.2. Perlantikan Kadi Besar dan Kadi

Tidak ada syarat-syarat khusus dalam Akta Penggal 77 untuk melantik seseorang itu menjadi Kadi Besar mahupun Kadi Daerah. Dalam peruntukan Bab 45 hanya menyebutkan secara umum “...sesiapa saja yang sesuai untuk menjadi kadi...”. Menurut kajian yang dibuat oleh Siti Zaliha binti Abu Salim dalam disertasinya bahawa secara praktikalnya perlantikan Kadi Besar dan Kadi Daerah pada ketika itu adalah terdiri daripada orang-orang yang tinggi pengetahuan ugamanya dan lepasan ijazah daripada Universiti Al-Azhar tanpa mengira apa pun jurusannya. Perkara ini sedikit sebanyak menimbulkan masalah kepada kadi-kadi yang dilantik. Oleh kerana itu timbulnya istilah “Kadi Darurat” disebabkan mereka yang dilantik itu tidak memenuhi syarat perlantikan hakim dalam Islam kerana pencapaian ilmu mereka tidak sampai ke tahap pensyaratan itu.³⁴

Menurut pengamatan Prof. Mahmud Saedon banyak graduan lulusan syariah dari Universiti al-Azhar kurang berminat untuk menjadi kadi dan senantiasa mengelak diri dari memegang jawatan tersebut. Oleh kerana itu, beliau menyarankan beberapa langkah perlu diambil antaranya mengwujudkan skim khusus untuk pegawai perundangan syariah dan mengwujudkan skim latihan dan sebagainya.³⁵

³³ *Warta Kerajaan*, Jun 27, 1984, Bhg. II, S. 22

³⁴ Siti Zaliha binti Abu Salim, *op.cit*, h. 127

³⁵ Mahmud Saedon bin Awang Othman (Prof.) (1995), “Ke arah Mengemaskinikan Mahkamah Syariah di Brunei” (Kertas kerja Seminar Sistem Kehakiman Syara’ Negara Brunei Darussalam, di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, Negara Brunei Darussalam, 10-12 Jun 1995), h. 59

2.1.3.3. Bidang Kuasa Mahkamah Syariah

Mahkamah Syariah tidak mempunyai bidang kuasa asal, ia hanya berbidang kuasa menurut perkara-perkara yang diperuntukkan oleh Akta Penggal 77 sahaja. Mana-mana kesalahan yang tidak diperuntukkan oleh Akta tersebut, Mahkamah Syariah tidak boleh membicarakannya. Ini menyebabkan bidang kuasa Mahkamah Kadi sangat terbatas dan terhad.³⁶

Mahkamah Syariah hanya mempunyai bidang kuasa dalam perkara-perkara sivil dan jenayah ke atas orang-orang Islam di Negara Brunei Darussalam. Setiap Mahkamah sama ada Mahkamah Kadi Besar ataupun Mahkamah Kadi telah ditetapkan bidang kuasa masing-masing.³⁷

Perlu juga diambil perhatian, Mahkamah Syariah hanya membicarakan ke atas kesalahan jenayah yang dilakukan oleh orang-orang Islam sahaja. Manakala kesalahan yang dilakukan oleh orang yang bukan Islam warganegara Brunei dibicarakan di Mahkamah Majistret menurut Undang-Undang Jenayah³⁸ dan mereka ini tidak dibicarakan di Mahkamah Syariah, akan tetapi boleh dipanggil sebagai saksi di Mahkamah Syariah.

Walau bagaimanapun hakikatnya, perbicaraan tidak pernah berlaku ke atas orang-orang bukan Islam warganegara Brunei. Maklumat ini diperolehi daripada seorang majistret, semasa kajian yang dibuat oleh Siti Zaliha binti Abu Salim pada tahun 1990 untuk disertasi sarjananya. Beliau telah menyatakan Mahkamah Majistret tidak akan mengambil tindakan, jika sekiranya kesalahan

³⁶*Ibid*, h. 83

³⁷ Akta Penggal 77, Bab 47(1)(2),48(1)(2)

³⁸ *Ibid*, Bab 194 – Bab 195.

yang dilakukan itu tidak dianggap salah di sisi undang-undang jenayah seperti kesalahan khalwat.³⁹

Jika seseorang bukan Islam itu adalah warganegara asing, mereka itu tidak akan dibicarakan dalam mana-mana Mahkamah, sebaliknya pihak Kerajaan Brunei akan mengambil tindakan untuk memulangkan ke negara asal mereka, apabila tuduhan kepada rakan sejenayahnya yang berugama Islam itu disabitkan bersalah oleh Mahkamah Syariah. Dalam kes *Musrini lwn Pendakwa Mahkamah Kadi*.⁴⁰ Rakan sejenayahnya seorang rakyat Filipina bukan berugama Islam telah diarahkan untuk keluar dari Negara Brunei kerana perbuatannya itu sebagai bertentangan dengan kepentingan awam “*Public Interest*”.⁴¹ Begitu juga dalam kes *Haji Bair lwn Pendakwa Mahkamah Kadi*.⁴² Rakan sejenayahnya rakyat asing berasal dari Sarawak, Malaysia, bukan berugama Islam telah diarahkan keluar daripada Negara ini.

Perkara yang amat penting dalam sejarah Mahkamah Syariah di Brunei bahawa kuasa Mahkamah Syariah tidak boleh dibatalkan oleh mana-mana Mahkamah lain dan tidak boleh ada campur tangan daripada hakim-hakim sekalipun Peguam Negara.⁴³ Malah Mahkamah Awam tidak boleh membicarakan sesuatu kes jenayah atau sivil yang telah dibicarakan oleh Mahkamah Syariah.

³⁹ Siti Zaliha binti Abu Salim, *op.cit*, h.131.

⁴⁰ Kes bil. 22/2000 Mahkamah Kadi Besar.

⁴¹ (48) MU/JUB/3/68: Memorandum Pengetua Hal Ehwal Ugama kepada Setiausaha Kerajaan, 1/11/1972

⁴² Kes bil: 132/94 Mahkamah Kadi Besar

⁴³ *Perlembagaan Negeri Brunei 1959*, Bab 81(2)

Dalam bidang kuasa sivil, Mahkamah Syariah boleh mendengar dan menetapkan segala perguaman dan perbicaraan, dengan syarat kedua-dua pihak adalah berugama Islam.⁴⁴

Pada hakikatnya, walaupun penyemakan telah dibuat, akan tetapi pada keseluruhannya tidak banyak perubahan dibuat ke atas kandungan Undang-Undang tersebut, hanya beberapa pindaan kecil telah dibuat dalam Akta Penggal 77 itu, antaranya dengan menambah satu bahagian mengenai murtad (keluar dari ugama Islam).⁴⁵ Membuat tambahan kepada bidang kuasa Mahkamah Kadi Besar dalam perkara-perkara sivil iaitu Mahkamah Kadi Besar boleh mendengar kes-kes berhubung dengan penjagaan dan jagaan anak damit, di mana salah satu pihak menganut agama Islam. Ini adalah melibatkan kes-kes di mana salah satu pihak telah memeluk ugama Islam dan satu pihak lagi tidak memeluk ugama Islam, maka kes tuntutan penjagaan anak akan didengar oleh Mahkamah Kadi Besar.⁴⁶

Dalam kes tuntutan penjagaan anak daripada *Dy Nur Iman Sofiana @ Chew Kim Lee lwn Najib*,⁴⁷ Mahkamah telah memutuskan bahawa anak-anak dijaga oleh ibunya kerana anak-anak tersebut telah memeluk ugama Islam bersama ibunya termasuk anak yang di bawah jagaan bapanya ketika itu, yang tidak hadir semasa pengislaman dijalankan.

Dalam bidang kuasa rayuan, permohonan ulangbicara dalam kes jenayah boleh dihadapkan (sebelum pindaan) hukuman denda tidak kurang dua puluh lima ringgit Brunei meningkat kepada dua ratus ringgit (selepas pindaan). Manakala

⁴⁴ *Akta Penggal 77, Bab 48 (1) (2).*

⁴⁵ *Ibid, Bab 169*

⁴⁶ *Ibid, Bab 48(1A)*

⁴⁷ Kes bil. 6/98 Mahkamah Kadi Besar

dalam bidang kuasa sivil, keputusan perbicaraan yang bernilai tidak kurang seratus ringgit meningkat kepada satu ribu ringgit.

Pindaan yang paling ketara dalam Akta ini ialah mengenai dengan hukuman denda bagi kesalahan jenayah Mahkamah Syariah, contohnya denda bagi kesalahan tidak hadir sembahyang Juma'at sebanyak sepuluh ringgit meningkat kepada seratus ringgit. Ini menunjukkan peningkatan kepada 10 kali ganda berbanding Undang-Undang No. 20/1955. Walau bagaimanapun hukuman penjara tidak ada perubahan.

Berdasarkan kepada kenaikan kadar denda itu, maka bidang kuasa jenayah Mahkamah Kadi meningkat iaitu daripada berkuasa menjatuhkan hukuman denda tidak lebih daripada seratus ringgit kepada seribu ringgit, dan bidang kuasa sivilnya berhak mendengar dan memutuskan perbicaraan guaman bernilai tidak lebih daripada lima ratus ringgit kepada nilai harta tidak lebih dari lima ribu ringgit.

Tidak dapat dinafikan, walaupun hukuman denda ditingkatkan, namun kes-kes jenayah Mahkamah Kadi Besar masih meningkat. Ini dapat dibuktikan dalam statistik kes-kes jenayah yang dibicarakan oleh Mahkamah Kadi Besar dari tahun 1990 hingga 1996 seperti berikut:

Jadual 2.1: Penyata Kes Jenayah Mahkamah Kadi Besar dari Tahun 1990-1996

BAB	1990	1991	1992	1993	1994	1995	1996	JUMLAH
178(3)	9	23	21	11	7	8	4	83
178(4)	91	173	150	96	106	91	92	799
194/178(3)(4)	4	5	6		1	-	1	17
177(1)(2)	20	37	27	17	16	5	5	127
185 & 186	-	-	-	-	3	-	-	3
JUMLAH	124	238	204	124	133	104	102	1029

Sumber: Mahkamah Tinggi Syariah Brunei

Ini bermakna masyarakat belum takut dengan hukuman denda yang dijatuhkan oleh Mahkamah Syariah. Lebih-lebih lagi jenayah syariah bukanlah dianggap sebagai jenayah awam yang boleh diambil tindakan tata tertib bagi penjawat awam.

Mahmud Saedon dalam bukunya⁴⁸ mengatakan Undang-Undang Majlis Ugama dan Mahkamah-Mahkamah Kadi 1955 ini, walaupun lebih kemas dan teratur berbanding undang-undang sebelumnya, namun pada hakikatnya ia masih berkisar pada ruang lingkup yang sama dengan undang-undang sebelumnya, bahkan hukum Syarak tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya sebagaimana yang dituntut oleh Islam.

Kedudukan Mahkamah Syariah dari awal penubuhannya pada tahun 1908 hingga kepada kuat kuasa undang-undang ini masih ditahap yang rendah berbanding dengan Mahkamah Awam di Brunei. Perkara ini juga dijelaskan dalam pembentangan kertas kerjanya dalam seminar yang diadakan di Brunei.⁴⁹

Dalam Undang-Undang ini tidak ada peruntukan mengenai bidang kuasa penyemakan kepada Jawatankuasa Kehakiman. Tidak ada catatan dalam buku daftar Majlis Ugama Islam mengenai permohonan penyemakan ke atas sama ada kes-kes Mahkamah Kadi Besar mahupun kes Mahkamah Kadi. Sehingga pada tahun 1996, satu permohonan daripada Pendakwa Mahkamah Kadi untuk membuat penyemakan ke atas kes Jenayah Mahkamah Kadi Besar dalam kes *Awg. Yussop lwn. Pendakwa Mahkamah Kadi*.⁵⁰ Perkara-perkara yang dipohonkan semakan ialah (*Point of Law*) di atas kes yang telah diputuskan oleh Mahkamah

⁴⁸ Mahmud Saedon Awang Othman, (1996), *op.cit*, h. 30.

⁴⁹ Mahmud Saedon bin Awang Othman (Prof.) (1995), *op.cit*, h. 35.

⁵⁰ Kes Jenayah bil. 81/93 Mahkamah Kadi Besar dan telah didaftarkan dalam daftar Mahkamah Rayuan Syariah bil. MMS/KHEU/RJ/4/2001.

Kadi Besar membebaskan yang dituduh di bawah kesalahan Bab 178(4) dari Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77. Walau bagaimanapun kes tersebut tidak sempat dibuat penyemakan oleh Jawatankuasa Kehakiman berikutan peralihan kepada Mahkamah Rayuan Syariah pada tahun 2001. Pada 2 Mac 2004, Mahkamah Rayuan Syariah telah mendengar dan telah memutuskan menolak permohonan pihak Pendakwa Syarie dengan merujuk kepada peruntukan bidang kuasa penyemakan di bawah Bab 21(1) Akta Mahkamah Syariah Penggal 184. Yang mana permohonan semakan itu adalah bagi kes-kes yang masih dalam prosiding Mahkamah Tinggi Syariah.

Oleh yang demikian, penulis mengambil kesimpulan bahawa jika sekiranya kes-kes Mahkamah Kadi Besar yang masih dalam prosiding yang dipohonkan semakan akan diterima oleh Mahkamah Rayuan Syariah, walaupun pada asalnya Jawatankuasa Kehakiman tidak mempunyai bidang kuasa penyemakan.

2.1.3.4. Undang-Undang Prosedur Mahkamah Syariah

Pada umumnya prosedur jenayah Mahkamah Syariah yang diperuntukkan di dalam Akta Penggal 77⁵¹ adalah sama dengan peruntukan undang-undang prosedur Mahkamah Sivil, akan tetapi ianya terlalu ringkas dan menyukarkan pihak-pihak yang terlibat dalam menjalankan tugas-tugas mereka. Contoh dalam kes *Dato Wahab lwn Pendakwa Mahkamah Kadi*.⁵² Walau bagaimanapun Bab 78 dari peruntukan dalam Akta Penggal 77 menjadi penyelamat dalam membantu menyempurnakan peruntukan tatacara sebelumnya

⁵¹Akta Penggal 77, Bab 62-76

⁵²Kes bil. 69/91 Mahkamah Kadi Besar

dengan mengunapakai tatacara yang diamalkan di Mahkamah Sivil. Akan tetapi setakat mana peruntukan ini dapat membantu, ianya tertakluk kepada kemahiran pengamalnya. Oleh kerana itu, sama ada hakim mahupun pihak pendakwa dan pegawai merinyu ugama pada ketika itu mengalami kesukaran disebabkan kurang berkemahiran dalam mentafsirkan undang-undang prosedur yang terlalu teknikal.

Begitu juga halnya dalam undang-undang acara mal, hanya terdapat enam belas bab⁵³ yang diperuntukkan. Ianya terlalu ringkas dan sukar difahami oleh pegawai-pegawai mahkamah untuk melaksanakannya.

2.1.3.5. Penguatkuasaan Hukuman⁵⁴

Mahkamah Kadi Besar berbidang kuasa untuk menguatkuasakan hukuman atau perintah yang dikeluarkan oleh Mahkamah itu sendiri, dan menguatkuasakan hukuman yang dikeluarkan oleh Mahkamah Kadi sebagaimana kuasa yang diberikan kepada Mahkamah Majistret.⁵⁵ Akan tetapi hanya pada tahun 1997⁵⁶ Mahkamah Kadi Besar mengendalikan pengurusan penguatkuasaan perlaksanaan hukuman tersebut. Sebelum itu, mana-mana kes penguatkuasaan perlaksanaan hukuman Mahkamah Kadi dihadapkan ke Mahkamah Majistret. Lihat kepada penyata kes mal yang dicatatkan melalui kes-kes perlaksanaan hukuman yang dikendalikan oleh Mahkamah Kadi Besar dari Tahun 1997-2001.

⁵³ *Akta Penggal 77, Bab 80-96*

⁵⁴ *Ibid, Bab 90(1)(2)*

⁵⁵ *Ibid, Bab 90(3)*

⁵⁶ Hajah Zuraaina binti Haji Abd. Rahman, pegawai yang mengendalikan kes-kes perlaksanaan hukuman Mahkamah Kadi Besar ketika itu, sekarang menjawat jawatan Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah, Temubual pada 25 September 2007.

Jadual 2.2: Penyata Kes Permohonan Perlaksanaan hukuman

Tahun	1997	1998	1999	2000	2001	Jumlah
Perlaksanaan Hukuman	6	5	33	87	72	197

Sumber: Mahkamah Tinggi Syariah Brunei

Walau bagaimanapun usaha menguatkuasakan perintah itu telah dibuat oleh Mahkamah Kadi Besar, akan tetapi banyak kes-kes perlaksanaan dan penguatkuasaan hukuman tidak dipatuhi dan menyebabkan kes-kes itu tertangguh terutama kes nafkah.⁵⁷

Perkara ini juga telah diulas oleh Mahmud Saedon⁵⁸ bahawa peruntukan yang memberi ruang kepada Mahkamah Majistret untuk melaksanakan penguatkuasaan perintah yang telah dikeluarkan oleh Mahkamah Kadi hanya memberikan gambaran kedudukan Mahkamah Kadi itu terlalu rendah. Menyebabkan masyarakat tidak menghormatinya dan mengabaikannya.

Peruntukan seterusnya membenarkan Mahkamah Syariah untuk memakai amalan dan peraturan Mahkamah-Mahkamah Majistret dalam perbicaraan-perbicaraan sivil dalam perkara-perkara amalan dan peraturan yang tidak ditetapkan oleh Undang-undang ini untuk mengelakkan ketidakadilan dan bagi menyelesaikan perkara-perkara yang dipersoalkan antara pihak-pihak.⁵⁹

Peruntukan ini memberikan kesukaran dalam penafsiran undang-undang sivil, kerana sebagaimana sedia maklum, pegawai-pegawai mahkamah bukan berkelulusan undang-undang pada ketika itu dan tidak mempunyai latihan dan praktikal dalam melaksanakannya.

⁵⁷Pengalaman penulis semasa menjadi Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah dari tahun 2001-2005.

⁵⁸Mahmod Saedon bin Awang Othman, *op.cit*, h. 53.

⁵⁹Akta Penggal 77, Bab 96.

2.1.3.6. Kesalahan-Kesalahan⁶⁰

Kesalahan-kesalahan yang boleh dihukum oleh Mahkamah Syariah bukanlah kesalahan jenayah syariah sepenuhnya. Ini bermakna Mahkamah Syariah tidak membicarakan kes-kes yang melibatkan kes curi, bunuh dan sebagainya. Kes-kes seumpama ini dibicarakan di Mahkamah Sivil.

2.1.3.7. Undang-Undang Keterangan

Undang-undang keterangan hanya diperuntukkan dalam satu bab sahaja.⁶¹ Undang-undang ini juga mengarahkan supaya mengunapakai undang-undang Keterangan Mahkamah Sivil. Ini menyukarkan pihak pendakwaan dan Mahkamah sendiri kerana sebagaimana yang dimaklumi bahawa pegawai-pegawai yang bertugas di bahagian pendakwaan pada suatu ketika dahulu bukanlah berkelulusan tinggi yang mahir dalam memahami undang-undang berkenaan.

2.1.3.8. Undang-Undang Keluarga

Sejak penubuhan Mahkamah Syariah 1908, Mahkamah Syariah telah diberi kuasa mentadbir dan mengendalikan undang-undang keluarga berhubung dengan hal ehwal perkahwinan, perceraian dan kesalahan-kesalahan berkaitan dengannya bagi orang-orang Islam di Negara Brunei Darussalam sehingga tergubalnya Undang-Undang Majlis Ugama dan Mahkamah-Mahkamah Kadi

⁶⁰ *Ibid*, Bab 170-196

⁶¹ *Ibid*, Bab 57

1955. Undang-Undang ini hanya terpakai kepada perkahwinan kedua-dua pihak yang berugama Islam dan yang dijalankan mengikut hukum Syarak.⁶²

Undang-undang keluarga ini terlalu ringkas dan sukar untuk dilaksanakan terutama apabila membabitkan warganegara asing terutama kes-kes nafkah, penjagaan anak dan sebagainya.

Kajian yang dibuat oleh Haji Salim bin Haji Besar dalam kertas kerjanya⁶³ menyatakan bahawa banyak terdapat kecacatan dan ketidakjelasan dalam peruntukan undang-undang keluarga Islam antaranya peruntukan dan tafsiran yang tidak jelas, terdapat peruntukan yang bercanggah dengan hukum Syarak, terdapat konflik pentadbiran di antara dua sistem kehakiman antara Mahkamah Kadi dan Mahkamah Sivil dan kesukaran memahami teks yang dibuat dalam bahasa Inggeris sahaja.

2.1.3.9. Bahagian Pendaftaran Perkahwinan Dan Perceraian Orang Islam

Undang-undang pendaftaran perkahwinan dan perceraian telah diperuntukkan di dalam Akta Penggal 77.⁶⁴ Kadi Besar dan Kadi atas nama jawatannya menjadi Pendaftar Nikah Cerai Orang-Orang Islam mengikut kawasan masing-masing sebagaimana mereka itu berbidang kuasa dalam perkara-perkara jenayah dan sivil (mal).⁶⁵ Begitu juga imam-imam tiap-tiap masjid atas nama jawatannya dilantik menjadi Pendaftar Nikah Cerai Orang Islam bagi tiap mukim

⁶²Akta Penggal 77, Bahagian IV-VII.

⁶³Haji Salim bin Haji Besar, “Ke arah Mengemaskinikan Undang-Undang Keluarga di Brunei” (Kertas kerja Seminar Sistem Kehakiman Syara’ Negara Brunei Darussalam, di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, Negara Brunei Darussalam, 10-12 Jun 1995), h. 7

⁶⁴Akta Penggal 77, Bahagian VI dari Bab 134-156

⁶⁵Ibid, Bab 135(2)

masjidnya.⁶⁶ Pada ketika ini perlantikan imam-imam menjadi Pendaftar Nikah Cerai Orang Islam adalah atas sokongan Jabatan Hal Ehwal Masjid dan hendaklah lulus peperiksaan yang diadakan oleh Jabatan berkenaan.⁶⁷

Selain daripada Kadi-Kadi dan imam-imam, orang-orang awam yang terdiri daripada pegawai-pegawai ugama dan guru-guru ugama yang berkelayakan juga dilantik menjadi jurunikah mengikut daerah yang telah ditetapkan dan menerima tauliah perlantikan daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan.⁶⁸ Pada kelazimannya, lantikan ke atas orang-orang awam sebagai jurunikah adalah di kalangan pegawai-pegawai ugama yang berkelulusan Universiti al-Azhar Mesir berdasarkan sokongan Jabatan masing-masing kepada Majlis Ugama Islam.

2.1.3.9.1. Bidang Kuasa Pendaftar Perkahwinan Dan Perceraian Orang Islam

Sebagaimana yang dijelaskan tadi, Kadi Besar dan Kadi adalah juga sebagai Pendaftar Nikah Cerai Orang Islam. Secara langsung Kadi Besar adalah juga sebagai pentadbir dalam mengawal hal ehwal perkahwinan dan perceraian orang-orang Islam di seluruh Negara, manakala Kadi-Kadi adalah menjadi pentadbir, mengawal hal ehwal perkahwinan dan perceraian mengikut daerah masing-masing. Kadi-Kadi hendaklah membuat laporan bulanan kepada Kadi Besar.⁶⁹

⁶⁶ *Ibid*, Bab 135(3)

⁶⁷ Haji Ismail bin Haji Abd. Manap, Pengarah Hal Ehwal Masjid, Temubual pada 1 Oktober 2007.

⁶⁸ *Akta Penggal 77*, Bab 137(1)

⁶⁹ Abang Razali bin Abang Haji Zainuddin (1966), *Buku Kenangan-Kenangan Istiadat Pembukaan (Bangunan Baru) Jabatan Hal Ehwal Ugama*, Brunei: T.P., h. 37.

Sebagai Pendaftar Nikah Cerai Orang Islam, Kadi Besar dan Kadi-Kadi mempunyai kewajipan kuasa-kuasa dan hak-haknya menurut Akta ini.⁷⁰

Antara kuasa-kuasa dan tanggungjawab Pendaftar Nikah Cerai Orang Islam yang diperuntukkan dalam Undang-Undang ini adalah memberi kebenaran untuk menjalankan pernikahan,⁷¹ mendaftarkan pernikahan,⁷² mengeluarkan sijil nikah dan sijil *ta'liq*,⁷³ imam-imam atau jurunikah-jurunikah yang telah dilantik hendaklah membuat laporan kepada Kadi tentang apa-apa hal kejadian di atas mana-mana perkara pernikahan yang dilangsungkan itu tidak sah atau pernikahan yang didaftarkan itu dijalankan dengan jalan yang berlawanan dengan Undang-Undang,⁷⁴ mendaftarkan perceraian dan mengeluarkan sijil cerai,⁷⁵ mendaftarkan dan mengeluarkan sijil *ruju'*,⁷⁶ menyimpan dengan sempurna daftar perkahwinan dan daftar perceraian,⁷⁷ mengeluarkan salinan catatan yang diperakui sah bagi keterangan nikah atau cerai.⁷⁸

Di samping itu, setiap dokumen-dokumen dan sijil-sijil yang dikeluarkan hendaklah ditandatangani oleh Kadi mengikut kawasan di mana dokumen-dokumen atau sijil-sijil itu dikeluarkan. Kadi-kadi juga diberi kuasa mentadbir hal ehwal kewangan yang dikumpulkan daripada hasil bahagian ini dan menyerahkannya kepada Majlis Ugama Islam.

Untuk menjamin kesempurnaan perlaksanaan Undang-Undang tersebut, beberapa peraturan secara pentadbiran juga telah dikeluarkan oleh Pejabat Kadi

⁷⁰ *Akta Penggal 77* , Bab 135(4)

⁷¹ *Ibid*, Bab 137(2) dan Bab 141

⁷² *Ibid*, Bab 141(2), Bab 142(2) dan Bab 143(1)

⁷³ *Ibid*, Bab 143(4)(5)

⁷⁴ *Ibid*, Bab 143(6)

⁷⁵ *Ibid*, Bab 144(2)(3)

⁷⁶ *Ibid*, Bab 150(3)

⁷⁷ *Ibid*, Bab 152(2)

⁷⁸ *Ibid*, Bab 153(2)

Besar dan Pejabat Kadi Daerah antaranya mengadakan kursus pra perkahwinan yang dikendalikan oleh Unit Khidmat Nasihat Keluarga, Jabatan Hal Ehwal Syariah dan mengeluarkan borang-borang khusus untuk permohonan perkahwinan.

Setiap permohonan untuk berkahwin hendaklah juga disahkan oleh Ketua Kampung di mana pemohon itu tinggal. Pengesahan itu termasuk tentang status pemohon itu sama ada bujang, duda atau janda.

Begitu juga, jika seseorang itu hendak berkahwin dengan warganegara asing, hendaklah mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan Negara Brunei Darussalam sebelum kebenaran bernikahnya dikeluarkan.

Dalam hal pemohon ingin berpoligami, Pejabat Kadi Daerah telah mengeluarkan peraturan dengan mengisikan borang permohonan berpoligami terlebih dahulu, sebelum pernikahannya dibenarkan. Peraturan ini walaupun tidak ada diperuntukkan dalam Undang-Undang, akan tetapi ianya bertujuan untuk menjaga pihak-pihak yang terlibat terutama pihak isteri dan anak-anak mendapat haknya masing-masing.

Di samping itu, sebelum permohonan poligami dihadapkan ke Mahkamah Kadi, pemohon itu hendaklah menghadapkan permohonannya kepada Unit Khidmat Nasihat Keluarga untuk mendapatkan nasihat dan sebagainya.

Dalam Mahkamah, Kadi-kadi dibenarkan untuk memeriksa segala data-data perbelanjaan, kesanggupan mengenai dengan nafkah kepada isteri, anak-anak yang sedia ada dan bakal isteri. Pemohon diarahkan untuk membuat ikrar dengan mendatangkan dua orang saksi dan menandatangani borang ikrar berkenaan.

Dalam setengah kes permohonan poligami, ada juga yang tidak dibenarkan oleh Kadi pada masa itu.⁷⁹

Secara tidak langsung, peraturan-peraturan yang dibuat secara pentadbiran itu dapat membantu menyelesaikan masalah di bahagian ini, memandangkan peruntukan dalam Undang-Undang mengenai perkahwinan dan perceraian terlalu ringkas dan kurang menepati kehendak semasa.

2.1.3.9.2. Tugas-Tugas Kadi

Di samping tugas dan tanggungjawab Kadi yang diperuntukkan oleh Undang-Undang iaitu sebagai Hakim yang membicarakan kes-kes yang berkaitan dengan Undang-Undang Keluarga dan kes-kes jenayah berdasarkan Undang-Undang Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi 1955, Kadi juga sebagai pentadbir dalam menguruskan hal ehwal Mahkamah kerana tidak ada Pendaftar yang diberi kuasa undang-undang untuk mentadbir, mengawal selia hal ehwal mahkamah.

Kadi juga sebagai Pendaftar Perkahwinan dan Perceraian Orang Islam, yang melaksanakan undang-undang perkahwinan secara keseluruhannya.

Bahkan Kadi itu juga sebagai Ketua Pentadbir Ugama di dalam Daerah di mana dia dilantik. Walau bagaimanapun di Daerah Brunei Muara, tugas Kadi sebagai ketua pentadbir itu berkurangan iaitu hanya mentadbir dan menguruskan hal ehwal masjid-masjid sahaja. Ini adalah kerana Daerah Brunei Muara merupakan pentadbiran pusat Kementerian Hal Ehwal Ugama, yang mana terdapatnya jabatan-jabatan yang berpusat di sana.

⁷⁹ Haji Johar bin Haji Mohammad, bekas Kadi Daerah sekarang menjawat jawatan Hakim Mahkamah Rendah Syariah. Temubual pada 1 Oktober 2007.

Di daerah⁸⁰ pada umumnya Kadi adalah sebagai ketua pentadbir bagi bahagian-bahagian dan cawangan-cawangan jabatan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama. Tugas-tugas yang dikendalikan dalam pentadbiran dan kewangan termasuklah menyediakan peruntukan perbelanjaan tahunan bagi Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah, mengawal dan menyelia pegawai-pegawai dalam pentadbiran Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah termasuk memberi kebenaran cuti dan sebagainya.

Di daerah, kedudukan Kadi berperanan sebagai orang yang nombor dua selepas Pegawai Daerah. Dengan kedudukannya itu, Kadi terlibat langsung sebagai ahli dalam Jawatankuasa Tertinggi Daerah iaitu pengurus bagi acara majlis-majlis keugamaan daerah. Kadi juga tempat rujukan masyarakat Islam di daerahnya dan memberi keputusan atau nasihat terhadap isu-isu ugama yang ditimbulkan. Kadi juga sering diundang menjadi tetamu kehormat dalam satu-satu majlis di daerah dan menjadi pembaca doa majlis-majlis rasmi yang melibatkan keberangkatan di raja.

Jika kita lihat dan perhatikan tugas Kadi di daerah itu banyak menjurus kepada seorang pentadbir. Memandangkan pertembungan antara tugas sebagai Hakim dan Pentadbir, perkara yang timbul adalah perbezaan perwatakan yang amat ketara dalam menjalankan tugas sebagai Hakim perbicaraan dan pentadbir dalam pejabat. Apabila Kadi sebagai hakim dalam perbicaraan adalah sudah menjadi kemestiannya untuk menetapkan tarikh-tarikh perbicaraan yang akan didengarnya. Pada masa yang sama Kadi sebagai pentadbir, dia juga mempunyai komitmen dalam menghadiri mesyuarat-mesyuarat di Daerah ataupun di

⁸⁰ Tutong, Belait dan Temburong.

pentadbiran pusat Kementerian Hal Ehwal Ugama, tambahan lagi jika mesyuarat itu penting yang memerlukan kehadirannya. Dengan adanya pertembungan tarikh itu, kes-kes yang telah ditetapkan itu akan ditangguhkan perbicaraannya. Ini menyebabkan pihak-pihak yang terlibat akan mendapat kesulitan dan perspsi masyarakat kepada Mahkamah Kadi itu akan berubah kepada yang tidak baik.

Dari sudut keadilan juga perlu diambil kira, di mana orang ramai beranggapan bahawa Kadi itu adalah seorang pegawai biasa yang boleh, mudah untuk dijumpai dan terlalu *expose* kepada masyarakat termasuk orang-orang yang terlibat dalam kes-kes yang akan dibicarakan oleh Kadi itu. Dalam keadaan ini, menimbulkan ketidakselesaan dan serba salah, yang mana ditakuti menyebabkan ketidakadilan berlaku dan mendatangkan fitnah dari pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.⁸¹

Dalam Islam, untuk menjawat jawatan Kadi itu memerlukan perwatakan, kebolehan, pengetahuan yang luas dan baik untuk menjalankan tugas yang telah dipertanggungjawabkan. Bahkan bukan setakat itu sahaja di mana Islam telah memberikan syarat yang ketat untuk menjadi seorang Kadi itu. Secara umumnya dapat kita jelaskan seperti berikut iaitu Islam, baligh, berakal, merdeka, lelaki, adil, mujtahid, sempurna pancaindera.⁸² Walaupun di dalam syarat-syarat yang disebutkan itu ada sebahagian ulama berselisih pendapat. Akan tetapi ini membuktikan jawatan Kadi itu adalah jawatan yang penting dalam pentadbiran kehakiman dan Negara, maka adalah wajar tugas Kadi itu dikaji semula dan hendaklah diberi tumpuan kepada hal-hal kehakiman semata-mata demi untuk

⁸¹ Haji Johar bin Haji Mohamamd, bekas Kadi Daerah sekarang menjawat jawatan Hakim Mahkamah Rendah Syariah. Temubual pada 1 Oktober 2007.

⁸² Mahmud Saedon A. Othman (1991), *Kadi: Perlantikan, Perlucutan dan Bidangkuasa*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 26-43

mencapai keadilan dan kewibawaan Kadi serta Mahkamah itu sendiri, kerana tugas sebagai hakim itu merupakan tanggungjawab yang amat berat apatah lagi dibebani dengan tugas-tugas yang disebutkan itu tadi. Rasulullah *s.a.w* bersabda:

عَنِ ابْنِ بُرَيْدَةَ عَنْ أَبِيهِ عَنِ النَّبِيِّ -صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ- قَالَ «الْقُضَاٰ تَلَاثَةٌ وَاحِدٌ فِي الْجَنَّةِ وَاثْنَانٌ فِي النَّارِ فَأَمَّا الَّذِي فِي الْجَنَّةِ فَرَجُلٌ عَرَفَ الْحَقَّ فَقَضَى بِهِ وَرَجُلٌ عَرَفَ الْحَقَّ فَجَاهَ فِي الْحُكْمِ فَهُوَ فِي النَّارِ وَرَجُلٌ قَضَى لِلنَّاسِ عَلَى جَهَلٍ فَهُوَ فِي النَّارِ». قَالَ أَبُو دَاوُدَ وَهَذَا أَصَحُّ شَيْءٍ فِيهِ يَعْنِي حَدِيثُ ابْنِ بُرَيْدَةَ «الْقُضَاٰ تَلَاثَةٌ».⁸³

Bermaksud:

Dari Ibn Buraidah dari bapanya, Rasulullah *s.a.w* bersabda, Hakim itu ada tiga golongan, segolongan di syurga, sedang yang dua golongan di neraka. Adapun hakim yang di syurga itu ialah hakim yang mengetahui kebenaran lalu menghukum dengan kebenaran itu; sedang hakim yang mengetahui kebenaran tetapi dia menyimpang dari kebenaran itu dalam keputusannya maka ia di neraka, dan hakim yang memutuskan hukum terhadap orang lain dengan kebodohan, maka dia di neraka.

Berdasarkan hadis di atas, kita dapat mengambil iktibar dan panduan supaya kredibiliti Kadi itu terpelihara dan keadilan dalam institusi kehakiman Islam itu dapat dipenuhi.

2.2. Usaha Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien

Apabila Sultan Omar ‘Ali Saifuddien ditabalkan menjadi sultan Brunei yang ke 28, Baginda telah berusaha gigih untuk membangunkan Brunei dalam semua bidang termasuk pentadbiran, pendidikan, ekonomi, pembangunan infrastruktur dan keagamaan secara menyeluruh dan sepadu iaitu pembangunan negara dan individu, pembangunan kebendaan dan rohani, pembangunan kerohanian dan keagamaan.

⁸³ Abu Daud Sulayman Ibn al-Asy’ath, al-Sijistanī (1988), *Sunan Abi Daud*, Kitāb al-‘Aqdiyyah, Bab fī al-Qādi Yukhtī’, no. hadith. 3573, j. 3, Kaherah: Dār al-Hadith, h. 297.

Langkah awal yang Baginda ambil ialah untuk membentuk Perlembagaan Bertulis bagi Negeri Brunei. Perjanjian itu telah ditandatangani pada 29 September 1959. Dengan adanya perjanjian itu, Brunei telah mengambil alih pemerintahan dalam negeri. Ini adalah satu kejayaan yang besar dalam sejarah Brunei, di mana Baginda telah berjaya memulihkan kekuasaan pemerintahan dalam negeri ke tangan anak tempatan dari campur tangan Residen British.

Dengan usaha yang Baginda laksanakan itu, maka kedudukan agama Islam menjadi kukuh dan mantap dari segi syiar dengan terbinanya masjid yang terbesar dan terindah di Asia Tenggara, menubuhkan Pejabat Hal Ehwal Ugama, memantapkan kedudukan Majlis Ugama Islam sebagai institusi agama yang tertinggi dan berperanan menasihati Baginda dalam hal ehwal ugama Islam. Pemahaman masyarakat, pendidikan, pentadbiran dan pentadbiran undang-undangnya bertambah baik dan kukuh sehingga Kerajaan British secara rasmi mengakui bahawa Brunei akan terus tetap menjadi sebuah Negara Melayu Islam Beraja.⁸⁴ Sebagai raja, Baginda juga mempunyai gagasan agar hukum kanun dihidupkan semula iaitu bukan sahaja berfungsi sebagai peraturan dan undang-undang Negara bahkan bersesuaian dengan arus pemodenan dan inspirasi pembangunan Negara.⁸⁵

⁸⁴ Mahmud Saedon bin Awang Othman (1994), “Undang-Undang Islam Dalam Kesultanan Melayu Brunei hingga 1959”, dalam Prof Madya Dr. Awang Haji Hashim bin Haji Abd Hamid, *Jejak-Jejak* (2003), Brunei: Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam, h. 26

⁸⁵ Sabihah Osman *et al*, *op.cit*, h. 111.

2.3. Islam Dalam Perlembagaan Negara Brunei Darussalam

Di dalam Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, kuasa memerintah yang tertinggi adalah sultan.⁸⁶ Apa yang penting, Perlembagaan telah memperuntukkan ugama Islam sebagai agama rasmi Negara dan agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan sempurna bagi sesiapa yang mengamalkannya.⁸⁷

Perlembagaan Brunei di dalam Perkara 3 ceraian (3) yang menyebutkan Majlis Ugama Islam adalah badan yang bertanggungjawab menyembahkan nasihat kepada Sultan dalam semua perkara mengenai ugama Islam. Peruntukan ini selaras dengan peruntukan di bawah Undang-Undang Majlis Ugama yang menubuhkan institusi ugama Islam yang tertinggi, yang berkuasa dalam menasihati Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan ugama Islam. Institusi ugama yang dimaksudkan itu ialah Majlis Ugama Islam.⁸⁸

Kuasa untuk membuat undang-undang yang berkaitan dengan ugama Islam terletak di bawah kuasa sultan, setelah membuat perundingan dengan Majlis Ugama Islam. Walau bagaimanapun di dalam Perlembagaan tidak menyebut mengenai penubuhan Mahkamah Syariah mahupun Mahkamah Awam.

2.4. Sistem Perundangan Dan Kehakiman Selepas Kemerdekaan

Gagasan Sultan Omar Ali Saifuddien untuk menghidupkan kembali undang-undang Islam sebagai peraturan dan undang-undang Negara dan menjadikan Brunei sebagai Negara mengamalkan Islam sebagai cara hidup telah diisytiharkannya dalam permasyhuran kemerdekaan pada 1 Januari 1984.

⁸⁶ *Perlembagaan Negara Brunei Darussalam*, Perkara 4(1).

⁸⁷ *Ibid*, Perkara 3(1)

⁸⁸ *Undang-Undang Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Tahun 20/1955*, Bab 5.

Menurut tokoh perundangan Prof. Dato Dr. Haji Mahmud Saedon dalam bukunya⁸⁹ menyatakan apabila Brunei telah mengisytiharkan kemerdekaan pada 1 Januari 1984 daripada naungan British dan telah mengisytiharkan sebagai Negara Melayu Islam Beraja adalah sangat tepat. Kerana titah itu dengan jelas telah menggariskan Negara Brunei sebagai Negara Melayu Islam Beraja.

Untuk merealisasikan falsafah Negara itu, usaha-usaha telah rancak dirancang. Penerapan nilai-nilai Islam mula dilaksanakan di dalam pentadbiran dan dasar kerajaan termasuk dalam perundangan dan kehakiman antaranya cadangan menyesuaikan undang-undang Brunei dengan kehendak hukum Syarak.

Ini bukan bermakna Brunei pada satu ketika dulu tidak mengamalkan ugama Islam, akan tetapi penerapan itu hampir terhakis disebabkan kemasukan dan pengaruh campur tangan Inggeris ke Brunei dalam pentadbiran kerajaan dan lebih-lebih lagi dalam sistem perundangan dan kehakiman.

2.5. Wawasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah, sultan Brunei yang ke 29 yang memerintah Brunei sehingga kini telah meneruskan cita-cita ayahandanya iaitu untuk menjadikan Brunei sebagai Negara yang mengamalkan Islam sebagai cara hidup. Perkara ini banyak Baginda sentuh di dalam titah-titah dalam majlis keberangkatan Baginda. Menurut pentadbiran kerajaan Brunei, Baginda adalah juga sebagai perdana menteri⁹⁰ yang membuat dasar dan hala tuju pentadbiran Negara. Maka titah-titah adalah sumber dasar untuk dilaksanakan.

⁸⁹ Mahmud Saedon Awang Othman, *op.cit*, h. 38.

⁹⁰ *Perlembagaan Negara Brunei Darussalam*, Perkara 4 (1A) pindaan 2004.

Wawasan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan banyak dinyatakan oleh seorang tokoh ugama di Brunei di dalam bukunya *Melayu Islam Beraja: suatu pendekatan*,⁹¹ antaranya:

- i. Brunei hendaklah menjadikan moral dan etika serta nilai-nilai murni sebagai asas dalam mencapai kemajuan.⁹²
- ii. Kejayaan pembangunan adalah pembangunan yang seimbang antara pembangunan kebendaan dan kerohanian.⁹³
- iii. Dasar Kerajaan Brunei Darussalam untuk melahirkan pengurusan dan pentadbiran yang berorientasikan Islam dengan memberikan latihan dan kemahiran kepada pentadbir dan pengurus mengenai pengurusan Islam.⁹⁴

Manakala wawasan Baginda dalam bidang perundangan antaranya:

- i. Kerajaan Brunei benar-benar serius dalam melaksanakan ajaran-ajaran al-Quran dengan itu usaha-usaha telah dilakukan bagi menyesuaikan sistem perundangan Brunei dengan kehendak hukum Syarak.⁹⁵
- ii. Perkara-perkara yang ditegah oleh al-Quran telah pun dijadikan undang-undang Negara seperti pengharaman judi dan arak.⁹⁶
- iii. Dalam bidang kewangan, Negara Brunei telah menubuhkan institusi-institusi kewangan Islam bagi penghapusan riba.⁹⁷

⁹¹ Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin (Pehin) (1998), *Melayu Islam Beraja: Suatu Pendekatan*, Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 210-218

⁹² Titah dalam Majlis Sambutan Isra' dan Me'raj, pada 9 Januari 1994.

⁹³ Titah sempena Hari Keputeraan yang ke 48 Tahun, pada 15 Julai 1994.

⁹⁴ *Ibid.*

⁹⁵ Titah dalam Majlis Pembukaan Rasmi Muktamar Akademi Fiqh Islam Kali ke VIII, pada 21 Jun 1993.

⁹⁶ Titah sempena Menyambut Pelancaran Menulis Al-Quran bagi menggantikan Cokmar Universiti Brunei Darussalam, pada 23 Februari 1993.

⁹⁷ *Ibid.*

Untuk merealisasikan wawasan Baginda itu, Baginda berharap apa yang perlu sekarang dan masa depan ialah kesediaan masyarakat Brunei terutama masyarakat Islam untuk menerima cara hidup dan cara bernegara menurut calak Islam itu. Jangan sampai seperti perumpamaan; satu pihak membangun masjid, dan satu pihak lagi merobohkannya.

2.6. Penyesuaian Undang-Undang Brunei Dengan Kehendak Ugama Islam

Perancangan untuk menyesuaikan undang-undang Brunei dengan kehendak hukum Syarak telah bermula pada pertengahan tahun 1980 lagi. Iaitu sebelum pengisytiharan Kemerdekaan Brunei. Satu jawatankuasa menyesuaikan Undang-Undang Brunei dengan kehendak ugama Islam ditubuhkan oleh Majlis Ugama Islam atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan pada 21 Julai 1980. Ahli-ahli yang dilantik adalah terdiri daripada ahli-ahli Majlis Ugama Islam dan juga orang perseorangan mengikut bidang masing-masing.

Antara tujuan penubuhan jawatankuasa ini adalah untuk meneliti Undang-Undang Brunei yang berkuat kuasa pada masa itu dan membuat penyesuaian dengan kehendak ugama Islam. Terdapat 150 Penggal Undang-undang Brunei yang telah disemak, pada keseluruhannya tidak banyak yang bercanggah dengan kehendak agama Islam.⁹⁸

Usaha-usaha murni untuk menjadikan Brunei ke arah melaksanakan undang-undang Islam itu sedang rancak dirancang, cuma yang perlu, sikap dan komitmen yang padu perlu dipertingkatkan.

⁹⁸ Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin (Pehin), *op.cit*, h. 235.

Perkara ini juga pernah ditekankan di dalam buku Mahmud Saedon,⁹⁹ beliau menyarankan beberapa langkah perlu dibuat untuk melaksanakan sepenuhnya undang-undang Islam di Negara Brunei Darussalam sebagaimana yang dihasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan. Antaranya:

- i. Pindaan Perlembagaan seperti peruntukan berbunyi:

“Islam adalah sumber utama undang-undang Negara Brunei Darussalam. Mana-mana undang-undang yang bercanggah dengannya adalah terbatas setakat mana ia bercanggah.”

- ii. Memastikan semua undang-undang yang berkuat kuasa di Negara Brunei sesuai dengan kehendak Islam termasuk undang-undang yang akan dikuatkuaskan. Ke arah itu perlu dipastikan proses penggubalan dan perundangannya menepati tujuan itu.
- iii. Memansuhkan Akta Pemakaian Undang-Undang¹⁰⁰ yang berkuat kuasa pada ketika ini dengan menggantikan Akta Pemakaian Undang-Undang yang menjadikan undang-undang Islam sebagai rujukan jika terdapat sebarang lakuna undang-undang.
- iv. Menyusun dan memperkemaskan Mahkamah Syariah.
- v. Mewujudkan satu sistem perundangan dan kehakiman demi melicinkan undang-undang Islam dapat dilaksanakan sepenuhnya.
- vi. Mendedahkan dan memahamkan undang-undang Islam terutama dari segi keistimewaan, kesesuaian dan keunggulannya kepada pegawai undang-undang yang berlatar belakangkan pendidikan dan latihan undang-undang Inggeris.

⁹⁹ Prof. Dato Dr. Haji Mahmud Saedon Awang Othman, *op.cit*, h. 46-49.

¹⁰⁰ *Laws Of Brunei*, S. 2.

2.7. Mengemaskinikan Mahkamah Syariah

Usaha untuk mempertingkatkan Mahkamah Syariah telah timbul semasa membuat penelitian terhadap Akta Penggal 77 iaitu semasa membuat penelitian untuk menyesuaikan Akta berkenaan dengan kehendak hukum Syarak. Jawatankuasa Menyesuaikan Undang-Undang Brunei Dengan Kehendak Ugama Islam telah mencadangkan dua draf kertas kerja iaitu draf Cadangan Akta Mahkamah Besar Syariah atau Mahkamah Rayuan Syariah dan Cadangan Bagi Perlembagaan Mahkamah-Mahkamah Syariah atau Mahkamah Rayuan Syariah. Yang mana kedua-dua cadangan ini telah dihadapkan kepada Majlis Ugama Islam untuk diperakukan dan diluluskan. Kertas kerja itu antara lain mencadangkan pengemaskinian struktur Kehakiman Ugama Islam Negara Brunei Darussalam. Majlis Ugama Islam dalam mesyuaratnya¹⁰¹ telah bersetuju dengan cadangan itu.

Dalam langkah untuk merealisasikan cadangan itu, satu Jawatankuasa telah ditubuhkan oleh Majlis yang dinamakan Jawatankuasa Bertindak Ke arah Penubuhan Mahkamah Agung Syariah yang terdiri daripada Ahli Majlis Ugama Islam, Kementerian Undang-Undang dan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Antara tugas dan peranan yang diamanahkan kepada Jawatankuasa ini adalah sebagai induk bagi perancangan penyusunan dan penyediaan program-program ke arah penyatuan sistem perundangan dan kehakiman Negara Brunei Darussalam di bawah satu sistem sahaja.

¹⁰¹ Mesyuarat kali ke sebelas Tahun 1414/1993, pada 3 Rabiulawal 1414/21 Ogos 1993, Kertas Mesyuarat bil.49/93 dan Kertas Mesyuarat bil. 50/93

Berikutnya dengan itu, Jawatankuasa ini telah menghadapkan beberapa keputusan dasar dan telah dipersetujui oleh Majlis Ugama Islam.¹⁰² Keputusan itu juga telah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan. Antara keputusan dasar itu ialah:

- a. Jawatankuasa bersetuju supaya dikemaskinikan dan dipertingkatkan sistem Mahkamah-Mahkamah Kadi yang ada sekarang dengan ditubuhkan Mahkamah Tinggi Syariah di Negara ini.
- b. Jawatankuasa bersetuju nama bagi mahkamah itu nanti ialah Mahkamah Rayuan Syariah.
- c. Jawatankuasa bersetuju dengan adanya Mahkamah Rayuan Syariah itu, Mahkamah-Mahkamah Kadi yang ada pada masa ini dikemaskinikan seperti berikut:
 - i. Mahkamah Kadi Daerah menjadi Mahkamah Syariah.
 - ii. Mahkamah Kadi Besar menjadi Mahkamah Tinggi Syariah.
 - iii. Jawatankuasa Kehakiman menjadi Mahkamah Rayuan Syariah.
- d. Jawatankuasa bersetuju bagi persediaan ke arah penyusunan struktur kehakiman syariah ini, maka Kadi-Kadi, Pendakwa-Pendakwa, Pendaftar-Pendaftar dan mereka yang berurusan dengan pentadbiran Mahkamah hendaklah ditingkatkan kebolehan dan keupayaan mereka dengan diberikan kursus dan latihan.
- e. Diadakan bangunan khusus dan keperluannya.
- f. Hendaklah bangunan itu nanti ditempatkan di pusat Bandar.

¹⁰² Mesyuarat kali ke kedua belas Tahun 1415/1994 yang berlangsung pada 26 Rabiulawal 1415/ 3 September 1994, kertas mesyuarat bil.58/94.

Keputusan awal Majlis Ugama Islam mengenai penubuhan mahkamah itu telah membuat beberapa pindaan dalam mesyuaratnya¹⁰³ iaitu:

- i. Mahkamah Kadi Besar menjadi Mahkamah Tinggi Syariah (yang dipengerusikan oleh Kadi Besar dan hakim-hakim yang lain)
- ii. Jawatankuasa Kehakiman menjadi Mahkamah Rayuan Syariah (yang diketuai oleh pegawai yang mengetua Mahkamah Rayuan)
- iii. Majlis mengambil keputusan supaya cadangan pindaan bagi Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77 ini ditangguhkan.
- iv. Majlis juga mengambil keputusan bersabit dengan keputusan di atas, supaya digubal undang-undang baru mengenai mahkamah secara khusus yang lebih sesuai dengan keadaan pada masa ini.
- v. Majlis juga mengambil keputusan supaya pengubalan undang-undang berkenaan dipercepatkan.

Dalam masa yang sama, Majlis Ugama Islam juga telah menimbangkan cadangan Penggubalan Undang-Undang Keluarga Islam Negara Brunei Darussalam bagi menggantikan undang-undang mengenai perkahwinan dan perceraian dalam Akta Penggal 77. Ini adalah berikutan daripada cadangan perwakilan dalam Mesyuarat Merealisasikan Garispanduan Undang-Undang Keluarga Islam Negara-Negara MABIMS¹⁰⁴ yang diadakan di Kuala Lumpur. Perwakilan telah merasakan bahawa telah tiba masanya Negara ini memerlukan satu Undang-Undang Keluarga Islam yang lengkap dan tersendiri memandangkan Akta Penggal 77 itu kurang bersesuaian dan banyak kelemahan-kelemahan di

¹⁰³ Mesyuarat kali ke enambelas Tahun 1415/1994 dan kali ke dua Tahun 1415/1995, pada 15 November 1994 dan 28 Januari 1995, kertas mesyuarat bil. 82/94

¹⁰⁴ Negara-Negara MABIMS ialah Malaysia, Brunei, Indonesia dan Singapore.

dalamnya berbanding dengan suasana perkembangan sosial, kepesatan penduduk Islam di Negara ini dan juga Negara-Negara MABIMS yang lain telah mempunyai undang-undang keluarganya yang tersendiri.

Ke arah perlaksanaan penggubalan undang-undang itu, pada tahun 1995, satu jawatankuasa telah ditubuhkan oleh Majlis Ugama Islam¹⁰⁵ dan diberi nama Jawatankuasa Penggubal Undang-Undang Keluarga Islam. Jawatankuasa ini antaranya terdiri daripada Yang Mulia Prof. Dato Dr. Haji Mahmud Saedon bin Awang Othman iaitu Pakar Perundangan Islam Kementerian Hal Ehwal Ugama sebagai Penggerusi dan Awang Haji Salim bin Haji Besar iaitu Kadi Besar pada ketika itu.

Jawatankuasa ini mempunyai peranan dan tugas yang penting antaranya meneliti undang-undang pentadbiran ugama Islam dan Undang-Undang Keluarga Islam negara-negara jiran Malaysia sebagai contoh dan panduan dalam menggubal undang-undang Negara ini.

Disamping itu, Jawatankuasa ini juga telah diberi tugas tambahan untuk penubuhan Mahkamah Tertinggi Syariah dan penyusunan semula Mahkamah Kadi kepada Mahkamah Syariah antaranya menggubal Akta Mahkamah Syariah, menyediakan cadangan draf undang-undang yang akan ditadbir oleh Mahkamah Syariah iaitu Undang-Undang Keterangan Mahkamah Syariah, Undang-Undang Acara Mal Mahkamah Syariah, Undang-Undang Acara Jenayah Mahkamah Syariah.

Bertitik tolak daripada usaha-usaha padu yang dinyatakan itu, maka Jawatankuasa Penggubal Undang-Undang Keluarga Islam telah dapat menyiapkan

¹⁰⁵Kertas mesyuarat bil. 4/95 dalam Mesyuarat Majlis Ugama Islam kali pertama tahun 1415/1995, pada 7 Januari 1995.

Perintah Darurat (Mahkamah-Mahkamah Syariah) 1998 dan Perintah Darurat (Undang-Undang Keluarga Islam) 1999 dan undang-undang yang lain. Kedua-dua Undang-Undang itu telah diwartakan¹⁰⁶ untuk pengetahuan masyarakat umum.

Pada 1 Muharram 1422 bersamaan 26 Mac 2001, Kebawah Duli Yang Maha Mulia memperkenankan penubuhan Mahkamah Syariah dengan berkuat kuasanya Perintah Darurat (Mahkamah-Mahkamah Syariah) 1998 yang dikenali sebagai Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah Penggal 184 dari Undang-Undang Brunei.

Penubuhan Mahkamah Syariah ini telah Baginda sentuh dalam titahnya pada 15 Julai 1996, sempena Hari Keputeraan Baginda yang ke 50 tahun iaitu:

“Oleh itu, dengan rasa keimanan yang bulat terhadap peraturan dan undang-undang Allah, maka Beta telah memperkenankan penubuhan Mahkamah-Mahkamah Syariah sehingga ke tahap setinggi-tingginya, bagi menangani bukan saja pentadbiran undang-undang keluarga, malahan juga diketika yang sesuai dan munasabah akan mengendalikan Qanun Jina’i Islam yakni *Islamic Criminal Act* selengkapnya, sebagaimana yang dituntut oleh Allah S.W.T.”

Dengan tertubuhnya Mahkamah Syariah itu, struktur Mahkamah seperti berikut:

- i. Mahkamah Kadi menjadi Mahkamah Rendah Syariah
- ii. Mahkamah Kadi Besar menjadi Mahkamah Tinggi Syariah
- iii. Jawatankuasa Kehakiman menjadi Mahkamah Rayuan Syariah.

Langkah seterusnya dalam memperkemaskan dan meningkatkan taraf Mahkamah Syariah ialah menyediakan kemudahan infrastruktur iaitu dengan terbinanya bangunan yang baru pada penempatan yang strategik di pusat bandar.

¹⁰⁶ Perintah Darurat (Mahkamah-Mahkamah Syariah) 1998 diwartakan pada 22 Oktober 1998, manakala Perintah Darurat (Undang-Undang Keluarga Islam) 1999 diwartakan pada 18 November 1999.

Manakala pembinaan Mahkamah Syariah di daerah, telah dimasukkan dalam rancangan jangka panjang.

Selain itu, ke arah mewujudkan pegawai dan kakitangan yang berkemahiran, Skim Perkhidmatan Kehakiman Syariah juga telah diluluskan dengan memberikan syarat penekanan kepada lulusan syariah sahaja yang diterima masuk di dalam perkhidmatan Kehakiman Syariah. Latihan-latihan, kursus, bengkel dalam dan luar negeri telah dijalankan dan diikuti oleh hakim-hakim, pendaftar-pendaftar dan kakitangan bawahan. Dengan kerjasama pihak Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, beberapa orang hakim dan pegawai mahkamah dihantar ke Universiti berkenaan untuk mengikuti kursus Diploma Pentadbiran dan Kehakiman Islam. Apabila Universiti Brunei Darussalam menawarkan kursus Diploma Kehakiman dan Guaman Syarie maka pegawai-pegawai Mahkamah Syariah dikehendaki mengikuti kursus berkenaan untuk memenuhi syarat Skim Perkhidmatan Kehakiman itu. Manakala pegawai perundangan dari mana-mana agensi kerajaan yang lain dialu-alukan mengikutinya. Ini termasuk juga peguam-peguam syarie yang ingin beramal di Mahkamah Syariah di Negara Brunei.

Selain mempunyai undang-undang keluarga yang komprehensif yang setanding dengan Negara-Negara MABIMS, Mahkamah Syariah juga telah mempunyai undang-undang keterangan, undang-undang acara mal dan sedikit masa lagi akan mempunyai undang-undang jenayah dan acaranya.

Di samping itu, bidang kuasa Mahkamah Syariah telah diperluaskan melalui undang-undang bertulis yang lain antaranya mendengar permohonan Perintah Pengangkatan Kanak-Kanak Dalam Islam 2001, yang telah dikuatkuasakan

bersamaan dengan tarikh penubuhannya¹⁰⁷ dan permohonan Perintah Pajak Gadai 2002 yang baru dikuatkuasakan pada tahun 2005.

2.8. Penubuhan Jabatan Kehakiman Negara

Satu perkembangan yang positif dalam pentadbiran kehakiman di Negara Brunei Darussalam iaitu pada 1 Mei 2002, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan telah berkenan menubuhkan satu jabatan untuk mentadbir kedua-dua Mahkamah iaitu Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil. Jabatan ini bertanggungjawab dalam hal ehwal pentadbiran serta pengurusan perkhidmatan sokongan, peruntukan dan hal ehwal kewangan kedua-dua Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil. Jabatan Kehakiman Negara merupakan sebuah jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri dengan diketuai oleh seorang pengarah. Walau bagaimanapun peralihan pentadbiran kedua-dua Mahkamah kepada Jabatan Kehakiman Negara mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2002.

Satu perkara yang perlu diambil perhatian, penubuhan Jabatan ini tidak membabitkan pentadbiran kehakiman, kedua-dua Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil masih terus mengekalkan prosedur dan prinsip kehakiman masing-masing sebagaimana yang tertulis dalam Akta dan Peraturan-Peraturan yang diperuntukkan kecuali hal-hal yang berhubung dengan pentadbiran dan kewangan akan dikendalikan oleh Jabatan Kehakiman Negara.

Ini bermakna fungsi dan tanggungjawab Jabatan Kehakiman Negara hanyalah mengenai hal ehwal pentadbiran harian biasa, yang mana dalam suatu keadaan, Jabatan ini juga tidak dapat memberikan keputusan yang muktamad

¹⁰⁷ Awang Salim bin Besar (Pehin) (2002), “Undang-Undang Pentadbiran Islam dan Mahkamah Syariah di Negara Brunei Darussalam”, dalam Abul Monir Yaacob *et al.* (peny.), *Pembangunan Undang-Undang di Rantau Asean*, Kuala Lumpur: IKIM, h. 125-126.

dalam satu perkara melainkan merujuk kepada kedua-dua Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah dan Sivil. Ini sedikit sebanyak boleh menimbulkan kesalahfahaman orang ramai dan juga agensi-agensi kerajaan yang lain mengenai fungsi Jabatan ini.

Ini amat berbeza dengan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, yang mana Ketua Hakim Syarie adalah juga sebagai ketua pengarah yang mengetuai pentadbiran jabatan itu.¹⁰⁸

Untuk melancarkan pengurusan pentadbiran Jabatan ini, Jabatan ini telah menubuhkan satu jawatankuasa *ad-hoc* peringkat atasan yang terdiri daripada Pengarah Jabatan Kehakiman Negara, Timbalan Pengarah, Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah dan Ketua Pendaftar Mahkamah Besar yang dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri atau Timbalannya.

Antara tugas dan tanggungjawab Jabatan ini ialah bertanggungjawab dalam pengurusan pentadbiran dan kewangan bagi kedua-dua Mahkamah Sivil dan Syariah termasuk penyediaan peruntukan tahunan dan peruntukan khas kedua-dua mahkamah, bertanggungjawab dalam pengurusan, perancangan pembangunan sumber tenaga manusia iaitu penyediaan program-program latihan dalam dan luar negeri, jangka pendek dan jangka panjang, bertanggungjawab dalam mengembangmajukan program-program pembaharuan dalam Perkhidmatan Awam, menjadi penyelaras jawatankuasa-jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah kawalan Jabatan ini seperti Jawatankuasa Sumber Tenaga Manusia, Jawatankuasa Audit Dalaman dan lain-lain jawatankuasa yang ditubuhkan dari masa ke semasa.

¹⁰⁸ Laporan Tahunan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia Tahun 2005.

2.9. Kesimpulan

Pada kesimpulannya, Penubuhan Mahkamah Syariah banyak dipengaruhi oleh politik pemerintahan, budaya dan ugama iaitu kemasukan ugama Islam ke Brunei, campur tangan Inggeris dalam sistem perundangan dan kehakiman.

Sebelum campur tangan Inggeris di Brunei, undang-undang yang dilaksanakan di Brunei adalah berdasarkan undang-undang Islam iaitu *Hukum Kanun Brunei*.

Walau bagaimanapun, apabila Inggeris campur tangan dalam perundangan, maka undang-undang Islam mula dipinggirkan secara perlahan-lahan, sehingga dengan rasminya Mahkamah Syariah ditubuhkan berdasarkan Undang-Undang Mahkamah-Mahkamah 1908, di mana penubuhannya di bawah pentadbiran Mahkamah Awam dengan diberikan bidang kuasa yang sempit dan terhad dalam hal-hal perkahwinan dan perceraian orang-orang Islam. Manakala bidang kuasa jenayah hanya boleh menjatuhkan hukuman tidak lebih daripada sepuluh ringgit dan penjara empat belas hari.

Beberapa tahun kemudian, Mahkamah Syariah mempunyai undang-undang Islam yang dinamakan “*Muhammadan Laws Enachment 1912*” dan “*The Muhammadan Marriage and Divorce Enachment 1913*”, yang terhad bagi mengawal dan mengatur hal-hal pernikahan dan perceraian orang Islam sahaja.

Disusuli dengan Undang-Undang Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi pada tahun 1955.

Dengan berkuatkuasanya Undang-Undang No. 20 Tahun 1955, Mahkamah Syariah telah diasingkan pentadbiran dan strukturnya daripada Mahkamah Awam. Undang-undang ini walaupun lebih kemas dan teratur, akan tetapi hukum Syarak

masih tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya. Kandungan undang-undang ini mencangkupi secara keseluruhannya termasuk prosedur, undang-undang keterangan, undang-undang keluarga dengan peruntukan yang sangat ringkas dan menyulitkan untuk melaksanakannya.

Secara umumnya, Kadi dan Kadi Besar adalah mempunyai tiga peranan tugas yang berbeza iaitu hakim dalam mahkamah perbicaraan, pendaftar dalam urusan perkahwinan dan pentadbir dalam pejabatnya dalam satu masa. Dengan beban tugas yang berat ini, menyebabkan tugas-tugas sebagai hakim tergendala dan kurang diberikan tumpuan dan mengakibatkan kes-kes ada yang tertangguh.

Pada tahun 1984, penyemakan ke atas Undang-Undang Brunei telah dibuat termasuk Undang-Undang No. 20 Tahun 1955 dan membuat beberapa pindaan, namun bidang kuasa Mahkamah Syariah masih dalam ruang lingkup yang sama dan tidak mempunyai apa-apa perubahan kecuali kenaikan kadar denda yang amat ketara.

Usaha dan wawasan Sultan Omar ‘Ali Saifuddien dan anakandanya Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan untuk menjadikan Brunei sebagai Negara Melayu Islam Beraja, Islam sebagai cara hidup dan undang-undang Islam dapat dilaksanakan, maka usaha ke arah mendokong dan menyokong wawasan itu telah giat dilaksanakan seperti pengislaman Undang-Undang Brunei.

Untuk mencapai matlamat ke arah penyatuan sistem kehakiman di Negara Brunei, maka pengemaskinian struktur Mahkamah Kadi telah dibuat agar setanding dan setaraf dengan Mahkamah Awam.

Dengan itu, Perintah Darurat (Mahkamah-Mahkamah Syariah) 1998 dikuatkuasakan dan dikenali namanya dengan Akta Mahkamah-Mahkamah

Syariah Penggal 184. Dengan berkuatkuasanya Akta Penggal 184 itu, Mahkamah Syariah menjadi kepada tiga peringkat Mahkamah iaitu Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah sebagaimana juga halnya dengan Mahkamah Awam¹⁰⁹ iaitu Mahkamah Rayuan, Mahkamah Tinggi, Mahkamah Perantaraan dan Mahkamah Majistret.

Selain itu usaha untuk mengadakan Undang-Undang Keluarga Islam yang tersendiri juga telah dibuat dengan penggubalan Perintah Darurat (Undang-Undang Keluarga Islam) 1999 dan undang-undang yang lain yang akan ditadbir oleh Mahkamah Syariah iaitu undang-undang keterangan, acara mal dan undang-undang jenayah dan acaranya.

Di samping itu bidang kuasa Mahkamah Syariah juga turut diperluaskan kepada membicarakan permohonan pengangkatan kanak-kanak dalam Islam dan permohonan perintah pajak gadai.

Penubuhan Jabatan Kehakiman Negara berfungsi sebagai pemudahcara dalam urusan-urusan pentadbiran adalah satu langkah awal ke arah penyatuan sistem kehakiman di masa akan datang.

¹⁰⁹ Mahkamah Awam ialah Mahkamah Besar Brunei yang ditubuhkan di bawah peruntukan Undang-Undang Mahkamah Besar 1963 iaitu bagi menggantikan Mahkamah Agung Sarawak, Borneo Utara dan Brunei. Mahkamah Besar Brunei mengandungi Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan yang mempunyai bidang kuasa sivil dan jenayah. *The Supreme Court Enactment, 1963*. Enactment No.2 of 1963. Manakala Mahkamah Rendah (Majistret) ditubuhkan di bawah peruntukan Enakmen Mahkamah-Mahkamah Rendah 1982 bagi menggantikan Mahkamah Majistret Kelas I, II dan III. *The Subordinate Courts Enactment*. Enactment No. 11 of 1982. Mahkamah Perantaraan ditubuhkan di bawah Enakmen Mahkamah-Mahkamah Perantaraan yang dikuatkuasakan pada 1 Julai 1991. *Intermediate Courts Act, 1991*.

BAB III

SISTEM PENTADBIRAN MAHKAMAH SYARIAH

3.1. Pendahuluan

Setelah peralihan Mahkamah Kadi kepada Mahkamah Syariah, pentadbiran Mahkamah Syariah masih sama dengan yang sebelumnya, iaitu pentadbiran mahkamah dan pentadbiran bahagian perkahwinan masih disatukan. Strukturnya boleh dibahagikan kepada dua struktur besar iaitu Bahagian Mahkamah dan Bahagian Perkahwinan, Perceraian, Pembatalan dan *Ruju‘ Orang Islam di Negara Brunei Darussalam*. Kedua-dua bahagian ini diketuai oleh Ketua Hakim Syarie.

Dengan peralihan itu juga, pentadbiran Mahkamah Syariah telah diasingkan daripada Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama. Pentadbiran Mahkamah Syariah telah ditadbir oleh Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah dan dibantu oleh Timbalan Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah, Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah dan Penolong-Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah di setiap daerah.¹¹⁰


Bagi membantu Mahkamah Syariah dalam pentadbiran am dan kewangan, Jabatan Kehakiman Negara telah ditubuhkan pada tahun 2002 untuk mentadbir dan melaksanakan berhubung dengan hal-hal pentadbiran, kewangan dan pengurusan perkhidmatan sokongan.

Setelah dipecahkan mengikut peranan dan fungsi masing-masing, maka terdapat lima bahagian penting di bawah pentadbiran Mahkamah Syariah iaitu Pejabat Pendaftaran Perkahwinan, Perceraian, Pembatalan dan *Ruju‘ Orang Islam*,

¹¹⁰ Daerah Brunei dan Muara, Daerah Belait, Daerah Tutong dan Daerah Temburong.

Pejabat Pendaftaran Mahkamah Rendah Syariah, Pejabat Pendaftaran Mahkamah Tinggi Syariah, Pejabat Pendaftaran Mahkamah Rayuan Syariah dan juga Pentadbiran Am. Sebagaimana dalam rajah berikut:

Rajah 3.1: Struktur Organisasi Pentadbiran Mahkamah Syariah



Sumber: Bahagian Penyelidikan Mahkamah Rayuan Syariah

3.2. Bahagian Pendaftaran Perkahwinan, Perceraian, Pembatalan dan Ruju' Orang Islam

Bahagian Pendaftaran Perkahwinan, Perceraian, Pembatalan dan *Ruju'* Orang Islam adalah salah satu bahagian dalam struktur pentadbiran Mahkamah Syariah. Ini berbeza dengan di Malaysia, di mana Bahagian pendaftaran perkahwinan, cerai dan rujuk di bawah pentadbiran Jabatan Agama Islam Negeri

masing-masing dan bukan di bawah pentadbiran Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.

Bahagian Pendaftaran Perkahwinan, Perceraian, Pembatalan dan *Ruju‘* Orang Islam telah ditubuhkan di empat-empat daerah di Negara Brunei. Yang mana pentadbiran Daerah-Daerah diketuai oleh Timbalan Pendaftar Perkahwinan, Perceraian, Pembatalan dan *Ruju‘* Orang Islam, dan dikawal selia oleh pentadbiran pusat oleh Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah selaku Ketua Pendaftar Perkahwinan, Perceraian, Pembatalan dan *Ruju‘* Orang Islam.¹¹¹

3.2.1. Perlantikan Pendaftar-Pendaftar Perkahwinan

Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah, Timbalan Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah, Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah, Penolong-Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah adalah orang-orang yang dilantik di bawah Bab 26 (1) dan (2) dari Perintah Perintah Darurat (Undang-Undang Keluarga Islam) 1999.

3.2.2. Bidang kuasa Pendaftar-Pendaftar Perkahwinan

Bahagian Pendaftaran Perkahwinan, Perceraian, Pembatalan dan *Ruju‘* Orang Islam menjalankan kuasa-kuasa berdasarkan Perintah Darurat Undang-Undang Keluarga Islam 1999, antaranya¹¹² mengeluarkan kebenaran berkahwin dalam dan luar negeri,¹¹³ pendaftaran perkahwinan dalam dan luar negeri,¹¹⁴

¹¹¹ Berdasarkan Bab 26(1) bahawa...Ketua Pendaftar PPPROI berkuasa menjalankan penyeliaan dan kawalan ke atas Pendaftar-Pendaftar dan Timbalan-Timbalan Pendaftar, dan pendaftaran perkahwinan, perceraian, pembatalan dan *ruju‘* orang Islam di bawah Perintah ini.

¹¹² *Perintah Darurat (Undang-Undang Keluarga Islam), 1999*, Bahagian II-III dan Bab 54

¹¹³ *Ibid*, Bab 16(1) dan 18(3)

¹¹⁴ *Ibid*, Bab 24 (3) dan 29(1)

pengeluaran sijil nikah dan *ta'liq*,¹¹⁵ pendaftaran cerai dan pembatalan, pengeluaran sijil cerai dan surat pembatalan,¹¹⁶ pendaftaran *ruju'* dan pengeluaran sijil *ruju'*,¹¹⁷ pembetulan kesilapan catatan dalam sijil-sijil nikah, cerai, pembatalan dan *ruju'*,¹¹⁸ pemeriksaan daftar dan indeks perkahwinan, perceraian, pembatalan dan *ruju'*,¹¹⁹ dan memproses tuntutan elaun jurunikah.

3.2.3. Perkahwinan menurut Undang-Undang Keluarga Islam di Brunei

Perkahwinan yang hendak dilangsungkan di Negara Brunei Darussalam, selain menepati kehendak hukum Syarak mengikut mazhab *Syāfi'i*¹²⁰ iaitu memenuhi lima rukun perkahwinan yang terdiri daripada pengantin perempuan, pengantin lelaki, wali, dua orang saksi dan lafaz *ijāb* dan *qabūl*,¹²¹ hendaklah juga menepati kehendak undang-undang keluarga Islam yang telah dikuatkuasakan iaitu:

- i. Orang yang boleh mengakadnikahkan

Syarat utama yang ditetapkan oleh undang-undang ialah sesiapa sahaja yang memegang tauliah yang telah diberikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan, boleh menjalankan akad nikah.¹²²

Dalam konteks Brunei, orang-orang yang boleh mengakadnikahkan itu adalah terdiri daripada pemegang tauliah jurunikah iaitu:

¹¹⁵ *Ibid*, Bab 22 (1) (2)

¹¹⁶ *Ibid*, Bab 54(3)(4)(5) dan (6).

¹¹⁷ *Ibid*, Bab 52(1) dan (2)

¹¹⁸ *Ibid*, Bab 140(1)

¹¹⁹ *Ibid*, Bab 141(1)

¹²⁰ Selaras dengan Perlembagaan Negara Brunei Darussalam dalam Perkara 2- Tafsiran “Ugama Islam” bermakna ugama Islam menurut ahli Sunnah Wal-jamaah mengikut mazhab *Syāfi'i*.

¹²¹ Dr. Mustafā al-Khin & Dr. Mustafā al-Bughā Ali Syarbāzī (1996), *al-Fiqh al-Manhajī*, j. 2, c. 2, Damsyik: Dār al-Qalam, h. 51.

¹²² *Perintah Darurat (Undang-Undang Keluarga Islam)*, 1999, Bab 8(1).

- a. Ketua Hakim Syarie dan Hakim-Hakim Syarie.¹²³
- b. Jurunikah-jurunikah yang dilantik mengikut daerah¹²⁴ yang telah ditetapkan.¹²⁵

Walau bagaimanapun peruntukan ini tertakluk kepada status perempuan yang akan diakadnikahkan itu, iaitu sama ada perempuan itu mempunyai wali *nasab* ataupun sebaliknya.

Jika perempuan yang akan berkahwin itu mempunyai wali *nasab* sama ada wali dekat iaitu bapa atau datuknya ataupun wali jauh mengikut susunan wali,¹²⁶ maka wali perempuan itu boleh mengakadnikahkan anak perempuannya, atau wali perempuan itu boleh mewakilkan seseorang untuk mengakadnikahkan anak perempuannya itu di hadapan jurunikah, dengan syarat, wali tersebut telah mendapat kebenaran daripada Pendaftar di mana perempuan yang hendak berkahwin itu *bermastautin*.¹²⁷

Pada kebiasaannya, di Brunei, wali akan mewakilkan kepada jurunikah yang bertauliah untuk menikahkan anak perempuannya, setelah mendapat kebenaran daripada Pendaftar.

Manakala perempuan yang tidak mempunyai wali *nasab* yang sah seperti anak yang tak sah taraf, maka hendaklah dinikahkan oleh wali hakim.¹²⁸

Bagi kedudukan wali perempuan yang enggan mewalikan pernikahan anaknya, undang-undang telah menetapkan supaya perkara itu dirujukkan kepada

¹²³ *Ibid*, Bab 26(3). Mereka ini dilantik dengan sebab jawatannya.

¹²⁴ Daerah Brunei dan Muara, Daerah Tutong, Daerah Belait, Daerah Temburong.

¹²⁵ *Ibid*, Bab 26(4). Pada kelazimannya, jurunikah yang dilantik terdiri di kalangan pegawai hal ehwal masjid, imam-imam masjid yang telah disokong oleh Jabatan Hal Ehwal Masjid dan juga pegawai-pegawai ugama yang disokong oleh Majlis Ugama Islam.

¹²⁶ Susunan wali yang diamalkan di Brunei mengikut mazhab Syafī seperti dalam Lampiran “A”

¹²⁷ *Ibid*, Bab 8(2).

¹²⁸ *Ibid*, Bab 8(7). Wali hakim ialah jurunikah yang telah ditauliahkan dengan tauliah am oleh KDYMM Sultan untuk menikahkan perempuan mengikut hukum Syarak.

Pendaftar terlebih dahulu untuk memastikan sebab keenggan walinya itu,¹²⁹ jika keenggan itu tidak bersesuaian dengan kehendak Syarak maka gugur hak perwaliannya itu kepada wali hakim. Dalam kes permohonan wali hakim daripada *Siti Noorhariyati lwn Haji Abdullah*,¹³⁰ disebabkan wali pemohon enggan untuk menjadi wali dalam pernikahan beliau. Mahkamah telah mendapati keenggan itu tidak jelas sebab-sebabnya berdasarkan hukum Syarak. Maka permohonan untuk berwali hakim dibenarkan oleh Mahkamah.

ii. Keizinan perempuan dan persetujuan walinya.¹³¹

Setiap pernikahan yang akan dijalankan itu hendaklah mendapat keizinan daripada perempuan dan walinya. Ini selaras dengan hadis Rasulullah *s.a.w* yang diriwayatkan oleh Aisyah *r.a* yang bermaksud:

“Saya menanyakan Rasulullah *s.a.w* mengenai anak dara yang dikahwinkan oleh walinya, sama ada perlu atau tidak untuk berunding dengannya. Rasulullah *s.a.w* menjawab: Ya, perlulah berunding dengannya. Aisyah *r.a* meriwayatkan; saya memberitahunya yang anak dara berasa malu, lalu Rasulullah *s.a.w* menjawab; dengan berdiam diri dia menunjukkan persetujuannya.”¹³²

iii. Persetujuan pihak-pihak berkuasa.

Dalam keadaan perempuan yang akan berkahwin itu tidak mempunyai wali *nasab* seperti anak yang tidak sah taraf, anak angkat yang tidak diketahui keturunannya atau wali perempuan itu enggan untuk menikahkan anak perempuannya tanpa sebab-sebab yang jelas mengikut hukum Syarak dan wali yang tidak dapat dikesan di mana dia berada. Maka persetujuan hendaklah diperolehi daripada Hakim Syarie yang mempunyai bidang kuasa di tempat pihak

¹²⁹ *Ibid*, Bab 8(6)

¹³⁰ Bil kes. MRHS/MAL/BM 649/2006

¹³¹ Perintah Darurat (*Undang-Undang Keluarga Islam*), 1999, Bab 8(3), (4) dan Bab 12(a).

¹³² *Ibid*, Bab 12(b)

perempuan itu *bermastaутin* untuk membolehkan perempuan itu diakadnikahkan oleh wali hakim.

iv. Mas Kahwin, Belanja dan pemberian

Mas Kahwin atau lebih dikenali dengan *mahar* adalah pemberian yang wajib ke atas lelaki kepada perempuan dalam sesuatu perkahwinan. Sebagaimana yang dijelaskan dalam surah al-Nisa yang berbunyi:

وَإِنْ أُتُوا مِمْنَهُ نَفَسًا
فَكُلُوهُ هَنِيئًا مَرِيئًا

Surah al-Nisa(4): 4

Maksudnya:

Dan berikanlah kepada perempuan-perempuan itu maskahwin-maskahwin mereka sebagai pemberian yang wajib. kemudian jika mereka Dengan suka hatinya memberikan kepada kamu sebahagian dari maskahwinnya maka makanlah (gunakanlah) pemberian (yang halal) itu sebagai nikmat Yang lazat, lagi baik kesudahannya.

Oleh itu undang-undang juga menegaskan perkara tersebut, yang perlu dipenuhi dalam suatu majlis akadnikah. Mas kahwin itu boleh diberikan dalam bentuk tunai ataupun hutang.

Dewasa ini, kebanyakan masyarakat Islam Brunei yang berkahwin, telah memberikan mas kahwin dengan cara tunai sebagaimana yang tercatat dalam daftar perkahwinan dan juga dalam sijil nikah yang telah dikeluarkan oleh Pejabat Pendaftaran Perkahwinan.¹³³

Penjelasan yang penulis berikan itu adalah peruntukan undang-undang yang ada kaitannya dengan hukum Syarak. Hukum Syarak itu telah diperundangkan di dalam Undang-Undang Keluarga Islam yang perlu dipatuhi.

¹³³Irdhina binti Haji Wasli, Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah selaku Timbalan Pendaftar PPPROI, Temubual pada 14 Ogos 2008.

3.2.4. Prosedur Perkahwinan

Pentadbiran Undang-Undang Keluarga Islam juga telah menggariskan beberapa prosedur yang perlu dipatuhi sebelum dan selepas pernikahan itu dilangsungkan antaranya:

3.2.4.1. Prosedur Sebelum Pernikahan Berlangsung

i. Kebenaran Untuk Berkahwin

Terdapat dua cara kebenaran berkahwin di dalam Negara dan di luar Negara boleh dikeluarkan iaitu:

a. Kebenaran oleh Pendaftar¹³⁴

Pendaftar hendaklah mengeluarkan kebenaran berkahwin kepada pasangan-pasangan berikut, apabila telah berpuas hati segala kehendak hukum Syarak dan undang-undang telah dipenuhi, iaitu:

- Pasangan yang belum pernah bernalikh dan tinggal *permastautin* di tempat akadnikah akan dijalankan.
- Pasangan yang belum pernah bernalikh dan akan bernalikh di salah satu tempat permastautinan yang dipersetujui oleh pasangan itu.
- Salah satu pihak pasangan yang akan bernalikh itu sama ada lelaki atau perempuan telah mendapat kebenaran untuk berkahwin daripada Negara asalnya.

¹³⁴ Perintah UUKI, 1999, Bab 16

b. Kebenaran berkahwin oleh Hakim Syarie¹³⁵

Perkahwinan yang memerlukan kepada kebenaran Hakim Syarie yang mempunyai bidang kuasa di tempat pemastautinan pihak-pihak itu adalah seperti berikut:

- Perempuan yang telah diceraikan sebelum dia disetubuh. ¹³⁶
- Perempuan yang tidak mempunyai wali *nasab* mengikut hukum Syarak. ¹³⁷
- Perempuan yang mempunyai wali *nasab*, akan tetapi wali itu enggan untuk mewalikan anak perempuannya tanpa sebab-sebab yang munasabah dari segi hukum Syarak.
- Lelaki yang ingin berpoligami. ¹³⁸

3.2.4.2. Prosedur Selepas Pernikahan Berlangsung

i. Pendaftaran Perkahwinan

Setiap perkahwinan yang telah dilangsungkan dan sah dari segi hukum Syarak, maka perkahwinan itu hendaklah didaftarkan menurut Undang-Undang Keluarga Islam.¹³⁹ Jika perkahwinan itu tidak didaftarkan, maka pasangan itu telah menyalahi dan melanggar Undang-Undang Keluarga Islam dan mengakibatkan kesan yang tidak baik kepada pasangan itu nanti. Contohnya apabila berlakunya perceraian atau kematian. Yang mana jika pernikahan itu tidak didaftarkan, permohonan perceraian dan tuntutan-tuntutan selepas perceraian tidak dapat diterima oleh Mahkamah. Begitu juga dengan tuntutan harta pusaka.

¹³⁵ *Ibid*, Bab 17.

¹³⁶ *Ibid*, Bab 13(3)

¹³⁷ *Ibid*, Bab 17(1)(b)

¹³⁸ *Ibid*, Bab 23

¹³⁹ *Ibid*, Bab 24

3.2.5. Prosedur Selepas Perceraian

Undang-Undang Keluarga Islam juga menggariskan prosedur pendaftaran perceraian dan *ruju‘* yang dikendalikan oleh Pendaftar Perkahwinan, Perceraian, Pembatalan dan *Ruju‘* Orang Islam di daerah masing-masing (di tempat perceraian itu telah disabitkan). Apabila suatu perceraian itu telah disahkan oleh Mahkamah, maka Pendaftar hendaklah mendaftarkannya dan hendaklah mengeluarkan sijil cerai. Begitu juga halnya, apabila pasangan yang telah disahkan bercerai oleh Mahkamah, dan ingin rujuk semula semasa masih di dalam ‘iddah, maka Pendaftar hendaklah mendaftarkan *ruju‘* itu.

3.2.6. Kesan Ketidakpatuhan Kepada Undang-Undang Keluarga Islam

Setiap undang-undang yang telah dikuatkuasakan, adalah mesti dipatuhi. Ini kerana peruntukan undang-undang yang telah digubal itu mempunyai faedah yang tersendiri. Kesan ketidakpatuhan kepada undang-undang itu akan mengakibatkan seseorang itu akan dikenakan penalti di bawah peruntukan kesalahan Undang-Undang Keluarga Islam. Antara kesalahan-kesalahan itu ialah memaksa seseorang untuk berkahwin bertentangan dengan kemahuannya, menahan lelaki yang telah mencapai umur lapan belas tahun atau seorang perempuan yang telah mencapai umur enam belas tahun untuk berkahwin secara sah,¹⁴⁰ membuat akuan atau pernyataan palsu untuk mendapatkan kebenaran berkahwin,¹⁴¹ seseorang yang mengakadnikahkan tanpa kebenaran,¹⁴² seseorang mengakadnikahkan atau menjalankan upacara akadnikah dalam Negara ataupun

¹⁴⁰ *Perintah UUKI 1999*, Bab 35(a)(b).

¹⁴¹ *Ibid*, Bab 36

¹⁴² *Ibid*, Bab 37

luar Negara tanpa kebenaran,¹⁴³ Jurunikah yang melanggar peruntukan Bab 15,¹⁴⁴ gagal untuk hadir di hadapan pendaftar untuk mendaftarkan perkahwinan yang telah berlangsung di luar Negara.¹⁴⁵

Kesalahan-kesalahan yang dinyatakan itu, jika sabit kesalahan boleh dihukum denda tidak melebihi dua ribu ringgit Brunei atau penjara enam bulan atau kedua-duanya sekali, kecuali kesalahan gagal hadir di hadapan Pendaftar di bawah peruntukan Bab 33, jika sabit, denda tidak melebihi satu ribu ringgit Brunei atau penjara tiga bulan atau kedua-duanya sekali.

3.3. Bidang kuasa Mahkamah Syariah

Menurut Dr. Abdul Karim Zaidan dalam bukunya¹⁴⁶ menyatakan seorang hakim adalah merupakan wakil pemerintah yang melantiknya. Sebagai wakil pemerintah, bidang kuasa yang diperolehinya setakat mana yang diberikan kepadanya. Maka dari sinilah bidang kuasa seorang hakim itu menerima pembatasan (*taqyid*), tanpa had (*itlaq*), umum dan khusus dari segi masa, tempat, pihak-pihak bertikai dan jenis-jenis pertikaian. Dalam erti kata yang lain, jika seorang hakim itu dilantik dan diberikan bidang kuasa dalam menghakimi penduduk dalam satu daerah dalam semua jenis pertikaian sama ada sivil atau jenayah, maka lantikan hakim itu mempunyai bidang kuasa umum. Jika seorang hakim itu diberikan bidang kuasa tertentu maka, bidang kuasa hakim itu setakat

¹⁴³ *Ibid*, Bab 38

¹⁴⁴ *Ibid*, Bab 34, Bab 15(1) telah menyatakan bahawa jurunikah tidaklah boleh menjalankan mana-mana perkahwinan melainkan setelah menerima permohonan daripada pihak lelaki dan pihak perempuan dalam borang yang ditetapkan..., manakala Bab 15(2) menyatakan jurunikah tersebut tidaklah boleh mengakadnikahkan mana-mana orang yang datang daripada luar kawasan atau daerahnya, kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Pendaftar di daerah di mana orang yang hendak dinikahkan itu bermastautin.

¹⁴⁵ *Ibid*, Bab 33

¹⁴⁶ Dr. Abdul Karim Zaidan (2002), *Nizām al-Qadā Fī al-Syar'iyyah al-Islamiyyah*, c. 3, Beirut: Muassasah al-Risalah, h. 39.

bidang kuasa yang telah diberikan kepadanya. Pembatasan kuasa hakim yang dilantik dalam bentuk tertentu itu dikenali di kalangan para fuqaha sebagai *takhsis al-qadā’*.

Dalam konteks Brunei, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan sebagai ketua ugama berkuasa membuat undang-undang yang berhubung dengan ugama Islam¹⁴⁷ dan berkuasa di bawah Bab 83 (3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam membuat apa jua Perintah yang Baginda fikirkan dikehendaki bagi kepentingan orang ramai dan boleh menetapkan hukuman-hukuman yang boleh dikenakan kerana sebarang kesalahan terhadap mana-mana Perintah dan boleh membuat peruntukan bagi perbicaraan orang-orang yang dituduh melakukan kesalahan-kesalahan tersebut oleh mana-mana mahkamah.

Oleh yang demikian, pada pendapat penulis bidang kuasa yang diberikan kepada Mahkamah Syariah dikenali sebagai *takhsis al-qadā’* yang mana terdapat pembatasan bidang kuasa antara Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil. Mahkamah Syariah juga terbatas membicarakan terhadap orang-orang Islam sahaja. Oleh yang demikian bidang kuasa Mahkamah Syariah hanya setakat yang diberikan kepadanya.

Bidang kuasa eksklusif yang diberikan kepada Mahkamah Syariah dengan tujuan untuk mengelakkan percanggahan antara Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil telah dibuat di bawah peruntukan Bab 5 dari Akta Penggal 184 iaitu mana-mana tuntutan atau prosiding di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah, Mahkamah Sivil tidak boleh membicarakannya.

¹⁴⁷Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, Perkara 3 ceraian (4)

Di samping itu, Perintah Darurat Undang-Undang Keluarga Islam telah menguatkan lagi peruntukan di atas dengan menyatakan bahawa Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa mendengar dan memutuskan apa-apa tuntutan atau prosiding di mana sekurang-kurangnya salah satu pihak menganut ugama Islam.

Dengan kuasa yang diberikan oleh Perlembagaan Negara Brunei Darussalam kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan, satu peruntukan tambahan telah digubal di dalam Akta Penggal 184 iaitu Mahkamah Syariah diberikan bidang kuasa jenayah bagi kesalahan yang dilakukan di luar Negara Brunei Darussalam oleh warganegara atau penduduk tetap Negara Brunei Darussalam.¹⁴⁸ Bidang kuasa yang diberikan ini adalah tambahan daripada bidang kuasa di dalam Akta Penggal 77. Peruntukan ini diadakan adalah bertujuan untuk membendung warganegara Brunei dan Penduduk Tetap melakukan jenayah di luar Negara. Walau bagaimanapun, setakat kajian ini dibuat belum ada kes-kes di bawah peruntukan ini dihadapkan ke Mahkamah Syariah untuk dibicarakan.¹⁴⁹

Tidak keterlaluan penulis katakan bidang kuasa yang diberikan masih terhad untuk membicarakan terhadap orang-orang Islam di Negara Brunei Darussalam dan dalam perkara-perkara yang berhubung dengan undang-undang diri (*personal law*) dan sedikit mengenai undang-undang jenayah. Walau bagaimanapun, ini satu perkembangan yang positif ke arah persiapan untuk Mahkamah Syariah melaksanakan pentadbiran undang-undang Islam secara keseluruhannya seperti undang-undang perwarisan, perbankan Islam dan banyak lagi.

¹⁴⁸ *Akta Penggal 184*, Bab 6 (3)

¹⁴⁹ Maklumat yang diberikan oleh Haji Shahrul Bahar bin Haji Sulaiman, Penolong Pegawai Ugama Mahkamah Syariah. Temubual pada 24 Oktober 2007

Cita-cita untuk memartabatkan Mahkamah Syariah itu akhirnya tercapai, apabila terbentuknya ketiga-tiga Mahkamah iaitu Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rendah Syariah. Setiap Mahkamah mempunyai bidang kuasa masing-masing iaitu Mahkamah Rendah Syariah mempunyai bidang kuasa jenayah yang sama dengan Mahkamah Tinggi Syariah, akan tetapi hukuman maksimum tidak melebihi sepuluh ribu ringgit Brunei atau penjara selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun, dan dalam bidang kuasa malnya tidak melebihi lima ratus ribu ringgit Brunei atau tidak dapat dianggarkan dengan wang.¹⁵⁰

Manakala Mahkamah Tinggi Syariah mempunyai bidang kuasa asal dalam perkara-perkara mal dan jenayah, mendengar dan memutuskan permohonan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Rendah Syariah, pengawasan dan penyemakan dalam mana-mana peringkat atau prosiding kes Mahkamah Rendah Syariah demi kepentingan keadilan.¹⁵¹

Mahkamah Rayuan Syariah mempunyai bidang kuasa rayuan, semakan dan pengawasan terhadap keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi Syariah dalam menjalankan bidang kuasa asalnya demi kepentingan keadilan,¹⁵² dan juga mendengar rayuan Mahkamah Rendah Syariah yang telah diputuskan oleh Mahkamah Tinggi Syariah dalam sebarang persoalan undang-undang demi kepentingan awam yang berbangkit dalam masa rayuan itu, jika keputusan Mahkamah Tinggi Syariah telah menjelaskan keputusan rayuan itu.¹⁵³

¹⁵⁰ *Ibid*, Bab 16(1)(a)(b)

¹⁵¹ *Ibid*, Bab 15(1)(a)(b), Bab 17 dan Bab 19

¹⁵² *Ibid*, Bab 20(1), Bab 21(1)

¹⁵³ *Ibid*, Bab 20(2)

Berdasarkan penjelasan itu, secara khususnya bidang kuasa Mahkamah Syariah dapat dikategorikan kepada mal, jenayah, rayuan, pengawasan dan penyemakan.

3.3.1. Bidang kuasa Mal Mahkamah Rendah Syariah

Bidang kuasa mal Mahkamah Rendah Syariah telah dinaikkan sehingga kepada tuntutan guaman lima ratus ribu ringgit Brunei. Peningkatan kadar yang tinggi berbanding dengan Mahkamah Kadi.

Jumlah kes mal yang didaftarkan sepanjang tahun 2001 hingga 2005, di Mahkamah Rendah Syariah seluruh Negara, berjumlah 5,757 kes dalam 37 kategori. Kategori kes yang terbanyak didaftarkan ialah kes tuntutan cerai di bawah peruntukan Bab 42 berjumlah 952 kes dan kes tuntutan pengesahan lafaz cerai di bawah peruntukan Bab 55 berjumlah 913 kes.¹⁵⁴

Peningkatan yang amat ketara adalah pada tahun 2005 di mana pendaftaran kes bagi permohonan penjagaan anak mencapai sehingga 257 kes.¹⁵⁵ Walau bagaimanapun, kes-kes penjagaan anak yang melibatkan anak angkat, akan dipindahkan ke Mahkamah Tinggi Syariah bagi memudahkan pengurusannya, yang mana permohonan pengangkatan anak didengar dan dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi Syariah.

¹⁵⁴ Sumber: Bahagian Penyelidikan, Mahkamah Rayuan Syariah.

¹⁵⁵ Hajah Zuraina binti DSS Haji Abd. Rahman, Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah Daerah Brunei dan Muara.Temubual pada 17 Januari 2008.

Jadual 3.2: Statistik Kes Mal Mahkamah Rendah Syariah Seluruh Negara dari Tahun 2001-2005

Bil	KATEGORI KES	TAHUN					
		2001	2002	2003	2004	2005	Jumlah
1	Permohonan Tuggakan Nafkah Anak	3	6	2	6	15	32
2	Permohonan Penjagaan anak	81	97	150	192	257	777
3	Permohonan Nafkah Anak	65	79	116	143	193	596
4	Permohonan Nafkah 'Iddah	28	54	87	123	161	453
5	Permohonan Nafkah Isteri	7	14	11	14	38	84
6	Permohonan Nafkah tempat Tinggal	3	3	9	7	9	31
7	Permohonan Pembatalan Perkahwinan	6	9	10	8	5	38
8	Permohonan Perintah Untuk Mendaftarkan Nikah	1	1	8	5	8	23
9	Permohonan pindaan Hadanah	7	3	6	11	3	30
10	Permohonan Pindaan Hukuman	1	11	0	0	1	13
11	Permohonan Pindaan Nafkah Anak	4	9	3	5	3	24
12	Permohonan Pindaan Nafkah tempat tinggal	1	0	6	0	0	7
13	Permohonan Sah Taraf Anak	5	0	5	3	6	19
14	Permohonan Saman Madin Penghakiman	0	0	0	1	10	11
15	Permohonan Tahanan Pendapatan Tenaga	18	38	38	38	61	193
16	Permohonan Tuggakan Nafkah Isteri	10	16	15	18	20	79
17	Permohonan untuk Hidup Bersama Semula	0	2	2	2	2	8
18	Permohonan Wali Enggan	1	1	2	3	6	13
19	Permohonan Wali Hakim	25	77	138	144	173	557
20	Permohonan Penafian Nasab	0	0	1	0	0	1
21	Poligami	108	48	57	43	57	313
22	Sulh	0	0	0	0	0	0
23	Tuntutan cerai Bab 42	152	173	171	223	233	952
24	Tuntutan cerai kerana Syiqaq Bab 43	0	0	2	1	0	3

Jadual 3.2: sambungan

25	Tuntutan Cerai kerana dharar Bab 44	2	3	9	5	8	27
26	Tuntutan Cerai ta'liq Bab 45	16	27	33	38	36	150
27	Tuntutan Cerai secara fasakh Bab 46	15	21	24	21	30	111
28	Tuntutan Cerai kerana Pertukaran Ugama Bab 47	1	2	7	4	4	18
29	Tuntutan Perceraian secara tebus talaq Bab 48	1	0	1	2	0	4
30	Tuntutan Perceraian secara li'an Bab 49	0	0	0	0	0	0
31	Tuntutan Perceraian secara ila Bab 50	0	0	0	0	0	0
32	Tuntutan Perceraian secara zihar Bab 51	0	0	0	0	0	0
33	Tuntutan Harta Sepencarian	13	10	24	19	13	79
34	Tuntutan Mas Kahwin, Belanja dan Pemberian	2	0	1	2	1	6
35	Tuntutan Pengesahan Lafaz Cerai Bab 55	175	156	178	215	189	913
36	Tuntutan Mut'ah	17	16	45	40	60	178
37	Hak Tambang	0	0	0	1	13	14
	Jumlah	768	876	1161	1337	1615	5757

Sumber: Bahagian Penyelidikan, Mahkamah Rayuan Syariah

Kes-kes yang telah didaftarkan akan ditetapkan tarikh sebutan oleh Penolong Pendaftar atau Pembantu Mahkamah kecuali di Daerah Brunei dan Muara kes-kes yang telah didaftarkan akan ditetapkan tarikh perbicaraannya oleh Hakim Syarie. Ini menyebabkan penetapan tarikh sebutan kes tidak dapat diberikan kepada plaintiff atau pemohon pada tarikh pendaftaran. Berbeza dengan penetapan tarikh bicara bagi kes permohonan wali hakim. Permohonan kes ini telah ditetapkan pada satu hari yang dikhuruskan dan akan dibicarakan oleh Hakim yang ditugaskan *standby* pada hari tersebut.¹⁵⁶

¹⁵⁶ Hajah Zuraina binti Haji Abd. Rahman, Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah. Temubual pada 17 Januari 2008.

Kes-kes mal yang didaftarkan adalah mengikut di mana plaintiff atau pemohon itu tinggal. Kecuali dalam kes-kes tertentu, plaintiff atau pemohon boleh memfailkan kesnya di daerah lain.

Proses pendaftaran kes mal dilaksanakan tertakluk kepada kes permohonan perceraianya, yakni jika sekiranya dalam borang permohonan cerai,¹⁵⁷ plaintiff dan defendant telah membuat persetujuan di dalam perenggan 9 hingga 13 dari borang berkenaan,¹⁵⁸ maka kes tersebut akan dibicarakan terus.

Jika plaintiff dan defendant tidak mencapai persetujuan, maka mana-mana tuntutan yang tidak dipersetujui hendaklah dibuat secara berasingan dan akan didaftarkan secara berasingan. Akan tetapi, perbicaraannya akan disatukan dan didengar oleh Hakim yang sama, seperti di dalam kes *Dewi Yong lwn Abdul Jalil*. Dalam kes ini, pendaftaran kes tuntutan nafkah¹⁵⁹ dan tuntutan *mut'ah*¹⁶⁰ telah didaftarkan secara berasingan, tetapi kes ini dibicarakan oleh Hakim yang sama.

3.3.2. Bidang kuasa Mal Mahkamah Tinggi Syariah

3.3.2.1. Bidang kuasa Asal

Mahkamah Tinggi Syariah mendengar dan membicarakan kes-kes yang nilainya lebih daripada lima ratus ribu ringgit Brunei. Dengan sebab itu, tidak banyak kes-kes mal yang didaftarkan di Mahkamah Tinggi Syariah.

¹⁵⁷ Perintah Darurat (*Undang-Undang Keluarga Islam*), 1999, Aturan Undang-Undang Keluarga Islam, 2002, Jadual Kedua, Borang 15.

¹⁵⁸ Perenggan 9-13 iaitu nafkah ‘iddah, nafkah anak, sugu hati (*mut’ah*), mas kahwin (jika belum dibayar), lain-lain bayaran, harta sepencarian, pemeliharaan dan penjagaan anak dan tempat tinggal bekas isteri semasa di dalam ‘iddah. Borang Permohonan Cerai dalam Lampiran “B”


¹⁵⁹ MRHS/MAL/BM 310/2007

¹⁶⁰ MRHS/MAL/BM 311/2007.

Pengalaman penulis semasa menjadi Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah dari tahun 2001 hingga tahun 2005, tidak banyak kes-kes yang nilainya melebihi lima ratus ribu ringgit Brunei.

Kes-kes yang banyak didaftarkan di Mahkamah Tinggi Syariah ialah permohonan perlaksanaan hukuman. Permohonan ini dihadapkan ke Mahkamah Tinggi Syariah adalah bagi menguatkuaskan perintah yang gagal dilaksanakan oleh plaintif atau defendant daripada kes-kes Mahkamah Rendah Syariah menurut peruntukan Bab 90 dari Akta Penggal 77 yang belum dimansuhkan pada ketika itu. Ini dapat dilihat dalam rajah berikut.

Rajah 3.3: Kes Mal Mahkamah Tinggi Syariah dari Tahun 2001-2005



Sumber: Mahkamah Tinggi Syariah

Setelah Perintah Acara Mal 2005 berkuat kuasa, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rendah Syariah berbidang kuasa untuk mendengar permohonan perlaksanaan hukuman.

Perkembangan terkini¹⁶¹ yang penulis dimaklumkan bahawa mana-mana kes mal boleh didaftarkan di kedua-dua Mahkamah. Ini bertepatan dengan bidang kuasa asal Mahkamah Tinggi Syariah yang tidak terhad dalam perkara-perkara mal dan jenayah. Dalam kes permohonan pengesahan hibah¹⁶² *Hjh Norhainah*

¹⁶¹Dy. Kartini binti Haji Abdullah, Pemangku Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah. Temubual pada 20 November 2001.

¹⁶²Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah Penggal 184, Bab 15 (b) (vi)

*lwn. 7 responden*¹⁶³ telah didaftarkan di Mahkamah Tinggi Syariah tanpa melalui Mahkamah Rendah Syariah. Begitu juga, dalam kes tuntutan harta sepencarian dalam harta waris dalam kes *Hajah Rose lwn. Haji Abd. Rahman dan 7 yang lain*,¹⁶⁴ dan kes *Rosnah lwn. Hjh Siti Amina, dan 3 yang lain*.¹⁶⁵ Kedua-dua kes ini masih dalam perbicaraan.

Mana-mana kes yang telah didaftarkan di Mahkamah Tinggi Syariah, permohonan rayuan dan semakannya akan terus didengar ke Mahkamah Rayuan Syariah sebagaimana permohonan semakan dalam kes *Hajah Rose lwn. Haji Abd Rahman dan 7 yang lain*¹⁶⁶ yang telah disemak oleh Mahkamah Rayuan Syariah.

3.3.2.2. Pusaka dan Wasiat

Peruntukan undang-undang pusaka atau perwarisan adalah dikawal di bawah peruntukan Akta Probate dan Pentadbiran Penggal 11 dari Undang-Undang Negara Brunei Darussalam. Walaupun Mahkamah Tinggi Syariah telah diberikan bidang kuasa dalam perkara pembahagian dan perwarisan harta, berwasiat atau tidak berwasiat¹⁶⁷ sehingga kajian ini dibuat, peruntukan ini belum dilaksanakan di Mahkamah Tinggi Syariah. Menurut Hakim Mahkamah Tinggi Syariah¹⁶⁸ peruntukan itu terlalu umum, yang mana, memerlukan akta yang khusus. Maka, Mahkamah Syariah lebih menyerahkan perlaksanaannya kepada Mahkamah Sivil, memandangkan Akta Probate dan Pentadbiran Penggal 11 dari Undang-Undang Negara Brunei Darussalam masih dikuatkuasakan. Oleh kerana itu, praktikalnya

¹⁶³ P/MTS/MAL/20/2007

¹⁶⁴ MTS/29/2003

¹⁶⁵ S/MTS/MAL/30/2006.

¹⁶⁶ MRS/SM/1/2004

¹⁶⁷ *Akta Penggal 184*, Bab 15(b)(viii)

¹⁶⁸ Haji Salim bin Haji Besar (Pehin), Hakim Mahkamah Tinggi Syariah. Temubual pada 24 Januari 2008.

hingga kini, setiap ahli waris perlu memohon untuk mendapatkan surat kuasa mentadbir harta dari Mahkamah Tinggi terlebih dahulu dan setelah itu Pegawai Probate akan memohon nasihat kepada Mahkamah Tinggi Syariah untuk mengetahui siapakah di kalangan ahli waris yang layak menjadi pentadbir harta pusaka simati berkenaan dan memohon untuk mendapatkan pembahagian ahli waris melalui sijil faraid yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi Syariah.

Peruntukan ini adalah tambahan kepada bidang kuasa kepada Mahkamah Tinggi Syariah kerana semasa Mahkamah Kadi Besar tidak ada diperuntukkan dalam Akta Penggal 77. Dengan adanya peruntukan tambahan ini bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah semakin luas, tidak hanya terhad kepada penentuan orang-orang yang berhak mendapat waris dan pembahagiannya.

Dalam pada itu, peruntukan seterusnya memberikan bidang kuasa kepada Mahkamah Tinggi Syariah bagi menentukan orang-orang yang berhak mendapat bahagian harta pusaka si mati Islam atau sebahagiannya orang-orang itu masing-masing berhak.¹⁶⁹ Peruntukan ini telah wujud dalam Akta Penggal 77 dan telah dilaksanakan semasa Mahkamah Kadi Besar lagi.

Dalam kes tuntutan waris bagi harta pusaka *Dayang*¹⁷⁰ di Mahkamah Tinggi Syariah, Awg. Shahrullizam dan Awg. Haji Mahanin telah membuat tuntutan waris ke Pejabat Kehakiman, Kuala Belait terlebih dahulu. Pegawai Waris, Pejabat Kehakiman, Kuala Belait telah menghantar memorandum bertarikh 24 April 2001 kepada Mahkamah Tinggi Syariah untuk mengetahui siapakah yang berhak menerima pusaka Dayang yang meninggal pada 13 April 2000 dan siapa yang berhak menerima surat kuasa pentadbir dari segi hukum Syarak.

¹⁶⁹Akta Penggal 184, Bab 15(b)(ix)

¹⁷⁰ MTS/20/2002-TWT

Hakim Mahkamah Tinggi Syariah telah menjawab memorandum berkenaan¹⁷¹ bertarikh 18 Jun 2001, dengan menasihatkan bahawa pusaka Dayang adalah semuanya diwarisi oleh Baitul Mal. Awang Shahrullizam dan Awang Haji Mahanin tidak berhak untuk menjadi pentadbir ke atas pusaka berkenaan kerana mereka bukan ahli waris kepada simati.

Awg. Shahrullizam telah menulis surat kepada Setiausaha Majlis Ugama Islam bagi menuntut harta pusaka Dayang dengan menyertakan surat yang didakwanya wasiat daripada Dayang, bertarikh 21 Februari 2000.

Setiausaha Majlis Ugama Islam telah menulis surat bertarikh 3 September 2002 kepada Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah yang menyatakan pihak Baitul Mal, Majlis Ugama Islam tidak ada halangan, jika Awang Shahrullizam ada membawa surat wasiat yang dinyatakannya, tertakluk kepada pengesahan Mahkamah Tinggi Syariah. Setelah meneliti surat berkenaan, Mahkamah Tinggi Syariah telah memutuskan bahawa:

“Berdasarkan hukum syarak dan Bab 15(b)(viii) dari Akta Mahkamah Syariah Penggal 184, maka surat yang telah dibuat oleh Allahyarham Dayang pada 21 Februari 2000, yang ditujukan kepada Awang Shahrullizam adalah tidak sabit sebagai wasiat bagi pemilikan harta simati melalui wasiat menurut hukum syarak”.

Keputusan itu telah disampaikan kepada Awang Shahrullizam melalui surat¹⁷² bertarikh 19 September 2002.

Awg. Shahrullizam telah membuat rayuan terhadap keputusan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah bertarikh 16 Disember 2002 dengan memberikan alasan:

¹⁷¹ 8/MTS/P/KB/2001

¹⁷² MTS/20/2002-TWT

- a. *Verdict* keputusan dihantar atau diterangkan melalui persuratan.
- b. Hujjah Plaintiff / defendant tidak didengar melalui perdebatan.
- c. Perbezaan tahu hukum dan tidak tahu patut dipertimbangkan.
- d. Ingin memanjangkan ke pihak kedua untuk tindakan selanjutnya.

Mahkamah Rayuan Syariah telah mendengar rayuan tersebut pada 14 Oktober 2003, dan memutuskan menolak rayuan perayu dan mengekalkan keputusan Mahkamah Tinggi Syariah yang bertarikh pada 18 Jun 2001 dan 19 September 2002.

Pada pengamatan penulis, kes ini tidak dikendalikan dengan begitu sempurna dan tidak mematuhi tatacara mal pada ketika itu.¹⁷³ Sepatutnya Awang Shahrullizam dinasihatkan untuk memfailkan permohonan pengesahan wasiat berdasarkan Bab 15 (b) (v) ke Mahkamah Tinggi Syariah, manakala pihak Baitul Mal sebagai responden.

Perlu juga penulis tekankan di sini, proses permohonan untuk mendapatkan sijil faraid berhubung dengan penentuan orang-orang yang berhak mendapat waris tidak menepati kehendak Perintah Acara Mal 2005 di bawah Bab 8(2) sebagaimana memulakan prosiding dalam memfailkan permohonan kes mal yang lain.

Urutan daripada bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah dalam menentukan orang-orang yang berhak mendapat bahagian harta pusaka, Mahkamah Tinggi Syariah juga mendengar permohonan perlantikan penjaga harta di bawah umur kerana ahli waris yang mendapat bahagian itu masih di bawah umur. Dalam pusaka *Aisah*, ahli waris iaitu Khairul Ariffin¹⁷⁴ memohon lantikan sebagai penjaga harta (tanah) bagi adik-adiknya di bawah umur iaitu Muhammad Zulfadli dan Ajrul Mu'minin, dan memohon kuasa bertindak untuk menyerahkan

¹⁷³ Akta Penggal 77, Tatacara dalam Perbicaraan Sivil.

¹⁷⁴ P/MTS/M/22/2007

tanah adik-adiknya kepada ayahnya Haji Baha. Permohonan ini telah didengar masing-masing pada 23 Oktober 2007 dan 25 Oktober 2007. Mahkamah telah berpuas hati dan memerintahkan di bawah Bab 95(1) dan (4) Perintah Darurat Undang-Undang Keluarga Islam 1999, untuk melantik pemohon sebagai penjaga yang sah dan mempunyai jagaan terhadap diri serta harta seseorang/kanak-kanak bernama Muhammad Zulfadhli – Tarikh Lahir: 04/04 1997 dan Ajrul Mu'minin – Tarikh Lahir 01/07/1990.

Mahkamah juga telah membenarkan permohonan Khairul Ariffin kuasa bertindak ke atas harta responden iaitu Muhammad Zulfadhli dan Ajrul Mu'minin, berdasarkan Bab 102(3) Perintah Darurat Undang-Undang Keluarga Islam 1999, sebagaimana alasannya, bagi tujuan penyerahan tanah kepada ayah mereka Haji Baha, kerana semua anak-anak yang lain iaitu adik beradik kepada responden juga telah bersetuju untuk menyerahkan hak mereka kepada ayah mereka.

Mahkamah Tinggi Syariah juga menerima permohonan pengesahan ahli waris untuk mendapatkan wang pampasan yang diperolehi semasa simati berkhidmat dengan kerajaan (baksis) dan pembahagian tanah yang diwarisi.

Jadual 3.4: Statistik Tuntutan Waris dari tahun 2001- 2005

TAHUN	JENIS PERMOHONAN / TUNTUTAN					JUMLAH
	SIJIL FARAIID	TANAH	PERUMAHAN	BAKSIS		
2001	304	147	7	73	531	
2002	290	124	4	59	477	
2003	304	144	23	54	525	
2004	290	128	11	59	488	
2005	248	162	8	74	492	
JUMLAH	1436	705	53	319	2513	

Sumber: Mahkamah Tinggi Syariah

3.3.3. Bidang kuasa Jenayah Mahkamah Rendah Syariah

Bidang kuasa hukuman jenayah Mahkamah Rendah Syariah juga telah dinaikkan sehingga hukuman maksimum tidak melebihi sepuluh ribu ringgit Brunei atau penjara selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun.

Oleh kerana hukuman kesalahan jenayah di bawah Akta Penggal 77 belum dipinda, maka pendaftaran kes jenayah tertumpu di Mahkamah Rendah Syariah. Statistik berikut adalah pendaftaran kes jenayah di Mahkamah Rendah Syariah dari tahun 2001- 2005.

Jadual 3.5: Kes Jenayah Mahkamah Rendah Syariah Seluruh Negara bagi Tahun 2001-2005

Bil	Jenis Kesalahan	2001	2002	2003	2004	2005	Jumlah
1	Minuman yang memabukkan Bab 172	1	1	1	1	3	7
2	Makan dalam bulan Ramadhan Bab 173	6	2	5	9	13	35
3	Bersubahat Bab 194X173						
4	Khalwat Bab 177(1)(2)(3)	156	156	78	130	270	790
5	Bersubahat Bab 194X177(1)(2)	6	-	-	-	-	6
6	Persetubuhan Haram Tertegah Bernikah Bab 178(3)	4	13	-	1	2	20
7	Persetubuhan Haram Bab 178(4)	43	103	59	46	107	358
8	Bersubahat Bab 194 X 178(4)	-	-	-	-	-	-
9	Bab 124 Talaq Luar Mahkamah	-	1	-	-	-	1
10	Bab 135&138X135	1	2	-	-	-	3
11	Ajaran Sesat Bab 186	1	-	-	-	-	1
12	Bab 38(2)	-	-	-	-	-	-
	Jumlah	218	278	143	187	395	1221

Sumber: Bahagian Penyelidikan, Mahkamah Rayuan Syariah.

Jumlah kes jenayah Mahkamah Rendah Syariah seluruh Negara dari tahun 2001 hingga 2005 ialah berjumlah 1,221 kes. Kes yang terbanyak

didaftarkan adalah kes khalwat di bawah Bab 177 iaitu berjumlah 790 kes. Diikuti dengan kes persetubuhan haram di bawah Bab 178 (4) iaitu berjumlah 358 kes. Hanya terdapat 1 kes talaq luar mahkamah sahaja iaitu pada tahun 2002 adalah disebabkan pada permulaan kuatkuasa Perintah UUKI 1999 belum ada ketetapan Mahkamah Tinggi Syariah membicarakan kes-kes seumpama itu. Setelah ada ketetapan, maka kes kesalahan UUKI tidak lagi dibicarakan di Mahkamah Rendah Syariah.

Kes jenayah di bawah Bab 178 iaitu pertuduhan di bawah kesalahan persetubuhan haram, akan didengar sebutan kesnya di Mahkamah Rendah Syariah. Apabila perbicaraan dijalankan, tertuduh tidak mengaku salah dan mahu dibicarakan. Maka kes itu akan dipindahkan ke Mahkamah Tinggi Syariah untuk perbicaraan lanjut. Dalam kes *Pendakwa Syarie lwn. Dk. Norazimah* dan pasangan *Faugillah*,¹⁷⁵ yang tertuduh pertama dan kedua telah mengaku salah. Mahkamah Rendah Syariah telah membicarakan kes tersebut dan mensabitkan kesalahan berdasarkan pengakuan salah mereka. Manakala dalam kes *Pendakwa Syar'ie lwn. Khairuddin*¹⁷⁶ telah dibicarakan oleh Mahkamah Rendah Syariah. Yang dituduh tidak mengaku salah dan mahu dibicarakan, maka kes tersebut dipindahkan ke Mahkamah Tinggi Syariah.¹⁷⁷

Proses pendaftaran kes jenayah tidak banyak perbezaannya kerana undang-undang jenayah dan acaranya belum dipinda. Yang mana amalan dan prosedurnya berdasarkan tatacara jenayah dalam Akta Penggal 77, di samping menggunakan peruntukan *Criminal Procedure Code*, Chapter 7 dari Undang-

¹⁷⁵ MRHS/J/BM/04/2007 dan MRHS/J/BM/05/2007

¹⁷⁶ MRHS/BM/J/225/2005

¹⁷⁷ MTS/JEN/36/2006

Undang Negara Brunei Darussalam. Oleh yang demikian, kesulitan dan permasalahan dalam melaksanakannya masih berlaku.

Sebagaimana halnya dengan pendaftaran kes mal, pendaftaran kes jenayah juga mengalami situasi yang sama, sama ada ditetapkan oleh Penolong Pendaftar atau Hakim sendiri bagi Daerah Brunei dan Muara. Manakala di daerah-daerah yang lain ditetapkan oleh Penolong Pendaftar atau Pembantu Mahkamah untuk tarikh sebutan kes sahaja.

Untuk mengelak kes-kes tertangguh, bermula tahun 2007, pertuduhan kes jenayah yang melibatkan dua orang tertuduh atau ramai, akan didaftarkan secara berasingan. Kedua-dua tertuduh akan didaftarkan dalam daftar yang berasingan seperti dalam kes *Pendakwa Syarie lwn. Mohamad Norizan*¹⁷⁸ dan pasangannya *Siti Awaliyah*.¹⁷⁹ Akan tetapi kes-kes ini akan dibicarakan bersama. Dengan cara ini, akan memberikan kemudahan dalam pengurusan terutama dalam menyediakan statistik kes yang selesai dan yang tidak selesai.

Masalah yang sering dihadapi oleh Mahkamah Rendah Syariah ialah apabila kes-kes jenayah telah selesai dibicarakan, tertuduh belum membayar denda sehingga tempoh yang diberikan. Sepanjang tahun 2006 hingga 2007, waran tangkap yang telah dikeluarkan oleh Penolong Pendaftar sebanyak 41 kes. Akan tetapi, pihak mahkamah belum mengetahui kedudukan statusnya daripada pihak polis sama ada tertuduh telah ditangkap dan dimasukkan ke dalam penjara atau sebaliknya.¹⁸⁰

¹⁷⁸ MRHS/J/BM/02/2007

¹⁷⁹ MRHS/J/BM/03/2007.

¹⁸⁰ Noor Aida binti Haji Timpus, Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah Daerah Brunei dan Muara (Bahagian Jenayah). Temubual pada 19 Januari 2008.

3.3.4. Bidang kuasa Jenayah Mahkamah Tinggi Syariah

Sejak penubuhan Mahkamah Syariah sehingga kajian ini dibuat, tidak banyak kes-kes jenayah didaftarkan di Mahkamah Tinggi Syariah, kerana peruntukan hukuman kesalahan jenayah di bawah Akta Penggal 77 belum dipinda. Oleh kerana itu, hukuman kesalahan yang terdapat di dalam Akta Penggal 77 itu masih di bawah bidang kuasa Mahkamah Rendah Syariah iaitu hukuman penjara lima tahun dan denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit Brunei. Hanya terdapat satu peruntukan sahaja yang boleh dibicarakan di Mahkamah Tinggi Syariah iaitu kesalahan yang membawa kepada hukuman denda sebanyak B\$10,000.00 iaitu “Mendirikan atau mewakafkan masjid-masjid yang menyalahi undang-undang”. Akan tetapi kesalahan ini jarang berlaku kerana pengawalan mendirikan atau mewakafkan masjid-masjid diselenggarakan oleh Jabatan Hal Ehwal Masjid.

Walaupun ada tambahan kesalahan dalam Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah Penggal 184 telah dikuatkuaskan melalui pindaan 2005 dan kesalahan di bawah Perintah Acara Mal Mahkamah-Mahkamah Syariah 2005, akan tetapi, ianya masih di bawah bidang kuasa Mahkamah Rendah Syariah sebagaimana yang dinyatakan dalam jadual berikut.

Jadual 3.6: Kesalahan di bawah Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah Penggal 184

BAB	KESALAHAN	HUKUMAN
7A(3)	Melanggar Perintah tutup mulut ¹⁸¹	Denda tidak melebihi B\$5,000.00 @ penjara tidak melebihi 1 tahun @ kedua-duanya sekali.

¹⁸¹ Mahkamah Syariah boleh pada bila-bila masa memerintahkan bahawa tiada sesiapa pun boleh menyiaran nama, alamat atau gambar mana-mana saksi dalam sebarang prosiding atau sebarang keterangan atau sebarang hal lain yang boleh membawa kepada pengenalan mana-mana saksi tersebut; dan mana-mana orang yang bertindak dengan melanggar sebarang perintah tersebut boleh, dengan tidak menghiraukan sebarang undang-undang bertulis lain, dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari B\$5,000.00, dihukum penjara bagi suatu tempoh yang tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali.

Jadual 3.6: sambungan

28A	Penghinaan terhadap Mahkamah Syariah	(a) Dalam kes Mahkamah Rendah Syariah, denda tidak melebihi B\$2,000.00 @ Penjara tidak melebihi 6 bulan @ kedua-duanya sekali. (b) Dalam kes Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah, denda tidak melebihi B\$10,000.00 @ Penjara tidak melebihi 1 tahun @ kedua-duanya sekali.
-----	--------------------------------------	---

Sumber: Akta Penggal 184


Jadual 3.7: Kesalahan di bawah Perintah Acara Mal Mahkamah-Mahkamah Syariah, 2005

BAB	KESALAHAN	HUKUMAN
220	Penghinaan terhadap mahkamah	Pengkomitan tidak melebihi 6 bulan @ denda tidak melebihi B\$2,000.00

Sumber: Perintah Acara Mal 2005

Penurunan kes jenayah di Mahkamah Tinggi Syariah bermula pada tahun 2002 iaitu hanya 2 kes didaftarkan. Manakala pada tahun 2003 hingga 2005 tidak ada kes didaftarkan. Sebagaimana rajah berikut.

Rajah 3.8: Kes Jenayah Mahkamah Tinggi Syariah dari tahun 2001-2005



Sumber: Bahagian Penyelidikan, Mahkamah Rayuan Syariah

Walau bagaimanapun, Mahkamah Tinggi Syariah telah diberi bidang kuasa untuk membicarakan kes-kes kesalahan Undang-Undang Keluarga Islam,¹⁸² yang mana undang-undang ini baru diwujudkan dan dikuatkuasakan pada 26 Mac 2001 serentak dengan Akta Penggal 184. Oleh kerana itu, pendaftaran kes hanya

¹⁸² Lampiran “C”- Kesalahan Undang-Undang Keluarga Islam di bawah peruntukan Perintah Darurat Undang-Undang Keluarga Islam 1999.

bermula pada tahun 2002 iaitu sebanyak 8 kes dalam kesalahan berkahwin tanpa kebenaran, 27 kes dalam kesalahan talaq luar mahkamah, 3 kes kesalahan perkahwinan yang melanggar perintah dan bersubahat. Pendaftaran ini terus meningkat dari tahun ke tahun, terutama pada tahun 2003, dalam kes talaq luar mahkamah, iaitu sebanyak 80 kes dan menurun pada tahun 2005. Penurunan bilangan kes itu bukan bermakna, kes talaq luar mahkamah berkurangan, akan tetapi kes-kes tersebut belum selesai di peringkat penyiasatan dan pendakwaan.¹⁸³

Ini jelas terbukti dalam statistik pendaftaran kes tuntutan pengesahan lafaz cerai di bawah Bab 55, Mahkamah Rendah Syariah seluruh Negara bagi tahun 2005, sebanyak 189 kes.¹⁸⁴ Ini bermakna hanya 42% kes talaq luar mahkamah yang telah didakwa di Mahkamah.

Jadual 3.9: Statistik Kes Kesalahan Undang-Undang Keluarga Islam, Mahkamah Tinggi Syariah dari Tahun 2001-2005

Jenis Kesalahan	2001	2002	2003	2004	2005
Bab 33 -Tidak hadir di hadapan Pendaftar untuk melaporkan perkahwinan	-	-	-	-	3
Bab 38(2)-Berkahwin tanpa kebenaran	-	8	13	12	17
Bab 123- Poligami tanpa kebenaran	-	-	5	8	10
Bab 124- Talaq Luar Mahkamah	-	27	80	64	53
Bab 125-Tidak membuat lapuran	-	-	15	27	17
Bab 134-Penghinaan terhadap mahkamah	-	-	-	-	3
Bab 135x138-Perkahwinan yang melanggar Perintah dan bersubahat	-	2	-	-	-
Bab 135-Perkahwinan yang melanggar Perintah	-	1	1	1	1
Bab 136-Tidak mematuhi tahanan pendapatan tenaga	-	-	-	-	-
Jumlah	-	38	114	112	104

Sumber: Bahagian Penyelidikan, Mahkamah Rayuan Syariah

¹⁸³ Dy. Hairani binti Haji Jais, Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah. Temubual pada 16 Januari 2008.

¹⁸⁴ Sumber: Bahagian Penyelidikan, Mahkamah Rayuan Syariah

3.3.5. Rayuan Jenayah dan Mal

3.3.5.1. Rayuan ke Mahkamah Tinggi Syariah

Mahkamah Tinggi Syariah berbidang kuasa mendengar dan memutuskan permohonan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Rendah Syariah sama ada kes mal mahupun kes jenayah.¹⁸⁵

Permohonan kes rayuan jenayah boleh dibuat oleh Pendakwa Syarie atau tertuduh yang telah disabitkan kesalahan dan dihukum penjara atau didenda. Rayuan itu sama ada terhadap pembebasan, atau terhadap penyabitan kesalahan atau hukuman atau kedua-duanya sekali atau mana-mana yang berkenaan.¹⁸⁶

Manakala permohonan rayuan kes mal boleh dibuat oleh mana-mana pihak yang terkilan atau tidak berpuas hati dengan keputusan sama ada mengenai taraf diri, berhubung dengan nafkah tanggungan atau sebarang keputusan yang dikeluarkan oleh Mahkamah Rendah Syariah.¹⁸⁷

Sebelum kes rayuan dapat didengar di Mahkamah Tinggi Syariah, terlebih dahulu rekod rayuan hendaklah disediakan. Penyediaan rekod rayuan dikendalikan di Mahkamah Rendah Syariah bagi kes-kes Mahkamah Rendah Syariah yang dirayu sama ada kes mal atau jenayah ke Mahkamah Tinggi Syariah.

Bagi pihak-pihak yang melantik peguam syarie, rekod rayuan hanya akan disediakan satu set sahaja. Manakala pihak-pihak yang bersendirian akan disediakan sebanyak lima set dan dikenakan kos penyediaan.

Kos penyediaan yang terlalu tinggi menyebabkan perayu akan menarik balik rayuannya kerana tidak berkesanggupan untuk membayar kos berkenaan.

¹⁸⁵ *Ibid*, Bab 17

¹⁸⁶ *Ibid*, Bab 17(2)

¹⁸⁷ *Ibid*, Bab 17(3)

Seperti dalam permohonan rayuan *Gani lwn Hayati*,¹⁸⁸ plaintif dalam kes ini tidak berpuas hati dengan keputusan Hakim. Akan tetapi setelah dimaklumkan kos penyediaan rekod rayuan berjumlah B\$1,544.00, beliau telah menarik balik rayuannya kerana tidak berkesanggupan membayar kos berkenaan.

3.3.5.2. Rayuan ke Mahkamah Rayuan Syariah

Mahkamah Rayuan Syariah mempunyai bidang kuasa rayuan terhadap keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi Syariah dalam menjalankan bidang kuasa asalnya,¹⁸⁹ dan juga mendengar rayuan Mahkamah Rendah Syariah yang telah diputuskan oleh Mahkamah Tinggi Syariah dalam sebarang persoalan undang-undang demi kepentingan awam yang berbangkit dalam masa rayuan itu, jika keputusan Mahkamah Tinggi Syariah telah menjelaskan keputusan rayuan itu.¹⁹⁰

Di dalam undang-undang, sama ada Akta Penggal 184 ataupun Perintah Acara Mal, 2005 tidak ada tafsiran mengenai rayuan. Menurut Hamid Sultan dalam bukunya¹⁹¹ menyatakan bahawa tiada tafsiran mengenai rayuan di dalam Aturan Mahkamah Tinggi 1980, walau bagaimanapun rayuan itu adalah merupakan satu permohonan merayu kepada mahkamah yang diberikan bidang kuasa untuk mendengar rayuan daripada pihak-pihak yang terkilan atau tidak berpuas hati terhadap keputusan yang telah dibuat oleh Mahkamah bawahan. Akan tetapi, hak merayu dan cara bagaimana rayuan itu perlu dibuat, telah diperuntukkan dalam undang-undang dan perkara ini perlu dipatuhi dalam

¹⁸⁸ MRHS/MAL/BM 234/2006

¹⁸⁹ *Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah*, Penggal 184, Bab 20(1)

¹⁹⁰ *Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah Penggal 184*, Bab 20(2)

¹⁹¹ Hamid Sultan bin Abu Baker (2005), *Janab's Series To "Law, Practice and Legal Remedies"*, vol. 1, Kuala Lumpur: Janab (M) Sdn. Bhd, h. 773-774.

prosiding sesuatu rayuan. Oleh itu, dalam melaksanakan proses pendaftaran rayuan, Mahkamah Rayuan Syariah berpandukan kepada Perintah Acara Mal Mahkamah-Mahkamah Syariah, 2005 yang telah dikuatkuasakan.¹⁹²

Dalam permohonan rayuan jenayah, Mahkamah Syariah mengikut prosedur “*Criminal Procedure Court*”, Mahkamah Sivil, disebabkan pada ketika ini, tidak ada undang-undang acara jenayah yang khusus untuk Mahkamah Syariah. Pemakaian undang-undang sivil ini dibolehkan berdasarkan Bab 78 dari Akta Penggal 77 yang menyatakan:

“Dalam perkara-perkara amalan dan tatacara dalam perbicaraan-perbicaraan jenayah, yang tidak dipersyaratkan dengan nyatanya dalam Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya, Mahkamah hendaklah mengambil perhatian untuk mengelakkan ketidakadilan dan penyelesaian urusan dengan mudah dan boleh dalam perbicaraan-perbicaraan jenayah mengambil perhatian kepada amalan dan tatacara yang diamalkan di mahkamah-mahkamah sivil.”

3.3.5.3. Permohonan Semakan ke Mahkamah Tinggi Syariah

Mahkamah Tinggi Syariah mempunyai bidang kuasa pengawasan dan penyemakan dalam mana-mana peringkat atau prosiding kes Mahkamah Rendah Syariah demi kepentingan keadilan.¹⁹³

Permohonan semakan diterima dengan cara bersurat sama ada terdiri daripada pihak-pihak yang bertikai, hakim-hakim sendiri, atau orang yang berkepentingan dalam kes itu. Kes-kes yang dipohonkan semakan, akan ditangguhkan perbicaraan sehingga ada keputusan semakan daripada Mahkamah Tinggi Syariah. Keputusannya akan disampaikan kepada pihak-pihak oleh

¹⁹²Pengiran Haji Mohd. Tashim bin Pg. Haji Hassan, Pemangku Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah. Temubual pada 26 Januari 2008

¹⁹³ Akta Penggal 184, Bab 19

Mahkamah Rendah Syariah. Terdapat juga permohonan semakan terhadap kes yang telah dikeluarkan perintah atau keputusannya.

Jika permohonan semakan itu terdiri di kalangan hakim-hakim, pada kebiasaannya, keputusan tidak akan disampaikan kepada pihak-pihak, memadai kepada hakim berkenaan. Dalam kes permohonan semakan¹⁹⁴ dari Hakim Mahkamah Rendah Syariah Daerah Brunei dan Muara terhadap kes yang telah diputuskannya.¹⁹⁵ Keputusannya telah disampaikan kepada Hakim berkenaan sahaja.¹⁹⁶

Walau bagaimanapun, penulis berpendapat, perkara ini perlu dikaji semula, mengikut kes, iaitu jika sekiranya dapatan dari semakan itu tidak melibatkan perubahan hukuman, maka keputusan itu boleh tidak disampaikan kepada pihak-pihak. Jika sekiranya dapatan semakan itu melibatkan perubahan dalam hukuman atau perintah terutama yang berkaitan dengan hukum Syarak dan undang-undang, maka keputusan itu perlu disampaikan kepada pihak-pihak.

Terdapat juga kes-kes yang dipohonkan semakan itu, adalah kes-kes yang telah diputuskan dan dikeluarkan perintah. Dalam kes permohonan pengesahan lafaz cerai antara *Tizan lwn Mohamad Daud*.¹⁹⁷ Plaintiff dalam kes ini telah memohon penyemakan terhadap sijil rujuk bilangan pendaftaran BM 19/2007, yang telah dikeluarkan oleh Timbalan Pendaftar PPPROI.

Rekod perceraian telah dihadapkan kepada Timbalan Pendaftar PPPROI berdasarkan Perintah Hakim Mahkamah Rendah Syariah, bertarikh 18 Rejab 1428 bersamaan 2 Ogos 2007. Oleh kerana Timbalan Pendaftar PPPROI merasa ragu-

¹⁹⁴ MTS/PKMRS/MAL/1/2001

¹⁹⁵ TC/BM/49/2001

¹⁹⁶ Noor Aida binti Haji Timpus, Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah Daerah Brunei dan Muara. Temubual pada 19 Januari 2008.

¹⁹⁷ MRHS/MAL/BM 287/2007

ragu untuk mengeluarkan sijil cerai pasangan berkenaan, disebabkan perintah no. 2 yang dikeluarkan itu telah menyatakan pasangan tersebut telah rujuk dengan perkataan maaf dari defendant. Seolah-olah beliau berpendapat, Mahkamah telah mengesahkan rujuk pasangan tersebut. Beliau memohon pengesahan daripada Hakim yang mengeluarkan perintah itu sama ada rujuk tersebut telah disahkan.

Hakim Mahkamah Rendah Syariah telah menjawab pertanyaan Timbalan PPPROI dengan menyatakan:

“...saya hanya memberikan perintah mengenai tempoh ‘iddah sahaja, mengenai huraian yang panjang sedikit selepas itu hanyalah alasan sahaja kenapa Mahkamah memberikan perintah tempoh ‘iddah selama seminggu itu.”

Walaupun Hakim Mahkamah Rendah Syariah telah memberikan jawapan, Timbalan Pendaftar PPPROI telah mengeluarkan sijil *ruju‘* kepada pasangan tersebut, kerana menganggap Hakim telah mengesahkan rujuk pasangan itu.

Kes ini telah disemak oleh Hakim Mahkamah Tinggi Syariah dengan memberikan dapatannya supaya sijil rujuk BM 19/2007 itu hendaklah dibatalkan. Kerana mengeluarkan sijil rujuk BM 19/2007 berdasarkan perintah hakim bicara yang bertarikh 2 Ogos 2007 itu adalah kesilapan Timbalan Pendaftar, di mana Timbalan Pendaftar sendiri tahu, bahawa permohonan rujuk adalah di bawah bidang kuasa Pendaftar sendiri bukannya kuasa Hakim Syarie.

3.3.5.4. Permohonan Semakan ke Mahkamah Rayuan Syariah

Mahkamah Rayuan Syariah mempunyai bidang kuasa penyemakan dan pengawasan ke atas kes-kes Mahkamah Tinggi Syariah sama ada kes mal atau jenayah.

Oleh kerana, tidak ada peruntukan yang khusus mengenai prosedur semakan, maka proses untuk menghadapkan permohonan semakan ke Mahkamah Rayuan Syariah sama dengan apa yang diamalkan di Mahkamah Rendah Syariah.

Walau bagaimanapun, mengikut kaedah umum, sebarang tindakan dalam prosiding di Mahkamah hendaklah dibuat melalui saman atau permohonan.

Dalam kes permohonan semakan daripada *Tizan*,¹⁹⁸ Hakim Mahkamah Tinggi Syariah telah memberikan dapatannya bahawa:

“Setelah meneliti permohonan semakan daripada Tizan, Selepas ini disebut “pemohon” bahawa didapati permohonan ini kurang sempurna dari segi permohonan, di mana sewajarnya setiap permohonan disertakan dengan affidavit, sebagaimana kehendak Bab 14 dari Perintah Acara Mal Mahkamah Syariah 2005. Akan tetapi pemohon ini tidak mengikut kehendak Bab 14 itu.”

Dalam hal ini, penulis juga bersetuju dengan dapatan YA Hakim Mahkamah Tinggi Syariah itu. Proses itu akan lebih teratur dan tidak menimbulkan sebarang keraguan apabila timbulnya pertikaian kelak.

Statistik berikut adalah menunjukkan kes-kes rayuan dan kes-kes semakan yang didaftarkan di Mahkamah Rayuan Syariah.

Jadual 3.10: Statistik Kes Rayuan, Penyemakan dan Pengawasan Mahkamah Rayuan Syariah dari Tahun 2001-2005

Bil	Tahun	2001	2002	2003	2004	2005	Jumlah
	Jenis Kes						
1	Penyemakan Mal	-	-	-	1	-	1
2	Penyemakan Jenayah	-	1	-	1	-	2
3	Rayuan Mal	47	3	1	4	1	56
5	Rayuan Jenayah	8	3	1	2	1	15
	Jumlah	55	7	2	8	2	74

Sumber: Bahagian Penyelidikan, Mahkamah Rayuan Syariah

Jika diperhatikan dalam statistik di atas, jumlah yang tertinggi dalam pendaftaran kes rayuan ialah tahun 2001 iaitu berjumlah 47 kes berbanding tahun-

¹⁹⁸ MTS/SM/03/2007

tahun berikutnya. Menurut Pemangku Ketua Pendaftar¹⁹⁹ bahawa sebelum peralihan kes-kes rayuan dikendalikan oleh Jawatankuasa Kehakiman, Majlis Ugama Islam, di mana terdapat kes-kes yang tidak sempat didengar rayuannya oleh Jawatankuasa berkenaan. Ini mengakibatkan situasi itu berlaku.

Manakala tahun-tahun berikutnya, kes rayuan kurang peningkatan adalah disebabkan faktor di mana Mahkamah Rendah Syariah telah dinaikkan bidang kuasanya sehingga kepada B\$500,000.00 dalam tindakan mal, manakala dalam kes jenayah, penjara tujuh tahun atau denda B\$10,000.00. Oleh kerana itu, menyebabkan kes-kes banyak didengar di Mahkamah Rendah Syariah. Kesan ini mengakibatkan statistik kes-kes rayuan di Mahkamah Tinggi Syariah adalah tinggi berbanding dengan Mahkamah Rayuan Syariah.

3.3.6. Lain-Lain Bidang kuasa

Selain daripada bidang kuasa yang dijelaskan itu, Mahkamah Syariah juga mempunyai bidang kuasa berdasarkan Perintah Acara Mal 2005 dan undang-undang bertulis yang lain iaitu:

3.3.6.1. Permohonan Perlaksanaan dan Penguatkuasaan Hukuman

Sebagaimana yang dijelaskan di awal tadi, Mahkamah Rendah Syariah dan Mahkamah Tinggi Syariah masing-masing mempunyai bidang kuasa dalam mendengar permohonan perintah perlaksanaan, permohonan saman madin penghakiman dan lain-lain kuasa yang diberikan dalam Perintah Acara Mal 2005.

¹⁹⁹Pengiran Haji Mohd. Tashim bin Pg. Haji Hasan, Pemangku Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah. Temubual pada 26 Januari 2008.

Jika pihak plaintif atau defendan membuat aduan bahawa plaintif atau defendan gagal untuk melaksanakan perintah yang telah dikeluarkan oleh Mahkamah Rendah Syariah, maka plaintif atau defendan dinasihatkan untuk memfailkan permohonan saman madin penghakiman. Dalam permohonan saman madin penghakiman antara *Yuranee Sukaseh (Dain Penghakiman) lwn Ahmad Redza (Madin Penghakiman)*,²⁰⁰ Mahkamah telah memutuskan berdasarkan Bab 181(3)(a) dari Perintah Acara Mal, 2005, Madin Penghakiman diperintahkan untuk membayar hutang Dain Penghakiman sebanyak B\$17,000.00 dalam masa tiga bulan dari perintah dikeluarkan.

Walau bagaimanapun permohonan yang banyak diterima dan dilaksanakan di Mahkamah Rendah Syariah pada ketika ini adalah permohonan saman madin penghakiman berbanding dengan penguatkuasaan perintah yang lain.²⁰¹

3.3.6.2. Permohonan Kebenaran untuk Menuntut atau Membela Sebagai Orang Miskin

Sejak Perintah Acara Mal Mahkamah Syariah dikuatkuasakan pada tahun 2005, permohonan kebenaran untuk menuntut atau membela sebagai orang miskin telah diperkenalkan oleh Mahkamah Syariah kepada pihak-pihak yang mengadu tidak berkemampuan. Sejak itu sehingga tahun 2007 permohonan tersebut berjumlah 7 kes termasuk di Mahkamah Tinggi Syariah.

Permohonan ini memberi peluang kepada pihak-pihak yang kurang berkemampuan untuk tidak perlu membayar kos mahkamah. Berbanding dengan

²⁰⁰ MRHS/MAL/BM 74/2007

²⁰¹ Hajah Zuraina binti DSS Haji Abd. Rahman, Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah Daerah Brunei dan Muara.Temubual pada 17 Januari 2008.

Mahkamah Syariah di Malaysia, setakat ini, belum ada permohonan seperti ini diterima. Kerana itu terdapat cadangan untuk memansuhkan peruntukan ini. Cadangan itu telah disuarakan oleh seorang panel.²⁰² Menurut beliau, peruntukan ini tidak ada gunanya kerana Biro Bantuan Guaman telah ditubuhkan oleh Kerajaan. Dengan adanya Biro tersebut, telah dapat mengurangkan beban tugas pegawai mahkamah.

Permohonan kebenaran untuk menuntut atau membela sebagai orang miskin boleh didengar di Mahkamah Rendah Syariah dan Mahkamah Tinggi Syariah. Dalam kes *Hajah Zainab lwn Hj. Manan*²⁰³ yang mengadu tidak mampu untuk membuat pembayaran kos pendaftaran bagi memfailkan tuntutan nafkah ‘iddah, mut’ah, tunggakan nafkah isteri, nafkah perbelanjaan dapur kebelakangan, hutang piutang dan tahanan pendapatan tenaga. Beliau dinasihatkan memohon kebenaran untuk menuntut atau membela sebagai orang miskin. Permohonan beliau telah dibenarkan oleh Hakim berdasarkan Bab 32(3) Perintah Acara Mal Mahkamah-Mahkamah Syariah, 2005. Berdasarkan Bab 32(4) dari Perintah yang sama, apa-apa juga tindakan atau prosiding bagi pemohon hendaklah ditanda “orang miskin” dan perintah ini berlaku bagi tuntutan dan pembelaan di Mahkamah Syariah sahaja. Tidak boleh dijadikan bukti bagi apa-apa permohonan yang tidak berkaitan dengan Mahkamah Syariah di Negara Brunei Darussalam.

Dalam kes permohonan saman madin penghakiman daripada *Masnah lwn Haji Mohammad*,²⁰⁴ beliau dikehendakki membayar kos mahkamah untuk mendaftarkan kesnya. Oleh kerana, pemohon memaklumkan beliau tidak mampu

²⁰² Haji Mohd. Naim Haji Mokhtar (Dr.) (2008), “Kajian Semula Terhadap Undang-Undang Acara Mal Mahkamah Syariah” (Kertas Kerja Seminar Semakan Semula Korpus Undang-Undang Islam di Malaysia: Keperluan dan Cabaran, di Institut Kefahaman Islam Malaysia, 1 April 2008).

²⁰³ MRHS/MAL/BM 38/2007

²⁰⁴ P/MTS/MAL/19/2007

untuk membuat pembayaran, pihak Mahkamah telah menasihatkan beliau, untuk membuat permohonan kebenaran menuntut atau membela sebagai orang miskin.²⁰⁵ Permohonan²⁰⁶ beliau dibenarkan oleh Hakim Mahkamah Tinggi Syariah.

- (i) Berdasarkan Bab 32(3) Perintah Acara Mal Mahkamah-Mahkamah Syariah 2005, permohonan adalah dibenarkan menuntut atau membela sebagai orang miskin, apa-apa juga tindakan atas prosiding bagi pemohon hendaklah ditanda “orang miskin”.

3.3.6.3. Permohonan Pengesahan Islam

Mahkamah Rendah Syariah juga mendengar permohonan pengesahan Islam berdasarkan Bab 167 dari Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77.

Permohonan pengesahan Islam telah dilaksanakan secara pentadbiran biasa sejak Mahkamah Kadi. Apabila Perintah Acara Mal 2005 dikuatkuasakan, proses permohonannya telah dilaksanakan mengikut peruntukan undang-undang tersebut.

Permohonan pengesahan Islam di Mahkamah Rendah Syariah seluruh Negara dari tahun 2005 hingga 2006 iaitu berjumlah 463 permohonan.

3.3.6.4. Falak Syarie

Mahkamah Syariah berkuasa untuk mensabitkan penglihatan anak bulan, di mana menurut peruntukan Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah Penggal 184 di bawah Bab 29 bahawa:

²⁰⁵ *Perintah Acara Mal Mahkamah-Mahkamah Syariah*, 2005, Bab 32(1)

²⁰⁶ Permohonan Kebenaran Menuntut atau Membela sebagai orang miskin telah difaikkan dalam bil: P/MTS/MAL/28/2006

“Hendaklah menjadi tanggungjawab Ketua Hakim Syarie pada atau lebih kurang waktu awal atau akhir pada tiap-tiap bulan membuat penyiasatan bagi menentukan haribulan bagi bulan-bulan baru ...”

Dengan adanya peruntukan ini, pada kelazimannya, Hakim-Hakim Mahkamah Rendah Syariah akan diarahkan untuk meruayah anak bulan pada tiap-tiap penghujung bulan, terutama pada menentukan bermula awal Ramadan dan awal bulan Syawal bersama dengan agensi-agensi kerajaan yang lain iaitu Jabatan Ukur dan Kementerian Hal Ehwal Ugama di tempat-tempat yang telah ditetapkan.

Oleh itu, Hakim-Hakim Syarie perlu mempunyai pengetahuan yang cukup dalam bidang ilmu falak kerana mereka mempunyai tanggungjawab yang besar dan berat dalam menentukan dan mensabitkan penglihatan anak bulan tersebut.

3.3.6.5. Pengangkatan Kanak-Kanak Dalam Islam

Mahkamah Syariah juga berbidang kuasa mendengar permohonan Pengangkatan Kanak-Kanak berdasarkan peruntukan Perintah Pengangkatan Kanak-Kanak Dalam Islam 2001. Perintah ini dikuatkuasakan serentak dengan Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah Penggal 184. Sejak Perintah ini dikuatkuasakan, boleh dikatakan permohonan pengangkatan kanak-kanak adalah yang paling banyak diterima oleh Mahkamah Tinggi Syariah. Lihat kepada statistik yang diberikan seperti dalam Jadual 3.11 adalah seperti berikut:

Jadual 3.11: Permohonan Pengangkatan Kanak-Kanak, Mahkamah Tinggi Syariah

Perkara	2001	2002	2003	2004	2005
Permohonan Pengangkatan Anak	100	160	143	210	141

Sumber: Mahkamah Tinggi Syariah

3.3.6.6. Pajak Gadai

Mahkamah Syariah juga telah diberikan bidang kuasa mendengar permohonan pajak gadai dari Perintah Pemegang Pajak Gadai, 2002.²⁰⁷ Perintah ini bertujuan untuk mengawal urusniaga pajak gadai yang beroperasi di kedai-kedai pajak gadai di Negara Brunei Darussalam dan memastikan perniagaan pemegang pajak gadai dilaksanakan menurut hukum Syarak.²⁰⁸ Perintah ini menggantikan Akta Pemegang Pajak Gadai Penggal 63 dari Undang-Undang Negara Brunei Darussalam.²⁰⁹

Perintah ini telah memberikan Mahkamah Syariah bidang kuasa ekslusif dengan mengisyiharkan bahawa tiada mahkamah selain daripada Mahkamah yang ditubuhkan dalam Bahagian II dari Akta Penggal 184 boleh mendengar atau memutuskan apa-apa tuntutan atau prosiding di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah. Perintah ini hendaklah dikenakan kepada semua orang sama ada orang Islam ataupun tidak.²¹⁰

Menurut Perintah ini, hanya pemegang lesen yang telah dibenarkan oleh Perintah ini sahaja yang boleh menjalankan urusniaga pajak gadai.²¹¹ Pegawai melesen yang telah dilantik oleh Menteri Kewangan bertanggungjawab untuk mengeluarkan lesen dan membatalkannya jika difikirkannya perlu.²¹² Menteri Kewangan diberi tanggungjawab terhadap perlaksanaan Perintah ini dan pemungutan bayaran.²¹³

²⁰⁷ Dikuatkuasakan pada 1 Ogos 2005.

²⁰⁸ *Perintah Pemegang Pajak Gadai 2002*, Bab 1 (3), Pg. Haji Mohd. Tashim bin Pg. Haji Hassan (2007), “Perintah Pemegang Pajak Gadai 2002” (Kertas kerja yang dibentangkan dalam mesyuarat yang diadakan bersama pihak bank, di Bangunan Mahkamah Syariah, pada 27 Februari 2007).

²⁰⁹ *Ibid*, Bab 35.

²¹⁰ *Ibid*, Bab 6 dan Bab 5.

²¹¹ *Ibid*, Bab 9

²¹² *Ibid*, Bab 10

²¹³ *Ibid*, Bab 7

Perintah ini memberi kuasa kepada Mahkamah Syariah untuk memberi kebenaran kepada pemegang pajak gadai untuk menjual atau melelong barang yang digadaikan dengan cara pemegang pajak gadai mengemukakan permohonan ke Mahkamah.²¹⁴

Walau bagaimanapun, setakat ini belum ada permohonan dibuat ke Mahkamah Syariah. Jika ada, permohonan ini akan didengar di Mahkamah Tinggi Syariah.

3.4. Perlantikan Hakim Syarie dan Pegawai Mahkamah

Untuk memilih seseorang menjawat jawatan hakim, bukanlah satu perkara yang mudah. Sebagaimana pendapat ulama fiqah bahawa perlantikan hakim adalah menjadi fardhu ‘ain ke atas khalifah atau ketua negara bagi satu kawasan, jika dia sendiri tidak dapat menjalankan tugas kehakiman sepenuhnya, disebabkan tugas-tugas negara yang lain.²¹⁵ Jika ketua negara itu tidak mengetahui siapa yang berkelayakan untuk dilantik ke jawatan hakim itu, maka hendaklah merujuk kepada orang yang tahu mengenainya. Ketua Negara boleh mengeluarkan surat perlantikan berdasarkan nasihat daripada pihak-pihak yang dirujuk itu tadi²¹⁶ dan mengisyiharkannya untuk pengetahuan umum di mana hakim itu telah dilantik.²¹⁷ Perlantikan ke jawatan hakim itu tidak boleh dilakukan dengan cara permohonan dan permintaan. Jawatan itu hendaklah ditawarkan oleh pemerintah kepada mereka yang layak. Jika tidak sesiapa yang layak, maka orang yang paling baik di kalangan mereka hendaklah dilantik. Perkara ini telah dibahaskan panjang lebar

²¹⁴ *Ibid*, Bab 27.

²¹⁵ Syamsuddin Abī al-Abbas Ahmad Hamzah ibn Syihābuddin al-Ramlī (1993), *Nihāyāt al-Muhtāj ila Syarh al-Minhāj*, j. 8, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 236.

²¹⁶ Al-Syeikh al-Imām al-‘Alāmah Ibnu Qudāmah (t.t), *al-Mughnī*, j. 2, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h.378-379.

²¹⁷ Abī al-Hassan Alī bin Muhammad bin Habib al-Basrī al-Baghdadī al-Mawardī (1996), *al-Ahkām al-Sultaniyyah*, Beirut: Dār al-Fikr, h.70.

oleh Al-Imam al-Mawardi dalam kitabnya *al-Ahkam al-Sultaniyyah*.²¹⁸ Syarat-syarat dan kelayakan untuk menjadi hakim juga telah ditetapkan oleh syarak iaitu Islam, baligh, berakal, lelaki,²¹⁹ merdeka, adil, baik pandangan, penglihatan dan pertuturan, berpendidikan dan mempunyai pengetahuan tentang hukum syarak.²²⁰

Dengan adanya garis panduan yang telah ditetapkan itu, sewajarnya lah pihak yang berwajib, berhati-hati dalam membuat pemilihan agar pemilihan itu tidak menjaskankan institusi kehakiman itu nanti. Proses perlantikan yang dijelaskan itu selaras dengan peruntukan Akta Penggal 184 dalam perlantikan hakim-hakim syarie di Mahkamah Syariah Brunei.

Seiring dengan penubuhan itu, Hakim-Hakim Syarie telah dilantik yang terdiri daripada Ketua Hakim Syarie, Panel Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah dan Hakim-Hakim Mahkamah Rendah Syariah.

Ketua Hakim Syarie yang pertama dilantik ialah Yang Amat Arif / Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal iaitu bekas Kadi Besar Negara Brunei Darussalam. Perlantikan Ketua Hakim Syarie adalah atas perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang di-Pertuan setelah mendapat nasihat dan sokongan Majlis Ugama Islam.²²¹

²¹⁸ *Ibid*, h.74.

²¹⁹ Pendapat ulama Syafi'iyyah, manakala pendapat Imam Abu Hanifah membenarkan perempuan untuk menjadi Hakim dalam perkara yang melibatkan kes-kes selain daripada *hudud* dan *qisas*. Dengan demikian perempuan dibenarkan menjadi hakim dalam kes-kes di mana dia dibenarkan oleh syarak menjadi saksi dan diterima oleh Mahkamah. Imam 'Alā al-Dīn Abī Bakr bin Mas'ūd Al-Kasanī al-Hanafī (1996), *al-Badā'i al-Sanā'i*', j. 7, Beirut: Dār al-Fikr, h. 4.

²²⁰ Al-Mawardī (1996), *op.cit*, h. 65-66, Lihat juga Dr. Abdul Kadir Zaidan (2002), *op.cit*, c. 3, Beirut: Muassasah al-Risalah, h. 23-28.

²²¹ *Ibid*, Bab 8(1)

Begitu juga pada masa yang sama telah dilantik panel-panel Hakim Mahkamah Rayuan Syariah yang pertama seramai tiga orang.²²² Mereka ini adalah juga bekas ahli-ahli Jawatankuasa Kehakiman sebelum berkuat kuasanya Akta ini.

Lantikan bagi Hakim Mahkamah Tinggi Syariah dan Hakim Mahkamah Rendah Syariah adalah menurut Bab 30 (2) dan (3) yang menyebutkan bahawa:

(2)“Orang-orang sebaik sahaja sebelum berkuatkuasa permulaan kuatkuasa Perintah ini telah memegang jawatan Kadi Besar dan Timbalan Kadi Besar yang dilantik di bawah bab 45(1) dari Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi hendaklah pada permulaan kuatkuasa Perintah ini, memegang jawatan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah seolah-olah dia telah dilantik di bawah Bab 10(1) dari Perintah ini.”

(3)“Mana-mana orang sebaik sahaja sebelum berkuatkuasanya Perintah ini telah memegang jawatan Kadi yang dilantik di bawah bab 45(1) dari Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi hendaklah pada permulaan kuatkuasa Perintah ini, memegang jawatan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah seolah-olah dia telah dilantik di bawah Bab 11 dari Perintah ini.”

Berdasarkan peruntukan itu, maka dua orang Hakim Mahkamah Tinggi Syariah telah dilantik²²³ dan lima orang Hakim Mahkamah Rendah Syariah.²²⁴

Peruntukan Akta ini juga telah memperjelaskan kelayakan-kelayakan untuk menjawat jawatan Ketua Hakim Syarie, Hakim Mahkamah Rayuan Syariah dan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah sebagaimana yang diperuntukkan dalam Bab 8(2), 9(2) dan 10(2). Manakala kelayakan untuk menjadi Hakim Mahkamah Rendah Syariah tidak diperuntukkan dalam Akta ini, akan tetapi telah disebutkan di dalam Skim Perkhidmatan Jawatan Jabatan Kehakiman Negara, Jabatan

²²² Mereka terdiri daripada Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haj Awang Yahya bin Haji Ibrahim, Profesor Dr. Dato Mahmud Saedon bin Awang Othman dan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman.

²²³ Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Salim bin Haji Besar dan Dato Seri Setia Ustaz Haji Awang Metussin bin Haji Bakri.

²²⁴ Awang Johar bin Mohammad, Pengiran Haji Mohd. Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Pengiran Haji Noor Asmawi bin Pengiran Haji Ahmad, Haji Hassan bin Haji Metali dan Hardifadhillah bin Haji Salleh.

Perdana Menteri yang diluluskan pada 1 September 2003, antara syarat kelayakan umum yang diperlukan ialah:

- (a) Mestilah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (b) Mempunyai pengetahuan tentang kerasmian Ugama Islam, Adat Istiadat Negara, Adat Resam dan Kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei dan Perkembangan sosial, ekonomi dan Politik Negara Brunei Darussalam dan mengikut Mazhab Syafie Ahli Sunnah Wal-Jamaah.

Begitu juga lantikan bagi pendaftar-pendaftar mahkamah yang terdiri daripada Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah, Timbalan Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah,²²⁵ Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah dan Penolong-Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah bagi setiap daerah. Mereka ini dilantik berdasarkan Bab 13 daripada Akta Penggal 184, dan atas perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan yang Di-Pertuan.

Seramai lapan orang Penolong Pendaftar telah dilantik dan ditempatkan di empat daerah. Walau bagaimanapun, Daerah Brunei dan Muara berbeza dengan daerah-daerah yang lain, di mana seorang Penolong Pendaftar yang diberi kuasa Timbalan Pendaftar Perkahwinan, telah ditugaskan secara khusus di Bahagian Perkahwinan, Perceraian, Pembatalan dan *Ruju'* Orang Islam di Daerah berkenaan. Manakala di daerah lain, Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah adalah orang yang ditugaskan sebagai Timbalan Pendaftar PPPROI di daerah berkenaan.

Setelah penubuhan itu juga, tugas dan tanggungjawab hakim-hakim syarie tertumpu kepada perbicaraan-perbicaraan kes yang dihadapkan mengikut bidang

²²⁵ Akta Penggal 184, Bab 4, pindaan 2005

kuasa peringkat Mahkamah di mana mereka dilantik, manakala Pendaftar Mahkamah banyak tertumpu kepada pentadbiran Mahkamah.

Pengwujudan dan perlantikan pendaftar menurut undang-undang ini membawa perubahan yang besar dalam pengurusan pentadbiran Mahkamah Syariah, berbanding dengan Mahkamah Kadi yang dahulu di mana semasa Mahkamah Kadi, tanggungjawab Kadi adalah sebagai hakim bicara dan pendaftar menurut undang-undang dan juga pentadbir dalam pejabatnya.

Hakim-hakim Syarie dan pendaftar-pendaftar mahkamah yang telah dilantik mempunyai tugas dan tanggungjawab yang telah diperuntukkan di bawah undang-undang bertulis.

Perlu juga dinyatakan di sini, sejak perlantikan itu, taraf dan kedudukan Ketua Hakim Syarie telah dinaikkan seiring dengan jawatan Mufti iaitu sebagai salah seorang ketua ugama di Brunei. Manakala hakim-hakim Mahkamah Tinggi Syariah telah dinaikkan taraf sebanding dengan hakim-hakim Mahkamah Tinggi Sivil dari segi kedudukan dan tangga gaji. Begitu juga hakim-hakim syarie dan pendaftar-pendaftar.

3.4.1. Bidang Tugas Hakim dan Pegawai Mahkamah

Prinsip bidang tugas hakim telah dijelaskan di dalam hadis Rasulullah

s.a.w :

عن أنس من أهل حمص من أصحاب معاذ بن جبل، أن رسول الله صلى الله عليه وسلم لما أراد أن يبعث معاذا إلى اليمن قال: "كيف تقضى إذا عرض لك قضاء؟"؟ قال: أقضى بكتاب الله، قال: "إِنَّمَا تَجْدِدُ فِي كِتَابِ اللَّهِ"؟ قال فبسنة رسول الله صلى الله عليه وسلم، قال: "إِنَّمَا تَجْدِدُ فِي سَنَةِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَلَا فِي كِتَابِ اللَّهِ"؟ قال:

أَجْتَهَدْ رَأَيْ وَلَا آلَوْ، فَضَرَبْ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَدْرَهُ وَقَالَ: "الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي وَفَقَ رَسُولُ اللَّهِ".²²⁶

Maksudnya:

Dari Anas daripada Ahli Hamas daripada sahabat Muadh bin Jabal, Sesungguhnya Rasulullah s.a.w ketika mengutus Muadh ke Yaman, Beliau bertanya “Apakah caranya engkau menghukum jika engkau dikehendaki memutuskan sesuatu kes?, Muadh menjawab “Aku akan menghukum dengan Kitab Allah”, Rasulullah s.a.w bertanya “Jika kau tidak mendapatkan apa-apa di dalamnya”, Muadh menjawab “Dengan sunnah Rasulullah s.a.w Rasulullah s.a.w bertanya lagi “Jika kau tidak mendapatkan di dalam sunnah Rasulullah s.a.w dan di dalam Kitab Allah?” Muadh menjawab “aku akan berijtihad berdasarkan pendapat ku dan tidak aku biarkan”. Rasulullah s.a.w pun menepuk dada muadh lalu bersabda “Alhamdulillah yang telah memberi taufik kepada utusan Rasulullah s.a.w dengan apa yang direhái oleh Rasulullah s.a.w.

Prinsip itu telah dikuatkan lagi dengan surat Khalifah Umar al-Khattab kepada Kadi Abu Musa al-Asha‘ari antaranya:

“Sesungguhnya kehakiman adalah tanggungjawab keugamaan dan amalan tradisi yang mesti diikuti. Hendaklah memahami apakah yang dikemukakan kepadamu sebelum apa-apa keputusan dibuat. Memberi layanan sama rata yang sepenuhnya kepada pihak-pihak yang bertikai dalam majlismu (kehakiman) pada pandanganmu dan pada pengadilanmu (hukuman yang kamu jatuhkan) sehingga orang mulia (berkedudukan tinggi) tidak berasa tamak dan orang yang hina tidak rasa kecewa terhadap pengadilanmu. Pembuktian adalah tanggungjawab orang yang mendakwa dan sumpah adalah ke atas pihak yang ingkar. Perdamaian (*sulh*) itu dibolehkan selagi tidak menghalalkan perkara yang haram atau sebaliknya. Fahamilah tentang apa yang dikemukakan kepadamu dari apa yang didatangkan daripada sesuatu yang tidak terdapat di dalam al-Quran dan al-Sunnah. Kemudian bandingkanlah perkara-perkara antara satu dengan yang lain. Kemudian berpeganglah kepada apa yang kamu rasa disukai oleh Allah dan yang ada kesamaan dengan kebenaran...²²⁷

Perkara ini juga telah ditekankan oleh Prof. Ahmad Ibrahim dalam bukunya²²⁸ bahawa tujuan udang-undang dibuat khususnya undang-undang acara mal dan acara jenayah adalah untuk menolong seorang hakim mencapai keadilan,

²²⁶ Abu Dawūd Sulayman Ibn al-Asy’ath, al-Sijistanī (1988), *Sunan Abī Dawūd*, Kitab al-Aqdiyyah, Bāb Ijtihad al-Ra’yu fī al-Qadā’, j. 3, Kaherah: Dār al-Hadīth, h. 302.

²²⁷ Muhammad ibn Khalaf ibn Hayyan (2001), *Akhbar al-Quḍāḥ*, Beirut: ‘Ālam al-Kutub, h. 181.

²²⁸ Ahmad Mohamed Ibrahim (1997), *Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia*, Malaysia: IKIM, h. 104.

dengan bantuan lain-lain pegawai mahkamah yang terlibat termasuk peguam. Untuk mencapai keadilan itu adalah dengan memberikan hak kepada yang berhak dan menempatkan sesuatu pada tempatnya dan untuk mengelak dan menghapuskan kezaliman. Kata-kata beliau ini bertepatan dengan firman Allah s.w.t dalam surah al-Maidah:

وَإِنْ حَكَمْتَ فَأَحْكُمْ بَيْنَهُمْ بِالْقِسْطِ إِنَّ اللَّهَ تُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ

Surah al-Maidah (5):42

Maksudnya:

Jika Engkau menghukum maka hukumlah di antara mereka Dengan adil; kerana Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang Yang berlaku adil.

Dalam sebuah hadis Rasulullah s.a.w yang memberikan ganjaran pahala kepada seorang hakim yang telah melaksanakan tugasnya dengan betul iaitu:

عَنْ عَمْرُو بْنِ الْعَاصِ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ -صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ- «إِذَا حَكَمَ الْحَاكِمُ فَاجْتَهَدَ فَأَصَابَ فَلَهُ أَجْرًا وَإِذَا حَكَمَ فَاجْتَهَدَ فَأَخْطَأَ فَلَهُ أَجْرٌ». فَحَدَّثَنَا أَبَا بَكْرٍ بْنَ حَزْمٍ فَقَالَ هَكَذَا حَدَّثَنِي أَبُو سَلَمَةَ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ.²²⁹

Maksudnya:

“Apabila seorang hakim membuat keputusan selepas ia telah berusaha sebaik-baiknya untuk membuat keputusan yang betul, jika ia membuat keputusan yang betul, ia akan diberi dua pahala, dan apabila ia memberikan keputusan, selepas berusaha sebaik-baiknya akan tetapi keputusan itu salah, ia akan mendapat satu pahala.”

Menurut beliau lagi, seorang hakim yang baik hendaklah bersungguh-sungguh berusaha dalam penghakimannya dan hendaklah membuat

²²⁹ Al-Sijistanī (1988), *op.cit*, Kitab al-Aqdiyyah, Bab fī al-Qadī Yukhtī, no. hadis 3574, j. 3, Kaherah: Dār al-Hadith, h. 297.

penghakimannya selepas sahaja suatu kes itu tamat dan ia telah membuat keputusannya.²³⁰

Selain daripada hakim-hakim, pegawai mahkamah juga mempunyai peranan yang penting dan menjadi tulang belakang dalam pengurusan dan pentadbiran mahkamah. Ini termasuk juga peguam syarie. Mereka ini amat penting dalam institusi kehakiman, demi untuk mencapai keadilan yang dituntut oleh Islam.

Di Mahkamah Syariah, bidang kuasa hakim dan pendaftar telah dinyatakan di dalam Perintah Acara Mal Mahkamah-Mahkamah Syariah 2005,²³¹ manakala dalam acara jenayah²³² telah dinyatakan didalam Akta Penggal 77. Hakim dan pendaftar juga menjalankan semua tugas dan kuasa yang diberikan kepada mereka oleh mana-mana undang-undang bertulis yang lain.

Seorang hakim yang hendak membicarakan kes hendaklah menurut peraturan undang-undang acara yang telah ditetapkan sama ada kes mal maupun kes jenayah.

Di samping undang-undang acara, semasa perbicaraan, seorang hakim juga memerlukan keterangan-keterangan, bukti-bukti yang cukup sama ada dari pihak pendakwa maupun pihak plaintif untuk menimbangkan segala fakta yang dikemukakan sebelum memberikan sebarang keputusan. Semua ini adalah bagi menjamin kes itu dapat diselesaikan dengan seadil-adilnya. Sebagaimana hadis Rasulullah *s.a.w*:

²³⁰ Ahmad Mohamed Ibrahim, *op.cit*, h. 129.

²³¹ *Perintah Acara Mal 2005*, Bab 210.

²³² *Akta Penggal 77*, Bab 62-78

حَدَّثَنَا عَمْرُو بْنُ عَوْنَى قَالَ أَخْبَرَنَا شَرِيكٌ عَنْ سِمَاكٍ عَنْ حَنْشٍ عَنْ عَلَيٌّ عَلَيْهِ السَّلَامُ قَالَ بَعَثَنِي رَسُولُ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - إِلَى الْيَمَنِ قَاضِيًّا فَقُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ تُرْسِلُنِي وَأَنَا حَدِيثُ السُّنْنِ وَلَا عِلْمَ لِي بِالْقَضَاءِ فَقَالَ «إِنَّ اللَّهَ سَيَهْدِي قَلْبَكَ وَيُثْبِتُ لِسَائِلَكَ فَإِذَا جَلَسَ بَيْنَ يَدَيْكَ الْخَصْمَانِ فَلَا تَقْضِيَنَّ حَتَّى تَسْمَعَ مِنَ الْآخَرِ كَمَا سَمِعْتَ مِنَ الْأَوَّلِ فَإِنَّهُ أَحْرَى أَنْ يَتَبَيَّنَ لَكَ الْقَضَاءُ». قَالَ فَمَا زِلتُ قَاضِيًّا أَوْ مَا شَكَكْتُ فِي قَضَاءِ بَعْدٍ.²³³

Maksudnya:

Dari Ali r.a dia berkata: Pernah Rasulullah s.a.w mengutusku ke Yaman untuk menjadi hakim. Maka aku berkata: Wahai Rasulullah, engkau mengutus saya sedang saya masih muda, saya pun tidak tahu untuk menjadi hakim?" Maka beliau bersabda: "sesungguhnya Allah akan memberi petunjuk hatimu, dan meneguhkan ucapanmu (dengan Kitab Allah dan Sunnah Rasulullah. Maka, apabila kedua belah pihak yang bertikai telah duduk di hadapanmu, jangan sekali-kali kamu menentukan hukum sehingga kamu mendengar ucapan pihak kedua, sebagaimana kamu dengar pihak pertama. Yang demikian itulah lebih sesuai bagimu, agar keputusan hukum nanti menjadi jelas" Berkata Ali: "Maka, dengan doa beliau itulah aku menjadi hakim" atau " sesudah itu aku tidak ragu-ragu lagi dalam memutuskan suatu hukum."

Di samping tugas-tugas yang dijelaskan oleh undang-undang, hakim-hakim syarie mempunyai tugas lain antaranya Hakim Mahkamah Rendah Syariah bertugas sebagai pembaca doa semasa keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan ke daerah-daerah, tugas ini telah dilaksanakan sejak Mahkamah Kadi lagi. Hakim-Hakim Mahkamah Rendah Syariah juga ditugaskan untuk melihat anak bulan pada setiap awal bulan hijrah dan membuat lapuran kepada Ketua Hakim Syarie.

Manakala Pendaftar Mahkamah mempunyai tugas dan tanggungjawab secara langsung dalam pengurusan pentadbiran Mahkamah Syariah.²³⁴

²³³ Al-Sijistanī (1988), *op.cit*, Kitab al-Aqdiyyah, Bāb Kaifa al-Qadā', no. hadis 3572, j. 3, Kaherah: Dār al-Hadith, h. 299-300.

²³⁴ Lampiran "C".

3.5. Pejabat Pentadbiran Am

Pejabat pentadbiran am adalah salah satu bahagian daripada struktur organisasi pentadbiran Mahkamah Syariah. Akan tetapi, pengurusan dan pengendaliannya secara langsung di bawah Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah, dan dibantu oleh Timbalan Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah, Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah, Penolong-Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah Daerah-Daerah.

Peranan dan fungsi bahagian pentadbiran am antaranya mengawal selia pegawai dan kakitangan Mahkamah, mengendalikan hal ehwal pengurusan, perancangan latihan, menguruskan pembangunan perpustakaan dan penerbitan, merangka peruntukan belanjawan tahunan, mengendalikan bahagian penyelidikan bagi tujuan menyediakan sumber maklumat utama dalam bidang undang-undang dan hukum Syarak serta penyediaan maklumat dan pengumpulan statistik kes-kes mahkamah seluruh Negara termasuk perkahwinan secara bulanan dan tahunan, menyelia individu atau mahasiswa atau mahasiswi universiti yang membuat kajian ke Mahkamah Syariah dan menerima permintaan dari pihak-pihak tertentu untuk membuat pengesahan qiblat.

Di samping itu, bahagian ini menjadi urusetia kepada Jawatankuasa Perlantikan Peguam Syarie. Ini kerana, Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah telah dilantik menjadi Setiausaha kepada Jawatankuasa berkenaan menurut peruntukan Bab 4 (1) (e) dari Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah Penggal 184, Aturan-Aturan Mahkamah-Mahkamah Syariah (Peguam Syar'ie), 2002, mentadbir dan menguruskan kutipan hasil mahkamah seluruh Negara

sebelum dihadapkan ke Majlis Ugama Islam, perhubungan dengan kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan dan swasta seperti:

- a. Memberikan maklumat tapisan pemilihan ketua kampong.
- b. Laporan kepada Bahagian Taraf Kebangsaan, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan mengenai pasangan-pasangan yang melakukan kesalahan di bawah bab 178 dari Akta penggal 77, yang menyebabkan kelahiran anak tak sah taraf (luar nikah),
- c. Mengeluarkan surat pengesahan perintah mahkamah mengenai hak penjagaan anak kepada penjaga untuk urusan dengan Jabatan Kerajaan yang memerlukan.

Pejabat ini berhubung terus dengan Jabatan Kehakiman Negara dalam mengendalikan dan menguruskan beberapa urusan termasuk penyediaan sumber tenaga manusia, peruntukan pembelian buku-buku, jurnal-jurnal perpustakaan, penyelarasan penghantaran pegawai dan kakitangan mahkamah yang akan mengikuti kursus dalam dan luar negeri, penyediaan logistik dan peralatan kutipan hasil seluruh daerah, peruntukan kewangan bagi peralatan pejabat dan sebagainya.

3.6. Kesimpulan

Pada kesimpulannya, pentadbiran Mahkamah Syariah diketuai oleh Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah dengan dibantu oleh Timbalan Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah, Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah dan Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah Daerah-Daerah.

Bidang kuasa Mahkamah Syariah telah diperluaskan dan ditingkatkan, walaupun masih dihadkan terhadap orang-orang Islam sahaja.

Dalam bidang kuasa jenayah, walaupun bidang kuasa hukuman telah dipertingkatkan, akan tetapi undang-undang jenayah tidak akan dapat dilaksanakan dan diadili dengan sempurna tanpa adanya undang-undang acara yang lengkap. Walaupun undang-undang acara Mahkamah Sivil dapat membantu menyelesaikan kes-kes jenayah di Mahkamah Syariah. Akan tetapi, untuk memartabatkan undang-undang Islam di Negara ini, Mahkamah Syariah perlu ada undang-undang jenayah dan acaranya tersendiri.

Tugas-tugas Hakim Syarie dan Pendaftar-Pendaftar lebih terarah dengan berkuatkuasanya Perintah Acara Mal Mahkamah-Mahkamah Syariah 2005.

Oleh kerana Pendaftar-pendaftar Mahkamah juga dilantik di bawah Bab 26 dari Perintah Darurat (Undang-Undang Keluarga Islam) 1999, maka Pendaftar-pendaftar ini juga mempunyai tugas dan tanggungjawab yang telah diperuntukkan di bawah Perintah tersebut dalam pentadbiran Undang-Undang Keluarga Islam.

Daripada apa yang dijelaskan tadi, Pendaftar-Pendaftar Mahkamah mempunyai tiga tugas dalam satu masa iaitu sebagai Pendaftar Mahkamah, Pendaftar PPPROI dan juga sebagai pentadbir awam yang menjalankan tugas menyelia pegawai dan kakitangannya termasuk percutian dan lain-lain. Bidang tugas yang terlalu banyak itu menyebabkan kurangnya keberkesanan dalam sistem pentadbirannya dan ini boleh mencacatkan sistem pentadbiran Mahkamah Syariah secara umumnya.

Perkara ini seolah-olah masih sama dengan pentadbiran Mahkamah Kadi, di mana dulunya seorang Kadi dibebani dengan tanggungjawab yang banyak. Pada ketika ini, beban tanggungjawab itu beralih kepada Pendaftar.

BAB IV

ISU DAN MASALAH YANG BERBANGKIT DALAM PENTADBIRAN MAHKAMAH SYARIAH

4.1. Pendahuluan

Berikutnya dengan penubuhan Mahkamah Syariah pada 26 Mac 2001, beberapa undang-undang telah dikuat kuasakan di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah sama ada undang-undang substantif mahupun undang-undang prosedur. Antaranya ialah Perintah Darurat (Undang-Undang Keluarga Islam), 1999, Perintah Pengangkatan Kanak-Kanak Dalam Islam, 2001, Aturan-Aturan Undang-Undang Keluarga Islam, 2002, Aturan-Aturan Mahkamah-Mahkamah Syariah (Peguam Syar'ie), 2002, Perintah Undang-Undang Keterangan Mahkamah-Mahkamah Syariah, 2005, Perintah Acara Mal Mahkamah-Mahkamah Syariah, 2005 dan yang terakhir dikuat kuasakan ialah Perintah Pemegang Pajak Gadai, 2002. Menurut Pemangku Ketua Pendaftar, undang-undang acara jenayah juga dijangkakan akan dikuat kuasakan dalam sedikit masa lagi.²³⁵

Dengan adanya undang-undang yang mantap dan bidang kuasa yang luas, ini menunjukkan satu perkembangan yang positif ke arah memartabatkan Mahkamah Syariah seiring dan setaraf dengan Mahkamah Sivil di Negara ini sebagaimana hasrat penubuhannya.

Walau bagaimanapun, undang-undang yang mantap sahaja tidak akan dapat menjamin kewibawaan sesebuah mahkamah itu, tanpa ada komitmen yang padu dari berbagai aspek dan pihak terutama kemahiran kepegawaian, kakitangan

²³⁵ Pg. Haji Mohd. Tashim bin Pg. Haji Hasan, Pemangku Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah. Temubual pada 12 Februari 2008.

yang cekap dalam melaksanakan undang-undang yang telah dikuat kuasakan itu. Semuanya ini merupakan tulang belakang ke arah keberkesanan pengurusan dan demi mencapai keadilan yang dituntut. Perkara ini telah ditekankan oleh Prof. Ahmad Hidayat dalam bukunya²³⁶ bahawa pengurusan yang cekap melibatkan banyak faktor, antaranya peruntukan undang-undang dan panduan kerja yang lengkap, kakitangan, infrastruktur dan kemudahan mahkamah yang mencukupi, budaya dan amalan kerja yang professional di kalangan kakitangan juga amat penting bagi menjamin pengurusan yang berkualiti.

Mahkamah Syariah Brunei adalah merupakan sebuah institusi kehakiman yang unik di rantau ini, yang mana strukturnya mempunyai dua kuasa dan tanggungjawab yang berbeza iaitu kuasa kehakiman (*judicial*) dan juga kuasa dalam hal ehwal perkahwinan, perceraian, pembatalan dan *ruju* ‘orang Islam di Negara ini. Maka sudah setentunya institusi ini mempunyai peranan yang lebih besar dan mencabar, tambahan lagi yang mana majoriti penduduknya adalah berugama Islam.

Dari awal penubuhan Mahkamah Syariah sehingga kajian ini dibuat, Mahkamah Syariah telah banyak menghadapi cabaran dan perubahan demi perubahan dalam memantapkan pentadbirannya. Dan tidak dapat dinafikan juga bahawa terdapat isu-isu dan permasalahan yang timbul dalam pentadbiran undang-undang dan juga perlaksanaannya.

Dalam bab ini, penulis hanya menjelaskan isu dan masalah yang berbangkit dalam pengurusan pentadbiran dan peruntukan bidang kuasa mal. Penulis tidak

²³⁶ Prof. Ahmad Hidayat Buang (ed.) (2005), *Mahkamah Syariah di Malaysia: Pencapaian dan Cabaran*, c. 2, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, h. 9.

akan menyentuh undang-undang jenayah, undang-undang keterangan kerana melibatkan penulisan yang terlalu luas.

4.2. Isu dan Masalah dalam Pentadbiran Mahkamah Syariah

Sejak akhir-akhir ini, masyarakat mula mencelikkan mata dan mula memperkatakan keberkesanan pengurusan pentadbiran Mahkamah Syariah terutama isu-isu yang melibatkan kes-kes kekeluargaan. Terdapat tulisan-tulisan, pengaduan-pengaduan ketidakpuasan hati segelintir masyarakat terhadap pengurusan di Mahkamah Syariah.

Oleh itu, kajian penulis mendapati beberapa isu dan permasalahan dalam pentadbiran Mahkamah Syariah antaranya:

4.2.1. Pertindihan Bidang Kuasa Pendaftar-Pendaftar

Sebagaimana dijelaskan di dalam bab sebelumnya, bahawa Penolong-Penolong Pendaftar Mahkamah adalah juga orang yang dilantik menjadi Pendaftar-Pendaftar Perkahwinan, Perceraian, Pembatalan dan *Ruju* ‘Orang Islam.

Bidang kuasa sebagai Pendaftar Mahkamah dan Pendaftar PPPROI telah dijelaskan dengan nyatanya di dalam peruntukan undang-undang bertulis iaitu bidang kuasa Pendaftar Mahkamah telah dinyatakan di dalam Perintah Acara Mal 2005.²³⁷ Manakala bidang kuasa Pendaftar Perkahwinan, Perceraian, Pembatalan *Ruju* ‘Orang Islam dinyatakan dengan jelasnya di dalam Perintah Darurat Undang-Undang Keluarga Islam 1999.²³⁸ Kedua-duanya mempunyai bidang kuasa yang berbeza dan memerlukan ilmu pengetahuan yang mendalam dalam

²³⁷ Lihat Lampiran “D”

²³⁸ Lihat Lampiran “E”

1bidang perundangan, hukum syarak, penelitian, kefahaman, kesungguhan, ketekunan, kemahiran dalam melaksanakan tugasannya mereka demi menjaga imej dan meningkatkan pentadbiran Mahkamah Syariah.

Bidang kuasa yang disebutkan dalam jadual berikut adalah antara yang amat ketara pertindihannya, yang mana tugas ini dikendalikan oleh seorang pendaftar yang sama iaitu:

Jadual 4.1: Pertindihan Bidang kuasa Pendaftar Perkahwinan dan Pendaftar Mahkamah

Bil	Undang-Undang	Pendaftar PPPROI	Pendaftar Mahkamah
1.	Bab 17(b) Jika pihak perempuan tidak mempunyai wali nasab, Pendaftar hendaklah merujuk permohonan kepada Hakim Syarie	Pendaftar Perkahwinan membuat laporan mengenai kedudukan wali perempuan tersebut.	Pendaftar Mahkamah menerima afidavit permohonan perempuan untuk berwali hakim, yang mana akan melampirkan borang permohonan dengan catatan siasatan Pendaftar Perkahwinan
2.	Proses Pendaftaran nikah dalam dan luar negeri di bawah Bab 24 dan Bab 29	Sebelum pernikahan yang telah dijalankan itu didaftarkan, Pendaftar hendaklah menyiasat sehingga dia berpuas hati segala kehendak hukum syarak dan undang-undang dipatuhi dan pernikahan itu sah untuk didaftarkan. Jika pernikahan itu tidak sah menurut siasatan Pendaftar, maka laporan siasatan hendaklah disediakan	Pendaftar akan menerima permohonan di bawah Bab 40 (1) dari pihak-pihak dan menerima afidavit dan laporan siasatan Pendaftar Perkahwinan dilampirkan sebagai sokongan permohonan.

Jadual 4.1: sambungan

3.	Proses Pendaftaran <i>ruju'</i> di bawah Bab 52 (7) ²³⁹ dan (8)	Pendaftar hendaklah menyiasat dan berpuas hati bahawa <i>ruju'</i> telah berlaku. Tetapi dalam keadaan di bawah Bab 52 (7) dan (8), Pendaftar	Pendaftar akan menerima permohonan suami berserta afidavit di Pejabat Pendaftaran Mahkamah
		hendaklah membuat laporan ke Mahkamah tentang keengganannya isteri untuk <i>ruju'</i>	
4.	Penyediaan rekod perceraian berdasarkan Bab 42(4), 43(7), 45(2), 48(5), 49(2), 50(3), 51(3),		Penyediaan rekod perceraian diselenggarakan oleh Pendaftar Mahkamah dan dihantar ke Pendaftar Perkahwinan untuk didaftarkan
5.	Pendaftaran perceraian	Pendaftar Perkahwinan mendaftarkan perceraian berdasarkan rekod yang telah diedarkan oleh Pendaftar Mahkamah	

Sumber: Pg. Mohammaddin bin Pg. Haji Aliakhbar, Penolong Pendaftar MRHS

Pendaftar mestilah tahu dan faham, bila dia menjadi Pendaftar Mahkamah dan bila dia menjadi Pendaftar PPPROI. Situasi ini berlaku di daerah-daerah selain dari Daerah Brunei dan Muara, di mana seorang Pendaftar menjalankan tiga tugas sekali gus iaitu menjadi Pendaftar mahkamah, Pendaftar PPPROI dan juga pentadbir.

Dalam hal ehwal pentadbiran am, Pendaftar adalah juga wakil pemungut hasil Mahkamah dan juga hasil Bahagian Perkahwinan. Di mana hasil-hasil kutipan ini dilaporkan kepada Majlis Ugama Islam dengan menyediakan penyata

²³⁹ Bab 52(7) menyatakan jika selepas talaq *raj'ī* suami melafazkan *ruju'* dan isteri bersetuju terhadap *ruju'* itu, isteri boleh atas permohonan suami diperintahkan oleh Mahkamah supaya berbaik semula sebagai suami isteri, melainkan jika isteri itu menunjukkan sebab-sebab yang munasabah sebaliknya mengikut hukum syarak dan jika demikian halnya, Mahkamah boleh merujukkan perkara itu kepada pegawai Khidmat Nasihat Keluarga. Bab 52(8) menyatakan Jika selepas talaq *raj'ī* suami melafazkan *ruju'* tetapi isteri tidak bersetuju terhadap *ruju'* itu kerana sebab-sebab yang dibenarkan hukum syarak dia tidaklah boleh diperintahkan oleh Mahkamah supaya berbaik semula sebagai suami isteri, tetapi Mahkamah boleh merujukkan perkara itu kepada Pegawai Khidmat Nasihat Keluarga

kutipan harian, bulanan dan tahunan. Walau pun, pada kelazimannya kerja-kerja ini dibantu oleh kakitangan Mahkamah dan bahagian perkahwinan, akan tetapi dalam sebarang hal terutama Penolong Pendaftar harus meneliti dan menyelaraskan hasil kutipan dengan penyata yang telah disediakan oleh kakitangan yang diarahkan sebelum dihantar kepada Majlis Ugama Islam untuk disahkan. Ini adalah bersesuaian mengikut kehendak Peraturan Kewangan 1983 bagi mengelakkan penyelewengan berlaku ke atas hasil-hasil kutipan tersebut.

Jika diteliti dan diamat-amati, ketiga-tiga peranan ini memerlukan tanggungjawab dan komitmen yang padu, yang mana keadaan ini serba sedikit menimbulkan kesan yang kurang baik kepada pengurusan pentadbiran. Contohnya apabila bertembung dua tugasan iaitu siasatan pernikahan sedang dijalankan, dalam masa yang sama, jika ada pihak-pihak memfailkan permohonan dan memerlukan pembacaan afidavit. Maka sudah setentunya pemohon tadi akan menunggu giliran dengan mengambil masa yang lama kerana apabila Pendaftar membuat siasatan memerlukan masa dan penelitian.

Tugas Timbalan Pendaftar Perkahwinan itu kebiasaannya merupakan tugas yang rutin seperti memberikan kebenaran berkahwin dan mendaftarkan perkahwinan, akan tetapi apabila permohonan yang diterima itu terlalu banyak, menyebabkan tugas-tugas sebagai penolong pendaftar mahkamah akan tertangguh kerana tugas-tugas di bahagian Mahkamah memerlukan penelitian yang sempurna agar kes-kes yang didaftarkan memenuhi kehendak undang-undang dan setiap kes

yang difaiklan itu berlainan permasalahan dan tuntutannya. Ini juga adalah antara penyebab kerja-kerja itu tertunggak (*backlog*) di bahagian pengurusan.²⁴⁰

Perkara ini telah diakui oleh Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah Daerah Tutong, di mana beliau sendiri merasa kesuntukan masa dalam menyelesaikan ketiga-tiga tugasan yang dijalankan. Kerana setiap tugas itu memerlukan masa, komitmen yang padu dan penelitian yang terperinci. Tambahan lagi apabila ada ketikanya tugas itu memerlukan keputusan yang segera untuk disampaikan kepada pihak-pihak, atau ketetapan itu diperlukan segera oleh pemohon yang berurusan.²⁴¹

Kesan daripada keadaan ini juga, orang ramai yang berurusan merasa keliru kerana mereka berurusan dengan pegawai yang sama dalam dua perkara yang berbeza.²⁴²

Dalam melaksanakan dua tugasan ini, persoalan juga timbul, siapa yang perlu membuat tindakan, apabila Pendaftar Perkahwinan telah mendapati bahawa pernikahan seseorang itu tidak sah? sama ada Timbalan Pendaftar melaporkan ke Mahkamah, yang mana dia sendiri menerima, atau pasangan itu dengan melampirkan laporan yang dibuat oleh Timbalan Pendaftar bersama afidavit pemohon ke Mahkamah? Pada masa yang sama Penolong Pendaftar yang sama akan menerima afidavit itu. Persoalannya juga adakah tidak bersalah dari segi perundangan?

²⁴⁰Pg. Mohammaddin bin Pg. Haji Aliakhbar, Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah Daerah Belait dan sekarang memangku jawatan Hakim Mahkamah Rendah Syariah Daerah Belait, Temubual pada 9 April 2008.

²⁴¹Hajah Maimunah binti Haji Bakar. Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah Daerah Tutong, Temubual pada 10 April 2008

²⁴²Pg. Mohammaddin bin Pg. Haji Aliakhbar, Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah Daerah Belait dan sekarang memangku jawatan Hakim Mahkamah Rendah Syariah Daerah Belait, Temubual pada 9 April 2008.

Implikasi daripada percantuman bidang tugas ini banyak menimbulkan masalah dalam pengurusan pentadbiran seperti kelewatan pendaftaran kes, kelewatan mengeluarkan kebenaran berkahwin dan sebagainya.

Maka untuk penambahbaikan pengurusan pentadbiran Mahkamah Syariah, sudah tiba masanya kedua-dua bidang tugas ini diasingkan dengan memisahkan struktur pentadbiran Bahagian Perkahwinan dengan pentadbiran Mahkamah Syariah.

Dengan pengasingan itu juga, masyarakat akan lebih faham dan mengetahui peranan kedua-dua institusi ini sebagaimana juga halnya pengasingan pentadbiran Jabatan Mufti yang ada pada masa kini.²⁴³


4.2.2. Pengurusan Pendaftaran Kes Mal Tidak Selaras

Pengurusan Pendaftaran kes mal antara Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rendah Syariah seluruh daerah tidak selaras. Sebagaimana yang dijelaskan di dalam bab sebelumnya, bahawa bidang kuasa Mahkamah Rendah Syariah telah dinaikkan sehingga kepada tindakan guaman tidak melebihi lima ratus ribu ringgit Brunei, berbanding dengan bidang kuasa Mahkamah Kadi menurut peruntukan dalam Akta Penggal 77. Peningkatan ini menyebabkan pendaftaran kes-kes mal di Mahkamah Rendah Syariah juga turut meningkat. Ini

²⁴³ Penubuhan institusi mufti di Negara Brunei Darussalam selari dengan tarikh perlantikan mufti kerajaan yang pertama pada 1 April 1962. Pentadbiran Institusi mufti pada ketika itu adalah salah satu bahagian di bawah Jabatan Hal Ehwal Ugama (sekarang dikenali dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama). Pada 7 November 1994, atas perkenan KDYMM Sultan institusi mufti diasingkan pentadbirannya daripada Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan diberi nama Jabatan Mufti Kerajaan. Dengan pengasingan itu, pentadbiran Jabatan Mufti Kerajaan di bawah Jabatan Perdana Menteri dan Mufti Kerajaan bertanggungjawab terus kepada KDYMM Sultan, bagi menyembahkan apa jua perkara berkaitan dengan tugas-tugasnya sebagai Mufti Kerajaan tanpa melalui sesiapa jua pun. Jabatan Mufti Kerajaan, www.brunet.bn/mufti/, 16 September 2009.

dapat dibuktikan dalam pendaftaran kes mal sepanjang tahun 2001 hingga 2005 bagi Mahkamah Rendah Syariah seluruh Negara dan Mahkamah Tinggi Syariah.

Rajah 4.2: Pendaftaran Kes Mal Mahkamah Rendah Syariah dan Mahkamah Tinggi Syariah bagi Tahun 2001-2005



Sumber: Bahagian Penyelidikan, Mahkamah Rayuan Syariah

Dari statistik yang ditunjukkan di atas, kes-kes mal yang telah didaftarkan di Mahkamah Rendah Syariah di seluruh Negara dalam jangka lima tahun adalah berjumlah 5,757 kes, manakala kes mal di Mahkamah Tinggi Syariah berjumlah 267 kes sahaja.

Perbezaan ini timbul disebabkan setiap permohonan atau tuntutan dalam tindakan mal difailkan di Mahkamah Rendah Syariah, tidak kira apa jenis tuntutan atau permohonan termasuk tuntutan harta sepencarian yang melibatkan harta alih atau tak alih. Contoh dalam kes *Hairani lwn. Dato Paduka Haji Idris*²⁴⁴ dalam tuntutan harta sepencarian. Kes ini telah didaftarkan di Mahkamah Rendah Syariah. Walau bagaimanapun, apabila kes ini disebut pada 8 Jun 2005 peguam syarie plaintif telah memaklumkan nilai tuntutan melebihi lima ratus ribu ringgit Brunei. Maka tuntutan itu telah dipindahkan ke Mahkamah Tinggi Syariah. Dalam

²⁴⁴ MRHS/MAL/BM 163/2005

kes *Hajah Mariam lwn. Haji Kahan*,²⁴⁵ yang menuntut memfailkan tuntutan harta sepencarian ke atas rumah yang telah mereka bangunkan bersama melalui pembiayaan pinjaman kerajaan berjumlah \$156,480.00. Oleh kerana tuntutan kes ini kurang daripada lima ratus ribu Brunei, kes ini dipindah ke Mahkamah Rendah Syariah. Begitu juga dalam satu kes tuntutan harta sepencarian ke atas wang baksis²⁴⁶ dan wang simpanan tabung amanah pekerja, iaitu antara *Dy. Rosani lwn. Awang Samah*²⁴⁷ yang telah difailkan di Mahkamah Tinggi Syariah bagi menyusul tuntutannya yang lama ke atas perintah yang telah dikeluarkan oleh Mahkamah Kadi Besar pada 24 Oktober 1998 yang menyatakan bahawa:

“Mahkamah menangguhkan tuntutan pihak yang menuntut mengenai baksis yang dituntutnya sehingga baksis pihak yang kena tuntut itu diterima sepenuhnya oleh pihak yang kena tuntut pada tahun 2006.”

Walau bagaimanapun pada 19 Julai 2006,²⁴⁸ kes ini telah dipindahkan ke Mahkamah Rendah Syariah kerana tuntutannya tidak melebihi B\$500,000.

Ini adalah antara contoh kes yang membuktikan ketidakselarasan pendaftaran kes itu wujud antara dua Mahkamah ini. Ketidakselarasan itu menjadi salah satu sebab punca kepada kelewatan kes untuk dibicarakan.

Penumpuan kes di Mahkamah Rendah Syariah telah menimbulkan beban yang berat dan kesulitan kepada Hakim-Hakim Mahkamah Rendah Syariah.

Oleh yang demikian, perkara ini perlu ditangani dengan mewujudkan satu mekanisma sebagai contoh yang terdekat dengan apa yang diamalkan oleh Mahkamah Syariah di Malaysia iaitu dengan mengklasifikasikan pendaftaran kes-

²⁴⁵ MRHS/MAL/TUT 31/2003

²⁴⁶ Pembayaran yang diterima daripada perkhidmatan yang diberikan. Untuk makna baksis ini lihat Joyce M. Hawkins (2001) dalam Abdul Majid Baharom (ed.), *Kamus Dwibahasa Oxford Fajar*, ed. ke 3, Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd, h. 16

²⁴⁷ MTS/MAL/17/2006

²⁴⁸ Minit Pemangku Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah kepada Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah Daerah Brunei dan Muara.

kes seperti kes harta sepencarian dan penjagaan anak didaftarkan dan dibicarakan di Mahkamah Tinggi Syariah. Ini adalah bersesuaian dengan statusnya sebagai Mahkamah yang lebih tinggi dan hakim-hakim yang berpengalaman agar penghakiman dan keputusan itu mencapai *merit* keadilan yang sebenar. Ini juga boleh mengelakkan kelambatan kes itu untuk didengar.

4.2.3. Kemahiran Pegawai dan Kakitangan Sokongan

Untuk memenuhi kehendak Skim Perkhidmatan Kehakiman yang baru diluluskan pada tahun 2003, maka pegawai-pegawai yang dilantik di Mahkamah Syariah adalah pegawai-pegawai yang baru berkhidmat. Ini sudah setentunya belum mempunyai pengalaman dalam bidang yang diceburinya. Walaupun tidak dinafikan bahawa pegawai-pegawai yang dilantik itu adalah pegawai-pegawai yang berkelulusan syariah, yang boleh dikatakan faham bahasa Arab dan adalah mudah untuk merujuk kitab-kitab fikah dalam menangani isu-isu yang berbangkit dari kes-kes dan juga dalam menangani masalah hal ehwal perkahwinan. Namun mereka ini belum mempunyai kemahiran dalam bidang perundangan dan masih amat terhad pengetahuannya terutama apabila berdepan dengan isu-isu penafsiran perundangan dan perlaksanaannya contohnya undang-undang acara mal yang perlu dipatuhi mengikut kehendak peruntukan undang-undang tersebut.

Begitu juga halnya dengan kakitangan sokongan yang ditugaskan di Mahkamah Syariah. Mereka ini kurang berkemahiran dalam memahami prosedur Mahkamah seperti penyediaan surat guaman, penyediaan rekod rayuan, tidak memahami tulisan jawi dengan baik, kurang berkemahiran dalam penterjemahan undang-undang dengan baik dan lain-lain. Ini menyebabkan kelambatan kes itu

untuk dibicarakan, kelambatan pendengaran rayuan, menimbulkan kesulitan dalam penyediaan nota perbicaraan, penghakiman dan berbagai tugas yang memerlukan tulisan jawi. Masalah ini perlu diberi perhatian sewajarnya oleh pihak berwajib terutama dalam perlantikan kakitangan sokongan yang akan berkhidmat di Mahkamah Syariah, yang mana mereka ini hendaklah benar-benar berkualiti dari segi kelulusan dan kemahirannya.²⁴⁹

4.2.4. Penjadualan Kes Tidak Selaras

Penjadualan kes yang tidak selaras menyebabkan pengurusan pentadbiran Mahkamah tidak sistematik dan efisyen. Kes-kes yang telah didaftarkan, tidak dapat ditetapkan tarikhnya oleh Pendaftar-pendaftar pada keseluruhannya. Ini menyebabkan kes-kes yang didaftarkan pada hari yang sama, tidak dapat didengar pada tarikh yang sama, ataupun sekurang-kurangnya bulan yang sama.

Ketidak selaras ini menyebabkan berlakunya kelambatan pendengaran kes. Apabila sesuatu kes itu lambat didengar, pihak-pihak yang berkepentingan dalam kes tersebut akan marah dan akan membuat tanggapan yang bermacam-macam yang mana perkara ini boleh mencemarkan imej Mahkamah Syariah.

Perkara ini perlu ditangani dengan segera dengan mempercepatkan perlaksanaan sistem pendaftaran berkomputer. Walau bagaimanapun sebagai langkah yang segera, perlunya ada arahan secara pentadbiran supaya manual kerja penjadualan kes dilaksanakan oleh Pendaftar-pendaftar atau dilaksanakan oleh pegawai kaunter (*infront desk officer*) di Mahkamah Syariah seluruh Negara tanpa merujuk kepada Hakim-Hakim yang akan membicarakan. Tindakan ini amat

²⁴⁹ Maklumat bertulis hasil temubual yang diberikan oleh Pg. Haji Mohd. Tashim bin Pg. Haji Hasan, Pemangku Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah pada 12 Februari 2008.

bersesuaian apabila pendaftaran kes secara berkomputer dilaksanakan sepenuhnya di Mahkamah Syariah nanti.²⁵⁰

4.2.5. Kes-Kes Tertangguh

Mahkamah Syariah masih menghadapi kes-kes mal yang tertangguh. Ini dapat dilihat dalam jadual berikut:

Jadual 4.3: Statistik Kes Mal Mahkamah Rendah Syariah Seluruh Negara Tahun 2001

Mahkamah	Kes Didaptarkan	Kes Selesai	Dalam Perbicaraan	Tertangguh
Brunei Muara	501	501	0	0
Belait	120	120	0	0
Tutong	138	138	0	0
Temburong	9	9	0	0
Jumlah	768	768	0	0

Jadual 4.4: Statistik Kes Mal Mahkamah Rendah Syariah Seluruh Negara Tahun 2002

Mahkamah	Kes Didaptarkan	Kes Selesai	Dalam Perbicaraan	Tertangguh
Brunei Muara	566	566	0	0
Belait	127	127	0	0
Tutong	177	177	0	0
Temburong	6	6	0	0
Jumlah	876	876	0	0

Jadual 4.5: Statistik Kes Mal Mahkamah Rendah Syariah Seluruh Negara Tahun 2003

Mahkamah	Kes Didaptarkan	Kes Selesai	Dalam Perbicaraan	Tertangguh
Brunei Muara	846	838	1	7
Belait	104	104	0	0
Tutong	196	196	0	0
Temburong	15	15	0	0
Jumlah	1161	1153	1	7

Jadual 4.6: Statistik Kes Mal Mahkamah Rendah Syariah Seluruh Negara Tahun 2004

Mahkamah	Kes Didaptarkan	Kes Selesai	Dalam Perbicaraan	Tertangguh
Brunei Muara	917	898	16	1
Belait	153	153	0	0
Tutong	238	238	0	0
Temburong	29	29	0	0
Jumlah	1337	1318	16	1

²⁵⁰ Hajah Zuraina binti DSS Haji Abd. Rahman, Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah Daerah Brunei Muara. Temubual pada 17 Januari 2008.

Jadual 4.7: Statistik Kes Mal Mahkamah Rendah Syariah Seluruh Negara
Tahun 2005

Mahkamah	Kes Didaftarkan	Kes Selesai	Dalam Perbicaraan	Tertangguh
Brunei Muara	1201	1172	11	18
Belait	187	187	0	0
Tutong	210	210	0	0
Temburong	17	17	0	0
Jumlah	1615	1586	11	18

Sumber: Bahagian Penyelidikan, Mahkamah Rayuan Syariah²⁵¹

Berdasarkan jadual ini juga, kes-kes tertangguh hanya terdapat di Daerah Brunei dan Muara yang berjumlah 26 kes dari jumlah kes yang telah didaftarkan sebanyak 5,757 kes. Ini bersesuaian dengan Daerah berkenaan, yang mencatatkan purata tertinggi kes-kes yang didaftarkan berbanding daerah-daerah yang lain.

Antara sebab-sebab yang dapat dikenalpasti ialah seperti dalam jadual berikut:

Jadual: 4.8: Sebab-Sebab Kes Mal Yang Tertangguh di Mahkamah Rendah Syariah Seluruh Negara

Tahun	Jumlah	Sebab
2003	2 kes	Pemohon di tahan di Jabatan Keselamatan Dalam Negeri
	5 kes	Pemohon memohon tangguh kerana untuk melantik peguam
2004	1 kes	Menunggu keputusan dari Mahkamah Tinggi Syariah
2005	18 kes	Menunggu tindakan susulan daripada pemohon

Jadual 4.9:Statistik Kes-Kes Yang Tertangguh di Mahkamah Tinggi Syariah
Tahun 2001

Jenis	Daftar Kes	Kes Selesai	Dalam Perbicaraan	Menunggu Perbicaraan	Tertangguh
Mal	75	75	0	0	0
Jenayah	62	61	0	0	1
Rayuan Mal	8	8	0	0	0
Semakan Mal	5	5	0	0	0
Jumlah	152	151	0	0	1

Jadual 4.10: Statistik Kes-Kes Yang Tertangguh di Mahkamah Tinggi Syariah
Tahun 2002

Jenis	Daftar Kes	Kes Selesai	Dalam Perbicaraan	Menunggu Perbicaraan	Tertangguh
Mal	40	39	0	0	1
Rayuan Mal	22	21	0	0	1
Semakan Mal	2	2	0	0	0
Jumlah	107	106	0	0	2

²⁵¹ Penyata dikemaskini pada 6 Disember 2006.

Jadual 4.11: Statistik Kes-Kes Yang Tertangguh di Mahkamah Tinggi Syariah Tahun 2003

Jenis	Daftar Kes	Kes Selesai	Dalam Perbicaraan	Menunggu Perbicaraan	Tertangguh
Mal	46	46	0	0	0
Rayuan Mal	23	22	0	0	1
Semakan Mal	4	4	0	0	0
Jumlah	159	156	0	0	2

Jadual 4.12:Statistik Kes-Kes Yang Tertangguh di Mahkamah Tinggi Syariah Tahun 2004

Jenis	Daftar Kes	Kes Selesai	Dalam Perbicaraan	Menunggu Perbicaraan	Tertangguh
Mal	62	62	0	0	0
Rayuan Mal	15	14	0	0	1
Semakan Mal	9	9	0	0	0
Jumlah	164	163	0	0	1

Jadual 4.13:Statistik Kes-Kes Yang Tertangguh di Mahkamah Tinggi Syariah Tahun 2005

Jenis	Daftar Kes	Kes Selesai	Dalam Perbicaraan	Menunggu Perbicaraan	Tertangguh
Mal	44	43	0	1	0
Rayuan Mal	15	14	0	0	1
Semakan Mal	3	3	0	0	0
Jumlah	137	135	0	0	1

Jadual 4.14: Statistik Kes-Kes Yang Tertangguh di Mahkamah Tinggi Syariah Tahun 2006

Jenis	Daftar Kes	Kes Selesai	Dalam Perbicaraan	Menunggu Perbicaraan	Tertangguh
Mal	31	30	0	0	1
Rayuan Mal	1	1	0	0	0
Semakan Mal	4	4	0	0	0
Jumlah	96	93	0	0	3

Jadual 4.15:Statistik Kes-Kes Yang Tertangguh di Mahkamah Tinggi Syariah Tahun 2007

Jenis	Daftar Kes	Kes Selesai	Dalam Perbicaraan	Menunggu Perbicaraan	Tertangguh
Mal	27	20	0	5	2
Rayuan Mal	6	5	0	1	0
Semakan Mal	3	3	0	0	0
Jumlah	91	81	0	5	4

Sumber: Mahkamah Tinggi Syariah²⁵²

²⁵² Penyata dikemaskini pada 29 Mac 2008 dan bagi kes Jenayah pada 3 April 2008

Jumlah daftar kes yang dicatatkan secara keseluruhan adalah sebanyak 742 kes. Dari jumlah itu, 14 kes tertangguh dan 5 kes menunggu perbicaraan. Antara sebab kes-kes itu tertangguh adalah seperti berikut:

Jadual 4.16: Sebab-Sebab Kes Tertangguh di Mahkamah Tinggi Syariah

TAHUN	JENIS KES	SEBAB
2002	1 kes Mal ²⁵³	Plaintif berada di luar negeri kerana belajar dan ikut suami
	1 kes Rayuan Mal ²⁵⁴	Menanti rekod rayuan dari Mahkamah Rendah Syariah Daerah Belait
2003	1 kes Rayuan Mal ²⁵⁵	Menanti rekod rayuan dari MRHS KB
2004	1 kes Rayuan Mal ²⁵⁶	Menanti rekod rayuan dari MRHS KB
2005	1 kes Rayuan Mal ²⁵⁷	Menanti rekod rayuan dari MRHS BM
2006	1 Kes Mal ²⁵⁸	Kes induk mengenai harta sepencarian, akan tetapi plaintif telah menghadapkan permohonan intelokutori bagi perintah interim. Defendan juga menghadapkan permohonan yang sama dan telah mendakwa plaintif murtad. Keputusan telah dikeluarkan, akan tetapi defendan menghadapkan notis rayuan bagi keputusan yang telah diisyiharkan pada 11 Februari 2008.
2007	2 Kes Mal ²⁵⁹	Belum ada penetapan tarikh dari Hakim Bicara

Sumber: Mahkamah Tinggi Syariah

Secara keseluruhan kes-kes tertangguh yang dihadapi oleh Mahkamah Syariah dapat dikategorikan seperti berikut:

Jadual 4.17: Isu dan Masalah Kes Tertangguh

Bil	Perkara	Isu dan Masalah
1.	Peguam	<ul style="list-style-type: none"> • Pertembungan kes di Mahkamah lain • Tangguh kerana permohonan semakan atau rayuan semasa prosiding berjalan
2.	Plaintif/ Defendan/ Pemohon/ Responden/	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak tahu hak menurut undang-undang • Plaintiff/defendant tidak hadir • Tidak memahami prosiding perbicaraan kerana tidak melantik peguam • Isteri haid/ berlaku hubungan kelamin (bila suami hendak berlafaz cerai di Mahkamah) • Tidak tahu memberikan keterangan • Tidak mempunyai saksi • Bergaduh di hadapan mahkamah • Memohon tangguh dengan alasan tertentu • Menghadapkan surat memohon tangguh sebelum tarikh bicara dan tidak hadir semasa perbicaraan

²⁵³ Kes bil.MTS/21/2002-PPH

²⁵⁴ Kes bil. MTS/R/KB/16/2002-MAL

²⁵⁵ Kes bil. MTS/RM/KB 04/2003

²⁵⁶ Kes bil. MTS/RM/KB/14/2004

²⁵⁷ Kes bil. MTS/RM/BM 11/2005

²⁵⁸ Kes bil.S/MTS/MAL/30/2006

²⁵⁹ Kes bil.P/MTS/MAL/10/2007 dan kes bil. P/MTS/MAL/11/2007

Jadual 4.17: sambungan

		<ul style="list-style-type: none"> • Ingin membuat rundingan sulh • Balik ke Negara asal • Tidak membawa dokumen ke Mahkamah
3.	Dokumen	<ul style="list-style-type: none"> • Penyata tuntutan/pembelaan tidak memenuhi kehendak undang-undang • Pindaan/ tambahan tuntutan difaikan • Menanti dokumen daripada pihak berwajib atas permohonan pihak-pihak • Dokumen yang dikehendaki Mahkamah tidak dihadapkan ke Mahkamah
4.	Hakim / Mahkamah	<ul style="list-style-type: none"> • Kekurangan jumlah hakim • Hakim diaturkan untuk memangku jawatan lain • Hakim diaturkan untuk menghadiri seminar/kursus • Hakim menghadiri majlis rasmi Negara • Jemputan-jemputan • Hakim bercuti • Penangguhan tanpa tarikh • Dalam satu kes induk terdapat permohonan-permohonan sampingan
5.	Pendaftar	<ul style="list-style-type: none"> • Mendaftarkan permohonan yang belum lengkap
6.	Saman	<ul style="list-style-type: none"> • Saman tidak sempurna disampaikan (alamat tidak lengkap/orang yang dikehendaki tidak berada di tempat yang dimaksudkan/ penyampaian lewat) • Saman gantian • Saman luar bidang kuasa (keluar Negara) • Laporan saman tidak diterima semasa prosiding kes didengar
7.	Kaedah bicara	<ul style="list-style-type: none"> • Tangguh untuk sebutan selanjutnya • Tangguh untuk bicara • Sambung bicara • Tangguh untuk keputusan • Permohonan pindaan saman/pliding, bantahan awal dan penangguhan • Takat kuasa penangguhan oleh Hakim
8.	Saksi	<ul style="list-style-type: none"> • Saksi tidak hadir • Tiada saksi • Saksi tidak relevan • Laporan sapina saksi tidak diterima
9.	Waran Tangkap	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak menerima laporan dari pihak polis • Waran tangkap tidak sempurna(tidak dapat dikesan)/alamat kurang lengkap/tidak tinggal di alamat yang dinyatakan/ orang yang dikehendaki tidak dapat dicam
10.	Rujuk kepada Khidmat Nasihat/ Jawatankuasa Pendamai/ Hakam	<ul style="list-style-type: none"> • Kes dirujuk ke Unit Khidmat Nasihat Keluarga • Jawatankuasa Pendamai tidak dapat menjalankan tugas dalam tempoh masa yang ditetapkan • Pihak-pihak tidak memberikan kerjasama
11	Kakitangan	<ul style="list-style-type: none"> • Penyediaan rekod rayuan terlalu lama

Sumber: Bahagian Penyelidikan, Mahkamah Rayuan Syariah

Merujuk kepada 11 sebab yang dijelaskan itu, penulis berpendapat bahawa kes-kes tertangguh yang terdapat di Mahkamah Syariah berpunca dari berbagai

sudut dan pihak iaitu pengurusan, agensi-agensi yang terlibat dan warga mahkamah itu sendiri.

Dengan itu, setiap pihak perlu mengambil inisiatif agar martabat dan imej Mahkamah Syariah tidak tercemar kerana kelambatan mengendalikan kes-kes yang telah difaiklan.

4.2.6. Kurang Penglibatan Peguam Syarie

Sejak Mahkamah Syariah ditubuhkan sehingga kini, tidak banyak kes-kes di Mahkamah Syariah yang diwakili oleh Peguam Syarie. Pada tahun 2007, seramai 28 orang Peguam Syarie yang berdaftar dan telah mendapat Sijil Peguam Syarie, hanya 13 orang sahaja yang memegang Sijil Amalan Tahunan.

Jadual berikut menunjukkan penglibatan Peguam Syarie sangat berkurangan di Mahkamah Syariah.

Jadual 4.18: Penglibatan Peguam Syarie berbanding dengan kes-kes Mal yang didaftarkan di Mahkamah Rendah Syariah seluruh Negara dari Tahun 2003- Jun 2007

TAHUN	2003	2004	2005	2006	2007	JUMLAH
					JAN-JUN	
Jumlah Kes Mal yang didaftarkan	641	865	944	1115	479	4044
Jumlah Pihak-Pihak yang melantik Peguam Syarie	60	58	28	7	4	103
Peratus yang menggunakan khidmat Peguam Syarie berbanding dengan kes Mal yang didaftarkan	9.36%	6.70%	2.90%	0.60%	0.83%	2.54%

Sumber: Bahagian Penyelidikan Mahkamah Rayuan Syariah

Antara faktor penyebab pihak-pihak yang berurusan dengan Mahkamah Syariah tidak melantik peguam syarie terutama dalam kes mal adalah disebabkan

mereka kurang berkemampuan untuk membayar kos guaman yang dikenakan ke atas mereka.

Oleh yang demikian, firma-firma guaman syarie harus menilai semula kos-kos yang dikenakan kepada pelanggan mereka, supaya kos itu lebih bersesuaian dengan perkhidmatan dan bantuan yang diberikan terutama bagi pelanggan yang kurang berkemampuan.

Disamping itu, pihak mahkamah juga turut memberikan kesedaran kepada orang ramai, akan kepentingan peranan peguam syarie sebagai pemudahcara urusan di Mahkamah, dengan cara penerangan-penerangan melalui media-media cetak dan elektronik.

4.2.7. Perlaksanaan dan Penguatkuasaan Perintah

Antara isu dan permasalahan yang sering diadukan ialah kegagalan pihak plaintif atau defandan melaksanakan perintah yang telah dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah.

Pihak Mahkamah sering dipersalahkan, jika perintah Mahkamah yang dikeluarkan itu tidak dilaksanakan. Sedangkan pihak Mahkamah tidak mengetahui kedudukan perkara sebenarnya tanpa ada aduan daripada pihak-pihak tersebut. Dalam hal ini peranan peguam syarie amat diperlukan untuk membantu pihak mahkamah memberi kefahaman tentang tindakan apa yang perlu dibuat.

Sejak Perintah Acara Mal 2005 dikuatkuasakan, hanya proses saman madin penghakiman sahaja yang dapat dilaksanakan di Mahkamah Rendah Syariah berbanding dengan tindakan penguatkuasaan yang lain.²⁶⁰

²⁶⁰ Maklumat diberikan oleh Hajah Zuraina binti DSS Haji Abd. Rahman, Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah Daerah Brunei Muara pada 11 Oktober 2008.

Perintah Mahkamah yang sering diabaikan oleh plaintiff atau defendant ialah perintah nafkah tanggungan sama ada nafkah isteri atau bekas isteri dan nafkah anak.

Isteri berhak mendapat nafkah selagi ia taat kepada suaminya. Begitu juga bekas isteri berhak mendapat nafkah ketika masih di dalam ‘iddah. Allah berfirman dalam surah al-Talaq yang berbunyi:

أَسْكِنُوهُنَّ مِنْ حَيْثُ سَكَنْتُمْ مِنْ وُجْدِكُمْ وَلَا تُضَارُوهُنَّ

لِتُضَيِّقُوا عَلَيْهِنَّ

Surah al-Talaq(65): 6

Maksudnya:

Tempatkanlah isteri-isteri (yang menjalani ‘iddahnya) itu di tempat kediaman kamu sesuai Dengan kemampuan kamu;

Begitu juga kewajipan seorang bapa untuk menyara nafkah anak-anak di bawah tanggungannya mengikut kadar kemampuan.

Sebagaimana yang dijelaskan di dalam al-Quran, Allah s.w.t berfirman:

وَعَلَى الْوُلُودِ لَهُ رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ لَا تُكَلِّفُ نَفْسًا إِلَّا

وُسْعَهَا لَا تُضَارَّ وَلَدَهَا وَلَا مَوْلُودٌ لَهُ بِوَلَدِهِ

Surah al-Baqarah (2): 233

Maksudnya:

Dan kewajipan bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara Yang sepatutnya. tidaklah diberatkan seseorang melainkan menurut kemampuannya. janganlah menjadikan seseorang ibu itu menderita kerana anaknya, dan (jangan juga menjadikan) seseorang bapa itu menderita kerana anaknya;

4.2.8. Penyelenggaraan Daftar Perkahwinan, Perceraian, Pembatalan dan *Ruju' Orang Islam*

Antara isu pengurusan yang timbul di Bahagian Perkahwinan ialah pengendalian penyelenggaraan Daftar Perkahwinan, Perceraian, Pembatalan dan *Ruju' Orang Islam* seluruh Negara tidak efektif dan tidak diberi perhatian yang sewajarnya sejak tahun 2001. Ini adalah disebabkan kurangnya kemahiran dan kefahaman tentang kehendak undang-undang yang baru diwujudkan.

Walau bagaimanapun, dengan adanya perbincangan antara Pendaftar-Pendaftar dan lawatan-lawatan yang dilakukan di Negara jiran, maka perkara ini sedang dalam pembaikan.

4.2.9. Teknologi Maklumat

Sehingga kini Mahkamah Syariah belum dibekalkan dengan sistem teknologi maklumat (*IT*). Semua urusan dilaksanakan secara manual termasuk dari proses pendaftaran kes, penjadualan kes, pendaftaran perkahwinan, perceraian, termasuk juga penyediaan laporan dan statistik kes-kes secara bulanan dan tahunan yang telah didaftarkan.

Ini menyebabkan kesulitan kepada pihak pengurusan mahkamah dalam memantau perkembangan di setiap mahkamah seluruh daerah iaitu bermula dari kes itu didaftarkan sehingga kes itu selesai. Termasuk kes-kes yang tertangguh dan pendaftaran perkahwinan.

Oleh yang demikian, untuk memastikan maklumat-maklumat tersebut boleh diperolehi, walaupun sistem *IT* (*case management system*) keseluruhan belum wujud, pada penghujung tahun 2006, usaha telah dibuat dengan membina sistem yang dapat menyelaraskan pengisian maklumat dan data-data bagi kedua-

kedua bahagian iaitu bahagian mahkamah dan perkahwinan. Usaha yang dibuat adalah bertujuan untuk mempastikan beberapa proses kerja dapat dicapai ke tahap yang paling maksimum antaranya:

- i. Memudahkan penyeliaan pengumpulan statistik yang lengkap dan tepat secara bulanan.
- ii. Mengetahui kedudukan kes dari awal hingga kes selesai dibicarakan, kes tertangguh, kes yang disemak dan kes yang di rayu,
- iii. Mengetahui kategori tuntutan atau permohonan bagi kes mal, tuduhan bagi kes jenayah.
- iv. Dapat menyemak bayaran-bayaran yang telah dihadapkan ke Mahkamah dan Bahagian Perkahwinan termasuk bayaran denda.
- v. Mempercepatkan pengeluaran borang kebenaran berkahwin, sijil nikah, sijil cerai, sijil *ta'liq*, sijil *ruju*‘.
- vi. Sebagai misi percubaan di dalam penyediaan input data untuk dimasukkan dalam sistem *e-syariah* nanti.²⁶¹

Dalam memastikan projek ini berjaya, Pendaftar-pendaftar di setiap daerah dikehendaki memastikan perkara-perkara berikut dipatuhi dan dilaksanakan:

- i. Menetapkan seorang pegawai atau kakitangan yang bertanggungjawab memasukkan maklumat dan data.
- ii. Menyerahkan laporan yang telah disahkan pada setiap awal bulan kepada Pendaftar di Pejabat Pendaftaran Mahkamah Rayuan Syariah melalui softcopy atau menghantar melalui e-mail yang dikhaskan iaitu syariah@judicial.gov.bn.

²⁶¹ Pengiran Haji Tashim bin Pg. Haji Hasan, Pemangku Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah. Catatan temubual pada 12 Februari 2008

Menurut Pemangku Ketua Pendaftar, dengan usaha yang jitu daripada pegawai dan kakitangan, sejak program ini diaplikasikan dalam tempoh satu ke dua tahun, banyak permasalahan dapat diatasi antaranya perjalanan dan kedudukan kes dapat dipantau sama ada kes itu selesai, tertangguh dan sebagainya, mengeluarkan statistik kes setiap 3 bulan sekali sama ada kes mal, kes jenayah, permohonan anak angkat di semua peringkat mahkamah seluruh Negara.

Manakala di bahagian perkahwinan, sistem ini dapat membantu pengeluaran borang kebenaran nikah, sijil nikah, sijil cerai, sijil *ta'liq* dan sijil *ruju'* tanpa perlu menaip set semula setiap sijil-sijil yang akan dikeluarkan. Begitu juga pendaftaran perkahwinan tidak lagi dibuat dalam buku daftar secara manual, memadai dengan mencetak data-data yang telah dimasukkan dalam sistem dan dibukukan sebagai daftar perkahwinan mengikut tahun.

Walaupun usaha ini menampakkan hasil yang baik. Akan tetapi ianya merupakan usaha jangka pendek sementara projek *e-syariah* dilaksanakan.

Bagi merealisasikan projek ini, pada tahun 2006, Jabatan Kehakiman Negara telah menghadapkan permohonan ke Jabatan Perdana Menteri, supaya projek *e-syariah* (*Syariah Court management system*) Mahkamah Syariah dimasukkan dalam senarai projek *e-kerajaan*²⁶² dalam Rancangan Kemajuan Negara ke 9.

Permohonan itu telahpun diluluskan pada tahun kewangan 2008/2009 sebagai projek yang disenaraikan dalam Rancangan Kemajuan Negara ke 9 (2007-2012).

²⁶² Projek *e-kerajaan* adalah inisiatif pihak kerajaan dalam memberikan perkhidmatan yang lebih efisien dan cekap melalui elektronik teknologi informasi. Meningkatkan taraf Negara Brunei Darussalam agar setanding dengan Negara-negara maju dalam memberikan perkhidmatan kepada orang awam. Maklumat diperolehi daripada Pengiran Haji Khairuddin bin Pg Haji Hashim, Pegawai Pentadbir Kehakiman pada 2 November 2009.

Walau bagaimanapun, apabila projek ini diluluskan, beberapa proses seperti penyediaan dokumen tawaran, borang permohonan projek terpaksa diisikan semula untuk penilaian, tidak berjalan dengan lancar kerana beberapa perubahan dasar daripada pihak Kerajaan perlu dipatuhi. Tambahan lagi pada waktu itu Jabatan Kehakiman Negara tidak mempunyai pegawai *IT* yang dapat membantu Mahkamah Syariah dalam penyediaan itu.

Oleh yang demikian, Jabatan Kehakiman Negara meningkatkan usaha demi mempercepatkan projek ini disediakan dan dilaksanakan dengan menyediakan seorang pegawai dan juga memohon kepada Jabatan Perdana Menteri pegawai *IT* yang boleh membantu Mahkamah Syariah menyediakan keperluan-keperluan mengikut *standard* yang telah ditetapkan dan projek ini dapat dilaksanakan selewat-lewatnya penghujung tahun 2011 nanti.

4.3. Isu dan Masalah Dalam Bidang Kuasa Mal

Di Brunei setakat ini, isu dan permasalahan perundangan tidak dibincangkan secara terbuka sama ada melalui media cetak ataupun elektronik. Perkara ini hanya dibincangkan secara dalaman di antara pengamal undang-undang. Tambahan lagi laporan-laporan atau penulisan-penulisan mengenai perundangan tidak banyak terdapat menyebabkan masyarakat umum kurang mengetahuinya.

Berbeza dengan di Malaysia, isu perundangan sering menjadi perbincangan oleh sarjana-sarjana perundangan dan mendapat liputan meluas oleh media-media cetak dan elektronik antaranya kes pengisytiharan status agama selepas kematian seseorang dalam kes *permohonan ex parte Majlis Agama Islam Negeri Sembilan*

& 2 orang lagi ke atas simati Nyonya binti Tahir,²⁶³ kebebasan beragama dalam kes *Lina Joy vs Majlis Ugama Islam Wilayah Persekutuan dan Yang Lain*,²⁶⁴ pentadbiran harta pusaka dalam kes *Jumaton dan seorang lagi vs Raja Hizaruddin*,²⁶⁵ dan banyak lagi.

Penulisan-penulisan mengenai isu pertindihan bidang kuasa antara Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah di Malaysia juga sering menjadi perbahasan antaranya dalam tulisan Farid Sufian Shuib dalam bukunya²⁶⁶ telah memberikan kenyataan bahawa konflik bidang kuasa antara Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil masih berterusan, walaupun pindaan Artikel 121 (1A) daripada Undang-Undang Perlembagaan Persekutuan telah dibuat sejak tahun 1988. Persoalan baru yang dibangkitkan ialah mengenai kes-kes apa dan siapa yang termasuk di dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah. Beliau juga telah menyatakan konflik bidang kuasa telah berlaku dalam beberapa isu antaranya adakah Perkara 1 dalam Senarai Negeri memberikan bidang kuasa sepenuhnya kepada Mahkamah Syariah, adakah bidang kuasa Mahkamah Syariah meliputi ke atas orang bukan Islam itu bertepatan (sebagai pihak-pihak) dan tidak termasuk bukan pihak-pihak yang terlibat (*as affected non-parties*) dan kepakaran seseorang (*artificial person*), walaupun Perkara 1 daripada Senarai Negeri menjelaskan Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa ke atas orang Islam sahaja, perintah Mahkamah Syariah boleh dikuat kuasakan hanya jika Mahkamah itu mempunyai bidang kuasa terhadap orang bukan Islam sebagai tidak memberi kesan kepada mana-mana pihak (*affected non-parties*) dan kepakaran seseorang

²⁶³ [2006] 21/II 221

²⁶⁴ [2007] CLJ JT(1)

²⁶⁵ [1998] 6 MLJ 556

²⁶⁶ Farid Sufian Shuaib (2008), *Powers and Jurisdiction of Syariah Courts in Malaysia*, 2nd ed, Malaysia: Lexisnexis Malaysia Sdn. Bhd. h. 6.

(*artificial persons*). Narizan Abd Rahman²⁶⁷ dalam tulisan-tulisannya juga telah banyak mengulas mengenai konflik perundangan dan bidang kuasa Mahkamah Syariah di Malaysia secara umum dengan mengetengahkan beberapa alternatif penyelesaian daripada tokoh-tokoh perundangan antaranya supaya menggabungkan Hakim Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah membicarakan kes bersama-sama yang melibatkan pekara sivil dan syariah. Manakala isu konflik bidang kuasa yang khusus termasuk pemelukan Islam dalam kes *viswalingam vs viswalingam*,²⁶⁸ dan isu murtad dalam kes *Md Hakim Lee vs Majlis Ugama Islam Wilayah Persekutuan*²⁶⁹ dengan mengambil pendekatan kepada keputusan Hakim Abdul Kadir Sulaiman dalam menyelesaikan isu konflik bidang kuasa iaitu:

“The fact that the [State] legislature is given the power to legislate on these matters but it does not as yet do so, will not detract from the fact that those matters are within the jurisdiction of the Syariah court with the contemplation of paragraph 1 of the State List ...”

Dalam konteks Brunei, isu-isu yang disebutkan itu tidak ketara disebabkan tidak diperbincangkan secara terbuka dan meluas. Oleh yang demikian penulis cuba mengetengahkan beberapa isu dalam pertindihan bidang kuasa mal antara Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil. Yang mana isu pertindihan bidang kuasa ini, jika tidak ditangani dengan cepat akan membawa kesan yang kurang baik kepada sistem kehakiman di Brunei.

4.3.1. Bidang kuasa Perwarisan

Pentadbiran undang-undang waris masih di bawah bidang kuasa Mahkamah Sivil di bawah peruntukan Akta Probet dan Pentadbiran Penggal 11

²⁶⁷ Ahmad Hidayat Buang (2006), (ed.), *op.cit*, h. 54-60.

²⁶⁸ [1980] 1 MLJ 10

²⁶⁹ [1998] 1 MLJ 681

dari Undang-Undang Brunei. Ini termasuk orang-orang Islam dan bukan Islam. Oleh kerana tidak ada peruntukan yang jelas dan penafsiran yang berbagai-bagai, maka timbulnya pertindihan bidang kuasa dalam melaksanakan beberapa peruntukan yang telah dikuatkuaskan. Antaranya:

4.3.1.1. Wang Simpanan Dalam Akaun Bersama

Dalam peruntukan Bab 15 (b) (viii) Mahkamah Tinggi Syariah mempunyai bidang kuasa bagi pembahagian dan perwarisan harta berwasiat atau tidak berwasiat. Peruntukan ini adalah tambahan kepada peruntukan di dalam Akta Penggal 77 iaitu berkuasa menentukan orang-orang yang berhak mendapat bahagian harta pusaka simati Islam atau sebahagiannya yang orang-orang itu masing-masing berhak.

Walau bagaimanapun, masih terdapat kes-kes yang melibatkan orang-orang Islam dibicarakan di Mahkamah Tinggi. Dalam kes *Hussaimah v Hajah Jamilah, Islamic Development Bank of Brunei Berhad dan seorang lagi*,²⁷⁰ Defendan pertama selaku anak kandung simati (Haji Hussain) telah membuat permohonan surat kuasa mentadbir ke atas harta pusaka simati kepada pegawai probet di Mahkamah Besar. Pemohon telah menyenaraikan harta-harta simati termasuk dua akaun pelaburan *mudharabah*²⁷¹ (*joint account* antara Haji Hussain, Hajah Salmah dan Hussaimah [anak angkat]). Pertikaian timbul sama ada dalam akaun tersebut menjadi harta hak anak angkat yang mandiri (*surviving*) ataupun menjadi sebahagian daripada harta pusaka si mati yang sepatutnya dibahagikan mengikut hukum syarak dan anak angkat berkenaan tidak berhak ke atasnya.

²⁷⁰ Originating Summons no. 61 of 2004

²⁷¹ Akaun no. 01-001-03-000354-4 dan no. 01-001-31-000513-2 dalam Islamic Development Bank of Brunei Berhad.

Oleh itu, anak angkat kepada simati (plaintif dalam kes ini), telah mengambil tindakan membawa kes ini ke Mahkamah Tinggi untuk mendapatkan perisyiharan berkenaan haknya terhadap akaun-akaun tersebut dan suatu perintah kepada bank tersebut untuk membayar wang tersebut kepadanya. Jika *Common Law* terpakai, ia berhak ke atas wang simpanan tersebut dan akaun tersebut tidak termasuk dalam harta pusaka simati. Persoalannya:

- i. Adakah *Common Law* dan prosedur-doktrin-hak yang hidup (*survivorship*) terpakai ke atas akaun pelaburan *mudharabah*, akaun bersama.
- ii. Adakah bab 50²⁷² Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77 telah dimansuhkan.

Kes ini telah dibicarakan dan diputuskan oleh Hakim Mahkamah Tinggi David John Leornard seperti berikut:

- i. Doktrin “*survivorship*” pemandirian dikenakan terhadap akaun-akaun bank bersama, hak milik yang diletakkan terhadap plaintiff sebagai pemandiri (survivor). Dengan ketiadaan sebarang keterangan yang bertentangan dia mempunyai kepentingan yang sah dan beneficial (berhak). Ianya disusuli bahawa wang dalam akaun tersebut tidak menjadi sebahagian harta pusaka pemegang akaun simati. Adalah tidak perlu untuk mempertimbangkan persoalan tentang hak terhadap bahagian dalam harta pusaka tersebut.
- ii. Defendan pertama dengan kehadiran tanpa syarat telah mengemukakan kepada bidang kuasa Mahkamah dan tidak dapat mencabar bidang kuasa tersebut. Adalah nyata daripada konteks bab 15 (b) (viii) dan (ix) Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah Penggal 184 bahawa mereka mementingkan hak dan pembahagian harta pusaka seorang muslim yang meninggal dunia dan bukan tentang persoalan tersebut di hadapan mahkamah.

Dalam perkara ini, penulis mengambil kesimpulan bahawa peruntukan Bab 15 (b) (viii) (ix) adalah sia-sia, kerana Mahkamah Tinggi tidak mengiktiraf

²⁷² Bab 50(1) Jika Pegawai Waris telah merujuk apa juu perkara kepada Mahkamah Besar di bawah syarat-syarat Bab 71 dari Akta Surat Kuasa dan Pentadbiran Sumpah, Mahkamah tersebut hendaklah, tertakluk kepada syarat-syarat dari bab ini, mempertimbangkan perkara tersebut dan membuat dan menghantar kepada Pegawai Waris suatu pernyataan bertulis yang mengandungi jawapan-jawapan kepada perkara yang dirujuk oleh Pegawai tersebut.

kewujudan bidang kuasa Mahkamah Syariah dalam peruntukan itu dan tidak mengambilkira bahawa orang yang bertikai itu adalah terdiri daripada orang-orang Islam, yang mana Mahkamah Syariah berbidang kuasa untuk membicarakannya. Tambahan lagi, peruntukan ini tidak disokong dengan peruntukan yang lengkap yang boleh membantu kepada perlaksanaannya.

Penulis juga berpendapat terdapatnya konflik pemakaian peruntukan undang-undang antara Akta Bank dan Akta Perwarisan. Perkara ini juga diakui oleh Hakim Mahkamah Tinggi Syariah. Apabila pertikaian berlaku ke atas harta peninggalan dalam akaun bersama, Mahkamah Tinggi Syariah akan terikat dengan Akta Bank, kerana Akta Bank tidak menjelaskan secara terperinci berapa jumlah hak milik harta seseorang yang disimpan di dalam akaun bersama itu.²⁷³ Walau bagaimanapun, pertikaian itu boleh diselesaikan, jika ahli waris dapat membuktikan bahawa wang simpanan dalam akaun bersama itu sebagai harta waris sepenuhnya. Dalam hal ini, Mahkamah mana yang berbidang kuasa untuk membicarakannya? Isu ini juga berlaku semasa Mahkamah Kadi Besar, dalam kes *Haji Abd Rahim*,²⁷⁴ plaintif telah memfailkan tuntutan ke Mahkamah Kadi Besar bahawa wang berjumlah B\$77,711.55 kepunyaan Allahyarham Haji Duraman (ayah kepada plaintif) yang disimpan dalam akaun bersama anak angkatnya adalah harta pusaka. Harta tersebut telah disenaraikan dalam surat kuasa (*Letters of Administration*). Tuntutan itu telah ditolak oleh Mahkamah Kadi Besar dengan menyatakan bahawa Mahkamah Kadi Besar tidak ada bidang kuasa untuk memutuskan dan membuat apa-apa perintah yang berkaitan dengan mana-mana harta pusaka orang-orang Islam yang meninggal dunia. Kes ini telah dirayu ke

²⁷³ Haji Salim bin Haji Besar, (Pehin), Hakim Mahkamah Tinggi Syariah. Temubual pada 24 Januari 2008.

²⁷⁴ Kes Rayuan bil. MMS/KHEU/RM/34/2001

Jawatankuasa Kehakiman. Jawatankuasa Kehakiman juga telah menolak rayuan tersebut dan mengekalkan keputusan Mahkamah Kadi Besar dengan memberikan alasan bahawa Bab 48 (1)(b)(v) dari Akta Penggal 77 itu hanya terhad kepada menentukan siapa yang menjadi ahli waris simati dan menetapkan bahagian-bahagian setiap ahli waris mengikut hukum syarak sahaja.

Walau bagaimanapun penulis bersetuju dengan keputusan Jawatankuasa Kehakiman itu memandangkan tidak ada peruntukan dalam Akta Penggal 77 yang menyatakan seperti dalam peruntukan Bab 15(b) (viii) itu, yang mana dengan jelas menyatakan bahawa Mahkamah Tinggi Syariah mempunyai bidang kuasa dalam perkara mal mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding yang berhubung dengan pembahagian dan perwarisan harta berwasiat atau tidak berwasiat. Maka sebelum harta pusaka itu dibahagikan, maka hendaklah dipastikan harta pusaka itu wujud dan adalah hak milik simati semasa kematianya.

Di Malaysia, kes yang hampir sama iaitu kes *Jumaton dan Raja Delila lwn. Raja Hizaruddin*²⁷⁵ Mahkamah Rayuan menolak permohonan rayuan dan bersetuju Mahkamah Syariah tidak ada bidang kuasa mendengar tuntutan berhubung dengan saham-saham yang didaftarkan atas nama responden adalah dipegang olehnya bagi pihak bapanya dan selepas kematian bapanya menjadi harta pusaka.

²⁷⁵ [1998] 6 MLJ 556

4.3.2. Peruntukan di bawah Bab 5(1) dan (2) dari Perintah Darurat Undang-Undang Keluarga Islam 1999.

Ada dua elemen yang dapat ditafsirkan dalam peruntukan Bab 5(1) iaitu:

- i. Sekurang-kurangnya salah satu pihak menganut agama Islam
- ii. Sekurang-kurangnya salah satu pihak, sama ada atau tidak menganut ugama Islam bermukim di dalam Negara ini atau bermastautin di dalam Negara ini tetapi bermukim di luar Negara.

Manakala Bab 5(2) memberikan bidang kuasa kepada Mahkamah Syariah untuk mendengar atau memutuskan apa-apa tuntutan atau prosiding di mana sekurang-kurangnya salah satu pihak menganut ugama Islam dan yang berkaitan dengan perkara yang berbangkit dalam Perintah ini.

Peruntukan ini jelas memberikan Mahkamah Syariah bidang kuasa untuk membicarakan terhadap salah satu pihak berugama Islam. Peruntukan ini diwujudkan untuk mengelak pertembungan antara bidang kuasa Mahkamah Sivil terhadap orang bukan Islam.

Akan tetapi pertembungan itu telah wujud, di mana apabila salah satu pihak telah memeluk ugama Islam, sama ada isteri ataupun suami, maka pihak yang telah memeluk ugama Islam itu akan memfailkan permohonan pembubaran perkahwinannya di Mahkamah Syariah sebagaimana kehendak Bab 47 (2) yang menyatakan bahawa perkahwinan itu tidaklah boleh dengan sendirinya terbubar sehingga disahkan oleh Mahkamah.

Pada masa yang sama pihak yang tidak Islam boleh memfailkan petisyen perceraian di Mahkamah Sivil berdasarkan peruntukan seksyen 3 Perintah Darurat (Pembubaran Perkahwinan) 1992.

Dalam kes *Sandy M Chiew @ Martinez v James Chiew Hua*,²⁷⁶ Pempetisyen seorang bangsa Filipina telah berkahwin dengan responden pada 30 Julai 1989. Pempetisyen telah mendapat perintah *ex parte* pada 5 Mei 2001 untuk pemulangan pasport anak-anaknya yang dipegang oleh responden. Responden telah mendapat satu pengantungan atas aku janji beliau untuk memfailkan satu affidavit membangkang pada 7 Mei 2001 dan perbicaraan *inter partes* telah ditetapkan pada 8 Mei 2001. Di samping itu, pada 7 Mei 2001 juga pempetisyen telah memfailkan petisyen perceraian. Pada 8 Mei 2001 responden telah menghadiri perbicaraan *inter partes* dengan mengemukakan satu sijil pengislaman yang dikeluarkan kepada beliau pada hari tersebut. Responden telah memfailkan satu permohonan untuk membatalkan petisyen pempetisyen kerana pada 23 Januari 2002, Mahkamah Syariah telah membubarkan perkahwinan tersebut dan memberikan responden hak penjagaan ke atas anak-anak tersebut. Pendaftar Kanan telah menolak permohonan tersebut dan responden telah merayu. Kes ini telah dibicarakan di Mahkamah Tinggi Sivil.

Diputuskan bahawa Mahkamah Tinggi merupakan forum yang sesuai untuk pempetisyen Katolik memfailkan perceraian kerana seksyen 3 Perintah Darurat (pembubaran Perkahwinan) 1992 memberikan Mahkamah Tinggi Sivil bidang kuasa ke atas, *inter alia*, hal-hal yang berkenaan dengan perceraian dan terpakai kepada perkahwinan monogami yang diraikan di dalam gereja atau pejabat perkahwinan sivil di antara parti-parti bukan Islam pada tarikh petisyen perceraian. Kedua-dua parti tersebut beragama Katolik semasa perkahwinan gereja mereka pada 30 April 1989. Mereka merupakan Katolik pada tarikh

²⁷⁶ [2004] 1 Sh. LR 94

petisyen tersebut 7 Mei 2001 – sehari atau sebegitu sebelum responden memeluk Islam.

Responden sekali lagi membuat rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi pada 19 Disember 2002.²⁷⁷ Mahkamah Rayuan telah membenarkan rayuannya setakat perenggan yang berkenaan dengan penjagaan, pemeliharaan dan pengawalan anak-anak, perbelanjaan pelajaran dan pembayaran berkala mereka setakat mana perkara itu bagi faedah anak-anak. Isteri bebas untuk meneruskan rayuan selebihnya jika mahu.

Jika sekiranya, salah satu pihak daripada perkahwinan itu telah memeluk Islam, pihak yang bukan Islam, adakah perlu memfailkan pempetisyen perceraian di Mahkamah Sivil? Jika ya, maka peruntukan Bab 5(2) itu seolah-olah sia-sia, dan perintah pembubaran yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah itu tidak memberi kesan kepada pihak yang bukan Islam. Mahkamah mana yang layak berbidang kuasa dalam hal ini? Adakah pihak-pihak yang terlebih awal memfailkan permohonannya atau bagaimana? Kes yang hampir sama di Malaysia kes *Pedley lwn Majlis Agama Islam Pulau Pinang dan seorang lagi*.²⁷⁸

Manakala dalam Bab 47(1) menyatakan bahawa salah satu pihak kepada perkahwinan itu murtad atau menganut kepercayaan lain selain Islam, maka tidaklah dengan sendirinya perkahwinan itu terbubar melainkan disahkan oleh Mahkamah.

Walau bagaimanapun, tidak ada sebarang peruntukan Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa untuk mensahkan seseorang itu murtad, sama ada dalam Akta Penggal 184 ataupun Perintah Darurat Undang-Undang Keluarga Islam

²⁷⁷ [2004] 4, bil. 6, Jurnal Undang-Undang Syariah Brunei Darussalam, h. 102

²⁷⁸ [1990] 2 MLJ 307

1999. Hanya terdapat di dalam Akta Penggal 77 di bawah Bab 169 bahawa sesiapa saja yang berugama Islam yang murtad daripada ugamanya hendaklah dengan serta merta melaporkan kenyataan tersebut secara bertulis kepada Setiasuaha Majlis Ugama Islam.

Sungguhpun demikian, sebelum Majlis Ugama Islam mendaftarkan seseorang itu keluar dari ugama Islam, perkara itu dirujukkan ke Mahkamah Syariah sebagai formaliti pentadbiran bukannya perundangan.

4.4. Isu Tafsiran Peruntukan Undang-Undang

Selain isu yang penulis jelaskan sebelumnya, penulis telah membuat penganalisaan beberapa peruntukan undang-undang dalam bidang kuasa mal dan perlaksanaannya. Yang mana penulis telah mendapati beberapa isu penafsiran dan perlaksanaannya tidak relevan untuk diteruskan antaranya:

4.4.1. Pembahagian Harta Tak Alih

Dalam peruntukan Bab 15 (b) (ix) dalam Perintah Undang-Undang Keluarga Islam 1999 dengan jelas memberikan Mahkamah Syariah bidang kuasa dalam membuat penentuan dan pembahagian harta pusaka simpati Islam sama ada harta alih ataupun harta tak alih. Kerana peruntukan itu umum, tidak menyatakan khusus kepada harta tak alih sahaja. Bidang kuasa ini wujud sejak Mahkamah Kadi Besar. Tetapi realitinya, Mahkamah Tinggi Syariah hanya melaksanakan penentuan dan pembahagian dalam harta tak alih sahaja seperti tanah atau tukar milik perumahan berdasarkan penentuan bahagian mengikut sama ada mengikut pembahagian hukum syarak, yang dikeluarkan melalui sijil faraid atau persetujuan

ahli-ahli waris untuk membuat pembahagian sama rata atau ada sebahagian ahli waris menyerahkan kepada ahli waris yang lain. Pembahagian yang telah dibuat itu dianggap satu perintah daripada Mahkamah Tinggi Syariah, yang menghendaki jabatan-jabatan berkenaan seperti Jabatan Tanah, Jabatan Kemajuan Perumahan menerima pakai perintah itu sebagai dokumen yang mesti dipatuhi.

Isu timbul, di mana apabila proses tukar milik tanah dilaksanakan di Jabatan Tanah, kadang-kadang ada di antara ahli waris datang semula ke Unit Waris, Mahkamah Tinggi Syariah dengan memaklumkan bahawa mereka tidak mengetahui dokumen yang telah mereka tandatangani itu adalah merupakan proses penyerahan tukar milik tanah kepada ahli waris yang lain secara pemilikan kekal, yang mengakibatkan mereka kehilangan tanah. Ini kerana mereka kurang faham proses penyerahan itu adalah tukar milik kekal atau kadang-kadang ahli-ahli waris itu telah dibohongi oleh ahli waris yang lain. Pada penilaian penulis, ada beberapa sebab isu ini timbul, antaranya:

- i. Proses yang dilaksanakan adalah secara pentadbiran biasa dengan membuat pengisian borang yang ditetapkan, bukan prosiding mahkamah. Proses tidak dilaksanakan mengikut tatacara mal yang telah berkuat kuasa.
- ii. Pihak-pihak tidak dipanggil dan dibicarakan sama ada dalam mahkamah ataupun dalam kamar hakim (*in chambers*).

Oleh kerana proses ini tidak dijalankan secara perundangan, maka pihak-pihak yang terkilan tidak dapat membuat rayuan atau bantahan.

Manakala isu yang timbul dalam proses tukar milik perumahan, di mana apabila ahli waris tidak bersetuju dengan penyerahan kepada seorang ahli waris.

Ini menyebabkan proses tukar milik tidak akan dapat dibuat di Jabatan Kemajuan Perumahan kerana tidak memenuhi syarat²⁷⁹ yang telah ditetapkan.

Dari penganalisaan penulis dalam pengurusan pembahagian waris yang melibatkan harta tak alih, melibatkan agensi-agensi kerajaan yang lain antaranya Jabatan Tanah dan Jabatan Kemajuan Perumahan. Agensi-agensi ini juga melaksanakan peruntukan undang-undang yang telah dikanunkan seperti Undang-Undang Tanah.

Untuk itu, adalah disarankan supaya ketiga-tiga agensi ini mengkaji semula proses yang dilaksanakan menurut peruntukan undang-undang masing-masing dan mencari kesepakatan dalam pengurusannya.

Dalam proses pembahagian harta alih seperti wang, saham-saham, kereta dan sebagainya tidak dilaksanakan di Mahkamah Tinggi Syariah. Ini dibuat di Mahkamah Sivil. Pentadbir diberi kuasa sepenuhnya dalam mentadbir harta pusaka berkenaan dan boleh mengeluarkan wang simpanan dalam bank dan sebagainya. Kuasa yang terlalu luas yang diberikan kepada pentadbir membolehkan penyelewengan berlaku ke atas harta pusaka yang ditadbirnya.²⁸⁰ Walau bagaimanapun, di akhir-akhir ini terdapat usaha-usaha yang telah dibuat demi mengelak kepada penyelewengan harta pusaka itu, antaranya ada pihak bank telah mengambil langkah berjaga-jaga dengan merujuk perkara ini kepada Mahkamah Tinggi Syariah dengan memohon nasihat cara bagaimana membahagikan harta-harta yang disimpan dalam bank berkenaan. Dalam hal ini, Mahkamah Tinggi Syariah akan membuat pembahagian berdasarkan

²⁷⁹ Syarat no. 8 daripada syarat-syarat tukar milik di bawah kawalan Jabatan Kemajuan Perumahan iaitu terdapat persetujuan daripada semua ahli waris yang telah ditetapkan oleh Mahkamah Tinggi Syariah.

²⁸⁰ *Undang-Undang Negara Brunei Darussalam*, Akta Probet dan Pentadbiran Penggal 11, S. 29-57.

pembahagian dalam sijil faraid yang telah dikeluarkan, jika pihak bank memaklumkan jumlah harta-harta yang disimpan oleh simati dalam bank berkenaan dan pihak bank akan mengeluarkan cek mengikut pembahagian yang telah ditetapkan itu.²⁸¹

Begitu juga, terdapat ahli-ahli waris yang telah melantik peguam dalam menguruskan pembahagian harta pusaka mereka. Peguam itu telah merujuk kepada Mahkamah Tinggi Syariah untuk membuat perkiraan pembahagian wang hasil daripada jualan tanah.²⁸²

Di sini, jelas bahawa proses pembahagian itu tidak selaras. Mahkamah mana yang sewajarnya mempunyai bidang kuasa? Merujuk kepada Bab 71 daripada Akta Probet bahawa:

“Apabila Pegawai Probet dikehendaki oleh Akta ini untuk bertindak menurut undang-undang Islam sebagaimana yang diamalkan di Negara Brunei atau untuk bertindak menurut nasihat Majlis Ugama Islam dia hendaklah merujuk perkara tersebut kepada Mahkamah Kadi Besar dan hendaklah bertindak ke atas mana-mana pernyataan bertulis yang telah diperakui oleh Mahkamah itu sebagai telah diperolehi bagi maksud perkara yang dirujuk sedemikian menurut bab 50 dari Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi.”

Akan tetapi Bab 50 dari Akta penggal 77 telah dimansuhkan oleh Akta Penggal 184. Maka pada pandangan penulis Bab 15(b) (viii) memberi kuasa sepenuhnya kepada Mahkamah Syariah untuk mendengar dan membicarakan tuntutan harta pusaka bagi orang Islam di Negara ini.

²⁸¹ Haji Salim bin Haji Besar (Pehin), Hakim Mahkamah Tinggi Syariah. Temubual pada 24 Januari 2008.

²⁸² Merujuk surat Peguambela dan Peguamcara Cheok Sankaran Halim bil. MS/MISC/Syariah/2007, bertarikh 7 Mac 2007.

4.4.2. Peruntukan Mengenai Harta Sepencarian.

Berdasarkan Bab 15(b) (iv) dari Akta Penggal 184, Mahkamah Tinggi Syariah mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan pembagian atau tuntutan kepada harta sepencarian. Ini adalah peruntukan induk yang membolehkan Mahkamah Syariah mendengar tuntutan harta sepencarian.

Dalam Perintah Darurat Undang-Undang Keluarga Islam 1999, Mahkamah mempunyai kuasa untuk memerintahkan pembagian harta sepencarian, apabila membenarkan lafaz talaq atau apabila membuat sesuatu perintah perceraian.²⁸³

Ini bermakna apabila Mahkamah telah mensabitkan perceraian atau memerintahkan pasangan itu untuk bercerai, maka pasangan yang telah bercerai itu boleh menuntut pembagian harta sepencarian.

Dalam konteks “lafaz talaq” atau “perintah perceraian” boleh dimaksudkan dengan perceraian hidup.

Dalam peruntukan seterusnya menyatakan bahawa seseorang perempuan yang telah bercerai dengan suaminya atau seseorang lelaki yang telah bercerai dengan isterinya boleh atas permintaannya di Mahkamah mendapatkan perintah terhadap bekas isterinya atau bekas suaminya mengenai pembagian harta sepencarian.²⁸⁴

Dalam konteks “telah bercerai” penulis berpendapat ada dua andaian dapat dimaksudkan iaitu bercerai kerana kematian dan bercerai kerana perceraian hidup. Dalam kes *Hajah Rose lwn. Haji Abd Rahman dan 7 yang lain*,²⁸⁵ plaintif telah memfailkan tuntutan harta sepencarian selepas kematian suaminya Haji Hasan pada 21 April 2001. Defendan keenam yang merupakan isteri kedua kepada

²⁸³ Perintah Darurat Undang-Undang Keluarga Islam, 1999, Bab 59.

²⁸⁴ Ibid, Bab 60.

²⁸⁵ Kes bil. MTS/29/2003

Allahyarham Haji Hasan juga menuntut harta sepencarian dalam tuntutan balasnya yang dikemukakan kepada Mahkamah.

Sebelum kes tuntutan harta sepencarian didengar, defendan pertama melalui peguamnya telah memfailkan satu permohonan untuk membuat bantahan awal undang-undang dalam menentukan sama ada Mahkamah Tinggi Syariah mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan tuntutan harta sepencarian selepas kematian.

YA Hakim Mahkamah Tinggi Syariah telah memutuskan bahawa Mahkamah Tinggi Syariah berbidang kuasa untuk mendengar mana-mana tuntutan harta sepencarian selepas kematian, sama ada oleh seorang isteri yang telah mati suaminya atau seorang suami yang telah mati isterinya dengan merujuk alasan yang sama ke atas kes yang telah diputuskan oleh YA Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu terhadap kes *Norlia bte Abd Aziz lwn. Md. Yusof bin A. Rahman*.²⁸⁶

Walau bagaimanapun defendan pertama melalui peguamnya telah memfailkan permohonan semakan²⁸⁷ ke atas keputusan tersebut. Yang mana pemohon semakan mengemukakan semakan terhadap persoalan undang-undang sama ada tafsiran Mahkamah dalam penghakiman Mahkamah Tinggi Syariah mendapati ada bidang kuasa untuk mendengar mana-mana tuntutan harta sepencarian selepas kematian suami atau isteri berpandukan kepada Bab 60 Perintah Darurat Undang-Undang Keluarga Islam 1999 adalah tepat atau sebaliknya.

²⁸⁶[2004] 5 MLJ 538

²⁸⁷Kes bil. MRS/SM/1/2004

Mahkamah Rayuan Syariah telah membuat penyemakan ke atas persoalan yang dikemukakan dan memutuskan dengan sebulat suara bahawa Mahkamah Tinggi Syariah ada kuasa untuk mendengar tuntutan plaintif yang dibuat berdasarkan Bab 60 Perintah Darurat Undang-Undang Keluarga Islam 1999 dengan menggunakan peruntukan Bab 15 (b) (iv) Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah Penggal 184 dan pendengaran kes tuntutan plaintif bolehlah diteruskan oleh Mahkamah yang sama dengan memberikan alasan seperti berikut:

- i. Peruntukan Bab 59 itu adalah untuk suami isteri yang hendak bercerai bukan untuk suami isteri yang sudah bercerai. Jadi Bab 60 dan Bab 59 adalah dua bab yang berasingan dan tidak boleh dibaca bersama.
- ii. Bab 59 ada hubungannya dengan bab 42 (1) ceraian (a) hingga (g).
- iii. Bab 60 tidak boleh dihubungkan dengan Bab 59(1), kerana Bab 60 adalah suami atau isteri yang telah bercerai dengan isterinya atau suaminya untuk pembahagian harta sepencarian. Permohonan pembahagian harta sepencarian di dalam Bab 60 itu hanyalah untuk pembahagian harta sepencarian semata-mata dan bukan untuk perceraian.
- iv. Untuk menyelesaikan permohonan dalam Bab 60, YAA Hakim-hakim berpendapat Mahkamah boleh menggunakan peruntukan umum yang terdapat dalam Bab 15 (b)(iv) dari Akta Penggal 184 itu.
- v. Kemosykilan sama ada perceraian yang dimaksudkan dalam Bab 60 itu hanya terhad kepada talaq atau cerai hidup atau termasuk juga disebabkan kematian boleh diuraikan berdasarkan peruntukan Bab 144(2)²⁸⁸ Perintah yang sama.
- vi. Berdasarkan kehendak Bab 144 (2) Perintah Darurat Undang-Undang Keluarga Islam 1999 itu, maka kemosykilan tentang perceraian suami isteri dalam Bab 60 itu tidak sepatutnya timbul.
- vii. YAA Hakim-Hakim Mahkamah Rayuan Syariah juga menolak autoriti pihak peguam defendan iaitu kes *Ronnie Lee Pui Man lwn. Booty Edwards dan rakan-rakan* dan Kes *Ramah lwn. Laton*.

Walaupun pada akhirnya keputusan Mahkamah Tinggi Syariah itu diperakukan oleh Mahkamah Rayuan Syariah. Akan tetapi pada hakikatnya peruntukan mengenai harta sepencarian di dalam Undang-Undang Keluarga Islam

²⁸⁸ Mengenai apa-apa perkara yang tidak diperuntukkan dengan nyata dalam Perintah ini atau dalam sebarang aturan yang dibuat di bawah Perintah ini Mahkamah hendaklah mengikut hukum Syarak.

itu mempunyai kesamaran dan tidak jelas untuk pihak-pihak yang berkepentingan mengemukakan tuntutan ke Mahkamah.

Oleh kerana itu, YA Hakim Mahkamah Tinggi Syariah telah mencadangkan supaya dibuat beberapa peruntukan tambahan untuk mengelak beberapa keraguan dalam memutuskan kes-kes tuntutan harta sepencarian selepas kematian, terutama isu bagaimana kaedah dan kadar pembahagian harta sepencarian dibuat atau diputuskan.

YA juga mengambil langkah awal dengan mencadangkan pindaan berhubung dengan tuntutan harta sepencarian apabila Mahkamah membenarkan seorang suami berpoligami, sebagaimana yang telah dibuat oleh Negara jiran Malaysia. Walaupun isu ini belum timbul di Negara Brunei, akan tetapi jika terdapat peruntukan yang jelas mengenainya, maka Mahkamah akan lebih mudah melaksanakannya.

4.4.3. Peruntukan dalam Undang-Undang Perkahwinan

Sebagaimana yang dijelaskan di dalam bab sebelumnya, Mahkamah Syariah juga menjalankan kuasa dalam hal ehwal perkahwinan. Mahkamah Syariah melaksanakan undang-undang perkahwinan yang telah diperuntukkan dalam Bahagian II dari Perintah UUKI 1999. Terdapat beberapa isu timbul berhubung dengan penafsiran peruntukan undang-undang berkenaan menyebabkan pengurusannya tidak praktikal untuk diteruskan.

4.4.3.1. Proses Pendaftaran Nikah Luar Negara di bawah Bab 29

Undang-undang telah memperuntukkan di bawah Bab 29 dari Perintah Darurat Undang-Undang Keluarga Islam 1999 yang menyatakan bahawa setiap warganegara atau penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang melangsungkan nikah di luar Negara hendaklah mendaftarkan pernikahan mereka di Negara Brunei dalam masa enam bulan selepas salah satu atau kedua-duanya datang ke Negara Brunei.

Berdasarkan kepada peruntukan ini, Pendaftar Perkahwinan akan menerima permohonan pendaftaran. Seterusnya meneliti dan berpuashati pernikahan itu telah dilangsungkan di luar Negara. Berdasarkan permohonan dan borang soal selidik yang telah diisikan oleh pemohon dapat membuktikan pernikahan itu telah dilangsungkan tanpa kebenaran dan pernikahan itu sah ataupun tidak mengikut kehendak hukum Syarak.

Jika didapati pernikahan itu dijalankan tanpa kebenaran, maka perkara itu dihadapkan ke Bahagian Penguatkuasa Agama, Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk proses siasatan dan pendakwaan di bawah Bab 38(2) dari Perintah Darurat Undang-Undang Keluarga Islam 1999.²⁸⁹ Maka permohonan untuk mendaftarkan pernikahan itu akan ditangguhkan sehingga selesai perbicaraan.

Proses ini dilaksanakan berdasarkan penafsiran yang keliru di mana peruntukan Bab 29 itu telah ditafsirkan meliputi pernikahan yang dilakukan di luar Negara tanpa kebenaran dan yang mempunyai kebenaran daripada Pendaftar Perkahwinan.

²⁸⁹ Bab 38(2) menyatakan seseorang yang berkahwin atau dikatakan berkahwin atau menjalani sesuatu upacara akad nikah dengan sesiapa juga bertentangan dengan mana-mana peruntukan Bahagian II adalah melakukan suatu kesalahan dan jika disabitkan kesalahan hendaklah dihukum denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Apabila timbul isu-isu permohonan pendaftaran yang tertangguh disebabkan pihak pendakwaan tidak membuat pendakwaan sehingga ada pengesahan bahawa nikah itu sah daripada Pendaftar Perkahwinan. Pihak pendakwa tidak akan mendakwa jika nikah itu tidak sah. Ini menyebabkan permohonan untuk mendaftarkan pernikahan seseorang itu tergantung-gantung tidak dapat dibuat.

Maka, proses ini dikaji semula dan hasil daripada lawatan-lawatan dan penempatan kerja di Negara jiran, maka mana-mana pernikahan yang dilakukan tanpa kebenaran Pendaftar, permohonan pendaftarannya tidak akan diterima oleh Bahagian Perkahwinan. Pemohon dinasihatkan untuk memfailkan permohonannya ke Mahkamah bagi mendapatkan perintah untuk mendaftarkan dan pengesahan nikah berdasarkan Bab 11 (2) dari Perintah Darurat Undang-Undang Keluarga Islam 1999.²⁹⁰

Akibat daripada penangguhan pendaftaran itu, permasalahan juga timbul di mana anak-anak yang dilahirkan dari pernikahan yang dilakukan tanpa kebenaran tidak dapat didaftarkan oleh Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan. Kerana Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan memerlukan keputusan Mahkamah mengenai pengesahan pernikahan itu untuk menentukan status anak berkenaan.²⁹¹

²⁹⁰ Irdhina binti Haji Wasli, Timbalan Pendaftar Perkahwinan, Perceraian, Pembatalan dan *Ruju'* Orang Islam. Temubual pada 31 Januari 2008.

²⁹¹ Liza Suriani binti Haji Ibrahim, Pemangku Timbalan Pengarah Pendaftaran, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan. Temubual pada 4 Mac 2008.

4.4.3.2. Permohonan Perkahwinan semasa isteri masih di dalam ‘iddah.

Persoalan yang timbul apabila seorang suami yang telah menceraikan isterinya, atau suami isteri yang telah dibubarkan pernikahannya disebabkan pertukaran ugama, ingin bernikah semasa masih dalam tempoh ‘iddah isterinya. Bagaimana kedudukan permohonan perkahwinan suami tersebut?

Suami tersebut diarahkan untuk mengemukakan permohonan poligami terlebih dahulu, kerana isterinya masih di dalam tempoh ‘iddah yang membolehkan mereka rujuk semula pada perkahwinan asal. Ini dilaksanakan untuk memenuhi kehendak Bab 23 (1).²⁹² Dalam pada itu, jika suami tidak mahu mengemukakan permohonan poligami, maka dia mesti menghabiskan tempoh ‘iddah isterinya. Adakah betul undang-undang ini menghalang untuk lelaki itu berkahwin?.

Urutan daripada kes tersebut, apabila isteri yang diceraikan itu atau dibubarkan perkahwinan itu telah dihukumkan menjalani ‘iddah 3 kali suci berdasarkan keterangan yang diberikannya kepada Mahkamah bahawa dia masih haid lagi. Secara kebetulan, setelah suci yang pertama dilaluinya, isteri tadi tidak lagi haid dalam tempoh sekian lama. Bagaimanakah kedudukan tempoh ‘iddah isteri tadi? Adakah perlu masalah itu dikemukakan ke Mahkamah untuk menentukan kedudukan ‘iddah perempuan itu sekali lagi?

Tidak dinyatakan dengan jelas mengenai penetapan tempoh ‘iddah di dalam undang-undang, walau bagaimanapun dalam Bab 42(5) hanya menyatakan sesuatu talaq *raj’ī* yang dilafazkan oleh suami melainkan *diruju* ‘ sebelum tamat tempoh ‘iddah sama ada dengan sarih ataupun kinayah atau oleh suatu perintah

²⁹² Bab 23(1) menyatakan bahawa tiada seseorang boleh berkahwin dengan seorang perempuan lain di mana-mana tempat juar pun dalam masa ia masih beristerikan isteri yang sedia ada kecuali mendapat kebenaran daripada Hakim Syar’ie.

Mahkamah tidaklah boleh berkuatkuasa menamatkan pernikahan sehingga tamat tempoh ‘iddah.

Dengan adanya peruntukan ini, penulis beranggapan penetapan tempoh ‘iddah termasuk di bawah kuasa Mahkamah untuk memutuskannya. Oleh itu perkara ini perlu dirujukkan ke Mahkamah untuk menetapkan permasalahan kedudukan ‘iddah isteri terlebih dahulu sebelum kedudukan tempoh ‘iddah dapat diselesaikan.

Menurut mazhab *Syāfi‘ī*, seseorang wanita yang pernah mengalami kedadangan haid, apabila diceraikan hendaklah ber ‘iddah dengan tiga kali suci, sekiranya haid itu terhenti selepas kedadangan yang pertama disebabkan oleh penyusuan, sakit, maka hendaklah ditunggu sehingga haid seterusnya. Jika keadaan demikian terus berpanjangan maka ‘iddahnya akan berterusan sehingga sampai ke peringkat umur putus haid, iaitu setelah berumur 62 tahun²⁹³ dan tidak lagi didatangi haid. Menurut mazhab yang sahih daripada mazhab *Syāfi‘ī*, selepas itu, mulalah ber ‘iddah dengan kiraan bulan iaitu selama tiga bulan seperti ‘iddah yang diwajibkan ke atas wanita-wanita yang putus haid.²⁹⁴

4.4.3.3. Proses Pendaftaran *Ruju‘*

Berdasarkan peruntukan Bab 52(1) yang menyatakan bahawa jika, sesuatu talaq *raj‘ī* dan dalam masa ‘iddah, suami isteri telah *ruju‘* semula, maka pihak-pihak itu hendaklah mendaftarkan hal *ruju‘* semula itu kepada Pendaftar dan Bab 52 (2) menyatakan Pendaftar hendaklah menyiasat dan jika berpuas hati

²⁹³ Pendapat Azhar dari mazhab *Syāfi‘ī*.

²⁹⁴ Syihāb al-Dīn, Qalyubi wa ‘Umairah (t.t), *Qalyubi Wa ‘Umairah*, j. 4, Kaherah: Dār Ihya’ al-Kutub al-‘Arabiyyah, h. 42-43.

ruju‘ semula berlaku mengikut hukum syarak hendaklah mendaftarkan *ruju*‘ semula itu.

Terdapat kes isteri yang telah dihukumkan menjalani ‘*iddah* 3 kali suci, telah disahkan oleh doktor mengalami keguguran. Perkara ini diketahui apabila sepasang suami isteri itu ingin *ruju*‘ semula di hadapan Pendaftar.

Dalam ungkapan “menyiasat” itu, adakah Pendaftar Perkahwinan mempunyai bidang kuasa untuk menetapkan kedudukan ‘*iddah* isteri, apabila mendapati hal keadaan yang berbeza dari hukuman Mahkamah terdahulu, dalam keadaan untuk menetapkan kedudukan *ruju*‘ tersebut, sama ada *ruju*‘ itu sah ataupun sebaliknya, sebelum *ruju*‘ itu didaftarkan. Jika tidak, apa prosedur selanjutnya perlu dibuat? adakah kes ini perlu dirujukkan kepada Mahkamah untuk menetapkan tempoh ‘*iddahnya*? sebagaimana kes yang dinyatakan sebelumnya.

Persoalan juga timbul, sama ada Pendaftar Perkahwinan dalam menerima keterangan pihak-pihak semasa siasatan dijalankan itu boleh mengunapakai Akta Keterangan dalam memastikan Pendaftar itu mencapai tahap maksimum berpuas hati tidak kira semasa siasatan untuk mendaftarkan *ruju*‘ ataupun untuk mendaftarkan pernikahan pasangan?

4.5. Kesimpulan

Kesimpulannya, terdapat beberapa isu dan masalah yang dihadapi oleh Mahkamah Syariah sejak penubuhannya sehingga kini, yang dapat diringkaskan kepada tiga isu besar iaitu isu pengurusan pentadbiran, isu pertindihan bidang

kuasa mal dan isu tafsiran peruntukan undang-undang yang ditadbir oleh Mahkamah Syariah dan perlaksanaannya.

Isu-isu yang berbangkit dalam pengurusan pentadbiran yang telah dikenalpasti sebanyak sembilan isu, antaranya pertindihan bidang kuasa pendaftar, pengurusan pendaftaran kes mal, kemahiran pegawai dan kakitangan, penjadualan kes tidak selaras, kes-kes tertangguh, kurangnya penglibatan peguam syarie, perlaksanaan dan penguatkuasaan, pengendalian dan penyelenggaraan daftar perkahwinan dan perceraian dan teknologi maklumat.

Manakala isu yang berbangkit dalam pertindihan bidang kuasa mal sebanyak dua isu iaitu undang-undang perwarisan, peruntukan di bawah Bab 5 (1) dan (2), dan isu penafsiran peruntukan undang-undang sebanyak lima isu, antaranya peruntukan undang-undang dalam pembahagian harta tak alih, harta sepencarian dan dalam peruntukan undang-undang perkahwinan.

Sebahagian isu-isu yang diketengahkan ini telah mendapat perhatian dan telah dibuat penambahbaikan dan sebahagiannya lagi belum diberi perhatian yang sewajarnya, maka untuk memperbaiki pengurusan pentadbiran dan meningkatkan martabatnya agar seiring dengan Mahkamah Sivil, sewajarnya Mahkamah Syariah mengambil langkah dan inisiatif yang lebih *proaktif* ke arah keberkesanan demi untuk mencapai visi dan misinya.

BAB V

PENUTUP

5.1. Pendahuluan

Islam telah memerintahkan supaya melaksanakan kehakiman. Kerana kehakiman itu merupakan suatu perkara yang penting bagi kehidupan bermasyarakat dan masyarakat umum amat memerlukannya sama ada masyarakat Islam mahupun bukan Islam. Sebagaimana firman Allah s.w.t dalam surah al-Maidah yang berbunyi

وَأَنِ احْكُمْ بَيْنَهُمْ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَهُمْ وَاحْذَرُهُمْ أَنْ
يَفْتِنُوكَ عَنْ بَعْضِ مَا أَنْزَلَ اللَّهُ إِلَيْكَ فَإِنْ تَوَلَّوْا فَاعْلَمْ أَنَّهَا
يُرِيدُ اللَّهُ أَنْ يُصِيبَهُمْ بِبَعْضِ ذُنُوبِهِمْ وَإِنَّ كَثِيرًا مِّنَ النَّاسِ
 لَفَسِقُونَ

Surah Al-Maidah (5): 49

Maksudnya:

Dan hendaklah Engkau menjalankan hukum di antara mereka Dengan apa Yang telah diturunkan oleh Allah dan janganlah Engkau menurut kehendak hawa nafsu mereka, dan berjaga-jagalah supaya mereka tidak memesongkanmu dari sesuatu hukum Yang telah diturunkan oleh Allah kepadamu. kemudian jika mereka berpaling (enggan menerima hukum Allah itu), maka ketahuilah, Hanyasanya Allah muhny menyeksa mereka Dengan sebab setengah dari dosa-dosa mereka; dan Sesungguhnya kebanyakannya dari umat manusia itu adalah orang-orang Yang fasik.

Ulama bersepakat mengatakan bahawa kehakiman itu dituntut dan melaksanakannya adalah fardu *kifayah*. Oleh kerana itu, untuk melaksanakan kehakiman itu telah diwujudkan sebuah institusi yang dinamakan Mahkamah.

Di Negara Brunei Darussalam Mahkamah Syariah adalah institusi kehakiman yang mempunyai peranan penting dalam melaksanakan pentadbiran hukum syarak.

5.2. Rumusan

Kajian penulis telah dapat menjelaskan sistem perundangan dan penubuhan Mahkamah Syariah adalah dipengaruhi oleh sistem pemerintahan, budaya dan ugama di Negara itu. Bermula dengan kemasukan Islam ke Brunei dan berkembang sehingga Brunei dapat melaksanakan undang-undang Islam berdasarkan *Hukum Kanun Brunei* pada ketika dahulu.

Sistem perundangan dan kehakiman Brunei bertukar corak apabila campur tangan Inggeris. Inggeris mula mencampuradukkan undang-undang Inggeris ke dalam perundangan Brunei. Ini adalah faktor penyebab terhakisnya sedikit demi sedikit undang-undang Islam dalam perundangan Brunei.

Berikutnya dengan itu juga, Inggeris telah menubuhkan Mahkamah Kadi yang mentadbir undang-undang Islam yang berkaitan dengan undang-undang diri (*personal law*).

Bertitik tolak daripada campurtangan Inggeris dalam pentadbiran kehakiman di Brunei, beberapa undang-undang telah digubal antaranya undang-undang Islam yang pertama telah digubal iaitu *Muhammadan Laws Enachment 1912* dan disusuli dengan *The Muhamamadan Laws Enachment 1913* sehingga kepada tergubalnya undang-undang yang diberi nama *Undang-Undang Majlis Ugama dan Mahkamah-Mahkamah Kadi No. 20/1955* yang dikuatkuasakan pada tahun 1956.

Dengan berkuatkuasanya undang-undang No. 20/1955 itu, terbentuklah dua sistem perundangan di Brunei iaitu Mahkamah Sivil dengan bidang kuasa yang luas dan mempunyai martabat yang tinggi di sisi masyarakat dan Mahkamah Kadi dengan bidang kuasa yang sempit dan rendah martabatnya. Kandungan undang-undang ini mencangkupi secara keseluruhannya termasuk prosedur, undang-undang keterangan, undang-undang keluarga dengan peruntukan yang sangat ringkas dan sulit untuk melaksanakannya.

Pada tahun 1984, beberapa pindaan telah dibuat, namun bidang kuasa Mahkamah Syariah masih dalam ruang lingkup yang sama dan tidak mempunyai apa-apa perubahan kecuali kenaikan kadar denda.

Kadi dan Kadi Besar adalah mempunyai tiga peranan tugas yang berbeza iaitu hakim dalam mahkamah perbicaraan, pendaftar dalam urusan perkahwinan dan pentadbir dalam pejabatnya dalam satu masa. Dengan beban tugas yang berat ini, menyebabkan tugas-tugas sebagai hakim tergendala dan kurang diberikan tumpuan dan mengakibatkan kes-kes tertangguh.

Kajian ini juga menjelaskan usaha gigih daripada dua orang sultan Brunei iaitu Sultan Omar ‘Ali Saifuddien dan anakandanya Sultan Haji Hassanal Bolkiah untuk memartabatkan dan melaksanakan semula undang-undang Islam di Brunei dengan melakukan beberapa perubahan dalam pentadbiran, pendidikan termasuk pendidikan ugama, pembangunan infrastruktur dan sebagainya. Untuk menyokong wawasan dan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan untuk menjadikan Brunei sebagai Negara Melayu Islam Beraja, Islam sebagai cara hidup dan undang-undang Islam dapat dilaksanakan, maka langkah awal ialah dengan membuat penyesuaian undang-undang Brunei dengan kehendak ugama Islam dan

mengemaskinikan struktur Mahkamah Kadi agar setanding dan setaraf dengan Mahkamah Awam. Langkah-langkah ini dibuat adalah juga ke arah matlamat penyatuan sistem kehakiman di Negara Brunei Darussalam.

Bukan sahaja struktur Mahkamah Kadi dinaik taraf dengan berkuat kuasanya Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah Penggal 184, bahkan undang-undang yang akan ditadbir oleh Mahkamah Syariah telah digubal iaitu Perintah Darurat (Undang-Undang Keluarga Islam) 1999, Perintah Undang-Undang Keterangan Mahkamah Syariah, Perintah Acara Mal Mahkamah Syariah dan undang-undang bertulis yang lain iaitu Perintah Pengangkatan Kanak-Kanak Dalam Islam dan Perintah Pajak Gadai.

Penubuhan Jabatan Kehakiman Negara berfungsi sebagai pemudahcara bagi Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil dalam urusan-urusan pentadbiran dan kewangan adalah satu langkah awal ke arah penyatuan sistem kehakiman di masa akan datang.

Kajian ini juga menjelaskan bahawa dengan berkuat kuasanya Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah Penggal 184 itu, nama Mahkamah Kadi ditukar kepada Mahkamah Syariah dan ditubuhkan tiga peringkat mahkamah iaitu Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah. Pentadbirannya diketuai oleh Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah dengan dibantu oleh Timbalan Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah, Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah dan Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah Daerah-Daerah.

Bidang kuasa Mahkamah Syariah telah diperluaskan dan ditingkatkan, walaupun masih dihadkan terhadap orang-orang Islam sahaja. Bidang kuasa

hukuman jenayah telah ditingkatkan kepada hukuman denda sepuluh ribu ringgit Brunei dan hukuman penjara selama tempoh 7 tahun. Akan tetapi undang-undang kesalahan jenayah dan acaranya yang sedia ada belum digantikan dengan undang-undang jenayah dan acara yang baru. Ini menyukarkan pihak mahkamah terutama pihak pendakwaan dalam mengendalikan kes-kes jenayah. Walaupun undang-undang acara Mahkamah Sivil dapat membantu menyelesaikan kes-kes jenayah di Mahkamah Syariah, akan tetapi, untuk memartabatkan undang-undang Islam di Negara ini, Mahkamah Syariah perlu ada undang-undang jenayah dan acaranya sendiri.

Peningkatan bidang kuasa mal juga berlaku sehingga kepada pertikaian guaman lima ratus ribu ringgit Brunei.

Kajian juga mendapati syarat-syarat perlantikan Hakim-Hakim dalam Akta Penggal 184 bersesuaian mengikut kehendak Syarak kerana Hakim-Hakim adalah wakil pemerintah untuk menegakkan keadilan. Dengan kesedaran itu, bukan sahaja hakim-hakim bahkan pegawai-pegawai mahkamah seperti pendaftar dan peguam amat penting dalam membantu hakim untuk mencapai keadilan. Oleh kerana itu, untuk melicinkan tugas-tugas hakim-hakim, pendaftar dan peguam, undang-undang acara mal telah dikuatkuasakan iaitu Perintah Acara Mal Mahkamah-Mahkamah Syariah 2005. Dengan adanya undang-undang ini tugas hakim dan pendaftar lebih terarah dan teratur untuk dilaksanakan.

Walau bagaimanapun, dalam kajian ini telah mendapati sedikit kepincangan dalam pengagihan tugas-tugas pendaftar. Yang mana telah didapati tugas pendaftar-pendaftar itu bercampur aduk antara tugas-tugas dalam pentadbiran mahkamah dan juga hal ehwal perkahwinan. Oleh kerana itu, Pendaftar-Pendaftar

Mahkamah mempunyai tiga tugas dalam satu masa iaitu sebagai Pendaftar Mahkamah, Pendaftar PPPROI dan juga sebagai pentadbir awam yang menjalankan tugas menyelia pegawai dan kakitangannya termasuk percutian dan lain-lain. Bebanan yang terlalu banyak menyebabkan pengurusan pentadbiran Mahkamah Syariah terdapat kecacatannya. Kerana Pendaftar tidak dapat memfokuskan tugasnya dengan begitu baik. Perkara ini antara penyebab menimbulkan isu dalam pengurusan pentadbiran secara tidak langsung.

Perkembangan pentadbiran Mahkamah Syariah sungguh mengalakkan dengan terdapatnya berbagai undang-undang yang telah ditadbir. Walau bagaimanapun, undang-undang yang mantap sahaja tidak menjamin ke arah keberkesanan pengurusannya dan tahap keadilan yang dicapai. Oleh kerana itu, kajian penulis dalam bab empat telah mendapati beberapa isu yang berbangkit dalam pengurusan pentadbiran yang telah dijelaskan sebanyak sembilan isu, antaranya pertindihan bidang kuasa pendaftar yang telah penulis jelaskan sebelumnya

Isu kedua iaitu pengurusan pendaftaran kes mal. Penulis mendapati pengurusan pendaftaran kes mal tidak selaras daripada peringkat Mahkamah Rendah Syariah kepada Mahkamah Tinggi Syariah. Ketidakselarasan ini mengakibatkan risiko yang akan ditanggung oleh klien yang berurusan. Ini menyebabkan persepsi negatif masyarakat terhadap Mahkamah Syariah makin menebal dan tidak terungkai.

Kajian juga mendapati penjadualan kes tidak selaras, ini adalah akibat tidak ada manual kerja dan penetapan daripada pihak atasan. Oleh kerana itu, adalah dicadangkan supaya penjadualan kes diselaraskan dan bersistematik di kedua-dua

peringkat Mahkamah iaitu Mahkamah Rendah Syariah dan Mahkamah Tinggi Syariah. Pegawai kaunter (*infront officer*) perlu diwujudkan untuk diberi mandat sepenuhnya dalam menetapkan jadual-jadual kes yang didaftarkan mengikut susunan hakim-hakim yang bertugas. Ini juga adalah persediaan kepada perlaksanaan pendaftaran secara berkomputer yang pada masa ini masih dalam pengurusannya.

Penulis juga mendapati kes-kes tertangguh adalah disebabkan oleh berbagai pihak. Walau bagaimanapun, punca yang paling ketara adalah daripada pihak plaintiff atau defendant dan pemohon atau responden. Yang mana kedua-dua pihak ini tidak memahami prosedur mahkamah menyebabkan berlakunya perkara ini. Maka kerana itu khidmat peguam syarie amat diperlukan dan sudah tiba masanya apa-apa urusan di Mahkamah Syariah memerlukan peguam syarie. Ini adalah bagi membantu pegawai dan kakitangan mahkamah yang selama ini dijadikan orang tengah dalam membantu menyediakan pliding dan sebagainya. Dalam pada itu, perlu juga diambil perhatian bahawa kos untuk melantik peguam sangat mahal. Ini adalah punca mengapa orang awam tidak mahu melantik peguam.

Isu seterusnya ialah kurangnya penglibatan peguam syarie yang beramal di Mahkamah Syariah. Faktor ini adalah disebabkan kos untuk melantik peguam itu mahal kerana orang awam yang berurusan di Mahkamah Syariah itu adalah segelintir masyarakat yang memohon nafkah berbanding dengan Mahkamah Sivil, yang mana klien adalah terdiri daripada syarikat-syarikat dan pihak-pihak bank.

Mahkamah Syariah masih menghadapi kesulitan dalam melaksanakan dan menguatkuasakan Perintah. Kajian penulis hanya mendapati proses perlaksanaan

melalui saman madin penghakiman sahaja yang hanya dilaksanakan di Mahkamah Syariah berbanding dengan penguatkuasaan yang lain.

Pendaftaran Perkahwinan, Perceraian, Pembatalan dan *Ruju*‘ dijalankan secara manual. Oleh kerana kurang kefahaman dengan kehendak undang-udang dan belum dibekalkan dengan sistem teknologi maklumat menyebabkan Daftar-daftar perkahwinan, perceraian, pembatalan dan *ruju*‘ tidak teratur dan tidak dapat diselenggarakan dengan sempurna sebagaimana sepatutnya.

Kesan kerja yang dilaksanakan secara manual tanpa ada sistem teknologi berkomputer memberikan impak kepada kelambatan proses-proses kerja di Mahkamah Syariah.

Di samping isu pengurusan pentadbiran, dapatan kajian ini juga menjelaskan tentang isu-isu pertindihan bidang kuasa mal iaitu dalam beberapa perkara iaitu tuntutan harta waris dalam akaun bersama, proses pembahagian harta tak alih daripada harta waris, peruntukan Bab 5 dari PDUUKI, proses pendaftaran nikah luar negara di bawah Bab 29 dari PDUUKI, permohonan perkahwinan semasa isteri masih di dalam ‘*iddah* dan proses pendaftaran *ruju*‘.

5.3. Cadangan

Dengan penjelasan dan dapatan-dapatan yang diperolehi dalam kajian ini, maka penulis mencadangkan perkara-perkara berikut:

- i. Struktur bahagian perkahwinan diasingkan daripada pentadbiran mahkamah supaya kedua-dua institusi ini dapat memainkan peranannya masing-masing selaras dengan kehendak peruntukan undang-undang yang sedia ada. Dengan cara ini, ia akan dapat meningkatkan martabat dan imej kedua-dua institusi ini

dalam melaksanakan undang-undang Islam dan masyarakat akan lebih faham akan peranan kedua-dua institusi ini. Perkara ini telah dibuat di Negara jiran Malaysia sejak tahun 1986. Maka tidak terlambat jika Negara Brunei mengorak langkah ke arah itu demi memartabatkan pentadbiran undang-undang Islam di Negara ini.

- ii. Mewujudkan skim perkhidmatan jawatan pendaftar-pendaftar perkahwinan selaras dengan peruntukan Undang-Undang Keluarga Islam.
- iii. Mewujudkan manual kaedah tatacara penyiasatan untuk proses pendaftaran perkahwinan dan perceraian luar negara dan pendaftaran *ruju'*. Manual ini untuk memastikan penyelenggaran penyiasatan yang dijalankan oleh pendaftar-pendaftar seragam.
- iv. Satu manual kategori kes dibuat antara Mahkamah Rendah Syariah dan Mahkamah Tinggi Syariah supaya pihak klien mudah berurusan untuk mendaftarkan kes mereka.
- v. Perlu juga diwujudkan satu mekanisma untuk memberikan Mahkamah Tinggi Syariah membicarakan kes-kes kekeluargaan yang kompleks seperti penjagaan anak, harta sepencarian kerana sebelum ini Mahkamah Tinggi Syariah telah membicarakan permohonan harta sepencarian daripada harta waris. Dari aspek lain, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah lebih berpengalaman daripada Hakim-hakim Mahkamah Rendah Syariah.
- vi. Untuk mengatasi masalah kakitangan yang kurang berkemahiran dalam bidang tertentu antaranya penterjemahan, maka Jabatan Kehakiman Negara sebagai penyelaras kepada penyediaan pegawai dan kakitangan, memohon kerjasama kepada agensi-agensi kerajaan yang terlibat langsung dalam penyediaan

pegawai dan kakitangan gunasama umpamanya Jabatan Perkhidmatan Awam supaya membekalkan pegawai dan kakitangan yang telah berpengalaman dalam bidang tersebut.

- vii. Begitu juga halnya untuk meningkatkan kemahiran hakim-hakim, pendaftar-pendaftar, pegawai-pegawai mahkamah dan kakitangan mahkamah dalam memahami prosedur-prosedur mahkamah, maka Jabatan Kehakiman Negara hendaklah terus berusaha mengenal pasti kursus-kursus, bengkel-bengkel, seminar-seminar, penempatan kerja dalam dan luar negeri untuk diikuti oleh pegawai-pegawai tersebut. Dengan usaha ini, mereka dapat pengalaman secara praktikal amalan-amalan dan prosedur yang dilaksanakan terutama dalam melaksanakan Perintah Acara Mal yang terlalu teknikal. Perlu juga difikirkan untuk menghantar penempatan kerja kepada hakim-hakim serta pendaftar-pendaftar ke negara-negara yang melaksanakan undang-undang Islam seperti Pakistan, Jordan, Arab Saudi dan lain-lain untuk meninjau dan mengambil pengalaman secara praktikal dalam melaksanakan undang-undang prosedur serta perjalanan perbicaraan. Ini adalah sebagai langkah persediaan untuk memantapkan pengetahuan dan kemahiran hakim-hakim dan pendaftar-pendaftar dalam melaksanakan *Qanun Jina'i Islam* yang tidak lama lagi akan dikuatkuasakan.

Dalam pada itu, hakim-hakim yang dilantik serta pegawai-pegawai mahkamah hendaklah berusaha gigih meninggikan tahap ilmu pengetahuan mereka sehingga tahap ilmu yang membolehkan mereka ini berijihad atau sekurang-kurangnya mengetahui secara mendalam ilmu berkenaan. Dengan usaha yang gigih antara pihak kerajaan dan individu yang dilantik, maka imej

dan martabat Mahkamah Syariah akan terangkat dan masyarakat akan menghormatinya dan tidak mempertikaikannya.

Di samping itu, adalah amat perlu dan ditekankan di sini bahawa pihak kerajaan terutama agensi-agensi kerajaan yang terlibat sama perlu memberikan kerjasama yang padu dan rasa tanggungjawab dalam membekalkan dan membuat pemilihan serta mengambil berat tentang perlantikan hakim-hakim dan pegawai mahkamah. Dengan itu hendaklah perlantikan hakim itu dipilih di kalangan individu yang mempunyai imej, perwatakan, akhlak yang baik, pengetahuan yang tinggi, sifat-sifat bertanggungjawab yang ketara dan mempunyai sihat fizikal dan mental yang sempurna. Kerana mereka ini akan memikul tanggungjawab dan amanat yang berat iaitu sebagai wakil pemerintah (raja) dalam melaksanakan keadilan terhadap masyarakat di Brunei.

- viii. Salah satu cara untuk mengatasi masalah kewujudan peguam syarie di Mahkamah. Firma-firma guaman syarie harus menilai semula kos-kos yang dikenakan kepada pelanggan supaya kos itu lebih bersesuaian dengan perkhidmatan dan bantuan yang diberikan terutama bagi pelanggan yang kurang berkemampuan.

Disamping itu, pihak Mahkamah Syariah hendaklah mencadangkan kepada Majlis Ugama Islam Brunei untuk menu buhkan sebuah badan bantuan guaman yang pegawainya terdiri daripada pegawai kerajaan untuk membantu pihak mahkamah menyelesaikan permasalahan di Mahkamah Syariah sama ada di peringkat pra perbicaraan, perbicaraan dan selanjutnya.

- ix. Dalam melaksanakan penguatkuasaan perintah, Mahkamah Syariah perlu lebih tegas dengan mengambil beberapa tindakan. Umpamanya lebih baik

memerintahkan setiap pembayaran nafkah itu melalui tahanan pendapatan sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Bab 84 dari PUUKI dan mengambil tindakan tegas kepada majikan yang tidak memberikan kerjasama dalam melaksanakan perintah Mahkamah Syariah. Satu mekanisma baru telah dibuat oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia iaitu untuk mewujudkan Skim Perlindungan Keluarga Islam kepada ibu-ibu tunggal, kanak-kanak dan keluarga yang tidak berkemampuan.²⁹⁵ Cadangan ini perlu diambil contoh untuk difikirkan di Negara Brunei Darussalam.

- x. Perlu juga difikirkan untuk mengembangluaskan peranan unit penyiasatan dan penguatkuasaan, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama. Peranannya bukan sahaja untuk mengawal dan membenteras jenayah Syariah bahkan berperanan untuk mengendalikan perlaksanaan penguatkuasaan perintah Mahkamah Syariah yang gagal dilaksanakan dengan diberikan kuasa-kuasa menurut undang-undang. Dengan cadangan ini, Mahkamah tidak lagi terlibat langsung.
- xi. Antara isu yang paling penting perlu disegerakan ialah menyediakan Mahamah Syariah sistem teknologi maklumat. Dengan adanya sistem ini akan menambahbaik lagi pengurusan pentadbiran Mahkamah Syariah dan dapat menyelesaikan banyak masalah antaranya pendaftaran kes, penjadualan kes, pendaftaran perkahwinan, perceraian dan *ruju'*, laporan statistik, penentuan dan penetapan ahli-ahli waris yang berhak dan lain-lain.
- xii. Perlu juga ditekankan di sini adalah lebih sesuai setiap proses permohonan yang dijalankan di Mahkamah Syariah dilaksanakan menurut undang-undang

²⁹⁵Datuk Syeikh Ghazali bin Haji Abd Rahman (2007), “Isu dan Permasalahan Terkini Mahkamah Syariah” dalam Zulkifli Hasan *et al* (eds.), *Amalan Kehakiman dan Guaman Syarie di Malaysia*. Negeri Sembilan: Kolej Universiti Islam Malaysia, h. 17.

acara yang telah dikuatkuasakan agar kesempurnaan dan kredibilitinya terjamin dan tidak dipertikaikan. Contohnya proses permohonan sijil faraid hendaklah dilaksanakan sebagaimana kehendak Perintah Acara Mal 2005 di bawah peruntukan Bab 14. Begitu juga proses permohonan semakan.

- xiii. Dalam menangani kes-kes kekeluargaan yang kompleks umpamanya perintah perlaksanaan nafkah dan penjagaan anak, maka sudah tiba masanya, Mahkamah Syariah mempunyai Kaedah-Kaedah Tatacara Suhu sebagaimana yang telah dilaksanakan di Mahkamah Syariah Malaysia. Dalam pada itu, ini juga menambah peluang kepada pewujudan jawatan pegawai sulu. Dengan pewujudan jawatan ini, banyak graduan-graduan yang tidak mempunyai pekerjaan dapat memohon terutama graduan wanita yang tidak berpeluang untuk memegang jawatan hakim.
- xiv. Pewujudan unit falak syarie yang akan memainkan peranan menyediakan latihan, kursus dan pemudahcara dalam pengurusan pegawai-pegawai yang berkemahiran dalam ilmu falak.
- xv. Mewujudkan arahan amalan dalam pengurusan pendaftaran kes, penjadualan kes bagi hakim-hakim. Supaya kes-kes yang telah didaftarkan pada hari yang sama dapat disebut pada tarikh yang sama. Sebagaimana yang diamalkan di Mahkamah Syariah Malaysia. Ini dapat membantu Mahkamah dalam menambahbaik penyeragaman pengurusan pentadbiran dalam Mahkamah Syariah. Antara arahan amalan yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah bagi tujuan mempercepatkan penyelesaian kes ialah Arahan Amalan No. 3 tahun 2002 iaitu menghendaki semua kes yang telah didaftarkan dengan sempurna dalam masa 21 hari dipanjangkan ke Majlis Sulu kecuali bagi kes-

kes pembubaran perkahwinan. Arahan Amalan ini berkaitan dengan Arahan Amalan No. 2 tahun 2001 yang menjelaskan bahawa sebutan sesuatu kes hendaklah dibuat dalam masa 21 hari selepas kes itu didaftarkan.²⁹⁶

Dalam menangani isu dan masalah dalam bidang kuasa mal, beberapa cadangan penulis ketengahkan antaranya:

- i. Dalam bidang kuasa perwarisan, penulis cadangkan sudah tiba masanya Mahkamah Syariah mentadbir undang-undang waris bagi orang Islam secara keseluruhannya, sebagaimana menurut bidang kuasa di bawah peruntukan Bab 15(b)(viii) dari Akta Penggal 184 yang telah diberikan. Di samping itu mewujudkan akta khusus dan prosedurnya bagi memudahkan perlaksanaannya.
- ii. Pertembungan bidang kuasa di bawah Bab 5(1) dan (2) dari Perintah Undang-Undang Keluarga Islam, perlu diselesaikan dengan membuat pindaan kecil terhadap peruntukan tersebut, yang memberi erti supaya pihak yang bukan Islam tidak perlu lagi membuat petisyen perceraian di Mahkamah Sivil setelah pihak yang Islam membuat permohonan pembubaran perkahwinan di Mahkamah Syariah.
- iii. Penulis juga menyokong cadangan YA Hakim Mahkamah Tinggi Syariah untuk menambah beberapa peruntukan mengenai harta sepencarian antaranya menambah satu seksyen mengenai kaedah dan kadar pembahagian harta sepencarian selepas kematian.

Di samping itu, untuk merealisasikan wawasan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan untuk melaksanakan undang-undang Islam sepenuhnya di Negara Brunei, maka usaha berterusan hendaklah dipergiatkan lagi dengan mengadakan

²⁹⁶ Datuk Syeikh Ghazali bin Haji Abd Rahman (2005), “Amalan-Amalan Pentadbiran di Mahkamah Syariah”, *Jurnal Hukum*, Jil. 20 Bhg. 2, November 2005, h. 182.

seminar-seminar dan majlis-majlis dialog penerangan secara berperingkat-peringkat kepada masyarakat Brunei dengan tujuan untuk mendedahkan keagungan undang-undang Islam itu. Perkara ini boleh dilaksanakan atas kerjasama agensi-agensi kerajaan seperti Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Peguam Negara, Unit Perundangan Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jabatan Penerangan.

5.4. Penutup

Dengan adanya dapatan dan cadangan-cadangan yang penulis jelaskan dalam kajian ini, maka Mahkamah Syariah dapat menambahbaik pengurusan pentadbirannya dan menjadi institusi kehakiman Islam yang berwibawa di mata masyarakat Brunei.

Penulis juga merasa kajian ini dapat diperluaskan lagi dengan mengambil kira kajian secara umum tentang pentadbiran undang-undang Islam diBrunei.

BIBLIOGRAFI

Al-Qurān

Buku Rujukan

Abd. Rauf Dato Haji Hasan *et.al* (2005), *Kamus Bahasa Melayu-Bahasa Arab, Bahasa Arab-Bahasa Melayu*, Malaysia: Oxford Fajar Sdn. Bhd.

Ahmad Hidayat Buang (ed.) (2005), *Mahkamah Syariah di Malaysia: Pencapaian dan Cabaran*, c. 2, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Ahmad Mohamed Ibrahim (1997), *Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia*, Malaysia: IKIM.

al-Kasanī, Imam ‘Alā al-Dīn Abī Bakr bin Mas’ūd al-Hanafī (1996), *al-Bada‘i al-Sanai‘*, j. 7, Beirut: Dār al-Fikr.

al-Khin, Dr. Mustafā & Dr. Mustafā al-Bughā Ali Syarbazi (1996), *al-Fiqh al-Manhajī*, j. 2, c.2, Damsyik: Dār al-Qalam.

al-Mawardi, Abī al-Hassan Alī ibn Muhammad ibn Habib al-Basrī al-Baghdādi (1996), *al-Ahkam al-Sultaniyyah*, Beirut: Dar al-Fikr.

al-Ramlī, Syamsuddin Abī al-Abbas Ahmad Hamzah ibni Syihābuddin (1993), *Nihayah al-Muhtāj ila Syarh al- Minhāj*, j. 8, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

al-Sijistānī, Abu Dawud Sulayman Ibn al-Asy’ath (1988), *Sunan Abi Daud*, j. 3, Kaherah: Dar al-Hadith.

al-Qalyubi wa ‘Umairah, Syihab al-Din (t.t), *Qalyubi Wa ‘Umairah*, j. 4, Kaherah: Dar Ihya’ al-Kutub al-‘Arabiyyah.

Arbak Othman, Nik Safiah Karim (2005), *Kamus Komprehensif Bahasa Melayu*, Malaysia: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Awang Salim bin Besar (Pehin) (2002), “Undang-Undang Pentadbiran Islam dan Mahkamah Syariah di Negara Brunei Darussalam”, dalam Abul Monir Yaacob et al. (peny.), *Pembangunan Undang-Undang di Rantau Asean*, Kuala Lumpur: IKIM.

_____, (1995), “Ke arah Mengemaskinikan Undang-Undang Keluarga di Brunei” (Kertas kerja Seminar Sistem Kehakiman Syara‘ Negara Brunei Darussalam, di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, Negara Brunei Darussalam, 10-12 Jun 1995),

Buku Kenang-Kenangan Istiadat Pembukaan Bangunan Baru Jabatan Hal Ehwal Ugama, Negeri Brunei (1966), (T.P).

Farid Sufian Shuaib (2008), *Powers and Jurisdiction of Syariah Courts in Malaysia*, ed. 2, Malaysia: Lexisnexis Malaysia Sdn. Bhd.

Hamid Sultan bin Abu Baker (2005), *Janab's Series To "Law, Practice and Legal Remedies"*, vol. 1, Kuala Lumpur: Janab (M) Sdn. Bhd.

Hawkins, Joyce M. (2001) dalam Abdul Majid Baharom (ed.), *Kamus Dwibahasa Oxford Fajar*, ed. ke 3, Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Hooker, M.B. (1984), *Islamic Law in South-East Asia*, Singapore: T.P.

Hughes-Hallett, H.R. (1940) A Sketch of the History of Brunei, *JMBRAS*, vol. 18(2) dalam Cheah Boon Kheng (1998), Paper Relating to Brunei.

Ibn Hayyan, Muhammad ibn Khalaf (2001), *Akhbar al-Qudāh*, Beirut: ‘Ālam al-Kutub.

Ibn Qudāmah, Al-Syeikh al-Imam al-‘Ālamah (t.t), *al-Mughnī*, j. 2, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Idris Awang (2001), *Kaedah Penyelidikan: Suatu Sorotan*, Malaysia: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Mahmud Saedon Awang Othman (1991), *Kadi: Perlantikan, Perlucutan dan Bidangkuasa*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

_____, (1994), “Undang-Undang Islam Dalam Kesultanan Melayu Brunei hingga 1959”, dalam Prof Madya Dr. Awang Haji Hashim bin Haji Abd Hamid, *Jejak-Jejak* (2003), Brunei: Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam.

_____, (1995), “*Kearah Mengemaskinikan Mahkamah Syariah di Brunei*” (Kertas kerja Seminar Sistem Kehakiman Syara’ Negara Brunei Darussalam, di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, Negara Brunei Darussalam, 10-12 Jun 1995).

_____, (1996), *Perlaksanaan dan Pentadbiran Undang-Undang Islam di Negara Brunei Darussalam*, Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.

Mohd. Naim Haji Mokhtar (Dr.) (2008), “Kajian Semula Terhadap Undang-Undang Acara Mal Mahkamah Syariah” (Kertas Kerja Seminar Semakan Semula Korpus Undang-Undang Islam di Malaysia: Keperluan dan Cabaran, 1 April 2008).

Mohd. Zain bin Haji Serudin (Pehin Jawatan Luar Dr. Haji), (1998), *Melayu Islam Beraja: Suatu Pendekatan*, Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Muslim, Abu Al-Husayn Ibn al-Hajjaj al-Qusyairī al-Naisaburu (1995), *Sahih Muslim*, j. 2, Beirut: Dar Ibn Hazm & Maktabah al-Ma‘arif.

Noresah bt. Baharom *et.al* (eds.) (2005), *Kamus Dewan*, e. 4, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Pengiran Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd Rahman (2001), *Islam di Brunei Darussalam*, Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Pg. Haji Mohd. Tashim bin Pg. Haji Hassan (2007), “Perintah Pemegang Pajak Gadai 2002” (Kertas kerja yang dibentangkan dalam mesyuarat yang diadakan bersama pihak bank, di Bangunan Mahkamah Syariah, pada 27 Februari 2007).

_____ (2007), *Maklumat Bertulis*, Bertarikh 18 Januari 2007.

_____ (2008), *Maklumat Bertulis*, Bertarikh 12 Februari 2008.

Sweeney, P.L. Amin (1968), Silsilah Raja-Raja Brunei, *JMBRAS*, vol. 41, part. 2.

Sabihah Osman *et.al* (1995), *Sejarah Brunei Menjelang Kemerdekaan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sabitha Marican (2005), *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*, Malaysia: Prentice Hall.

Siti Zaliha binti Abu Salim, (2006), *Sistem Kehakiman Brunei: Satu Kajian Perbandingan Dengan Sistem Kehakiman Islam*, Brunei Darussalam: Universiti Brunei Darussalam.

Maxwell, William George and William Sumner Gibson (1952), *Treaties and Engagement Affecting The Malay States and Borneo*, London: P Jas Truscott and Son Ltd.

Treacher, W.H. (1880), “British Borneo: Sketches of Brunei, Sarawak, Labuan and North Borneo”, *JMBRAS*, vol. 20,

Zaidan, Abd. al-Kadir (2002), *Nizam al-Qadā Fī al-Syar‘iyah al-Islamiyyah*, c. 3, Beirut: Muassasah al-Risalah.

Dokumen Resmi

Brunei Darussalam. 1908. *Annual Report. Enactment No. 1.*

Brunei Darussalam. 1933. *Annual Report.*

Brunei Darussalam. 1912. *Laws of Brunei 1906-1930, Enactment No. 1.*

Brunei Darussalam. *Laws of Brunei 1906-1930. Enactment No. 2.*

Brunei Darussalam. 1955. *Annual Report.*

Brunei Darussalam. *Religious Council and Kathis Courts Enactment 1955* (Enactment No. 20 of 1955) Explanatory Note, No. 37.

Brunei Darussalam. 1957. *The Revised Edition of Subsidiary Legislation of Brunei*.
Brunei Darussalam. 1960. *Religious Council and Kathis Courts Enactment 1955, (Amendments) Enactment No. 1*

Brunei Darussalam. *Warta Kerajaan, Bahagian II, Istimewa, 27 Jun 1984. HMO/JPM/CVI*.

Brunei Darussalam. *Law of Brunei, Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77*.

Brunei Darussalam. *Law of Brunei, Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah Penggal 184*.

Brunei Darussalam. *Dokumen-Dokumen Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, 1959, pindaan 2004*.

Brunei Darussalam, *Law of Brunei, Probet and Administration Act, Chapter 11*

Brunei Darussalam. *Perintah Darurat (Undang-Undang Keluarga Islam)*, 1999.

Brunei Darussalam, *Perintah Pengangkatan Kanak-Kanak Dalam Islam*, 2001.

Brunei Darussalam, *Perintah Acara Mal Mahkamah Syariah*, 2005.

Brunei Darussalam, *Perintah Pajak Gadai*, 2002.

Kertas Mesyuarat bil.49/93 dan Kertas Mesyuarat bil. 50/93, Mesyuarat kali ke 11 Tahun 1414/199, pada 3 Rabiulawal 1414/21 Ogos 1993.

Kertas mesyuarat bil.58/94, Mesyuarat kali ke kedua belas Tahun 1415/1994 yang berlangsung pada 26 Rabiulawal 1415/ 3September 1994.

Kertas mesyuarat bil. 82/94, Mesyuarat kali ke 16 Tahun 1415/1994 dan kali ke 2 Tahun 1415/1995, pada 15 November 1994 dan 28 Januari 1995.

Kertas mesyuarat bil. 4/95, Mesyuarat Majlis Ugama Islam kali pertama tahun 1415/1995, pada 7 Januari 1995.

Memorandum Pengetua Hal Ehwal Ugama kepada Setiausaha Kerajaan, bilangan: (48) dlm. MU/JUB/3/68 bertarikh 1 November 1972/24 Ramadan 1392.

Titah dalam Majlis Sambutan Isra‘ dan Me‘raj, pada 9 Januari 1994.

Titah sempena Hari Keputeraan yang ke 48 Tahun, pada 15 Julai 1994.

Titah dalam Majlis Pembukaan Rasmi Muktamar Akademi Fiqh Islam Kali ke VIII, pada 21 Jun 1993.

Titah sempena Menyambut Pelancaran Menulis Al-Quran bagi menggantikan Cokmar Universiti Brunei Darussalam, pada 23 Februari 1993.

Surat Peguambela dan Peguamcara Cheok Sankaran Halim bil. MS/MISC/Syariah/2007, bertarikh 7 Mac 2007.

Temubual

Temubual, Haji Salim bin Haji Besar (Pehin), Hakim Mahkamah Tinggi Syariah. Pada 24 Januari 2008.

Temubual, Haji Johar bin Haji Mohammad, bekas Kadi Daerah sekarang menjawat jawatan Hakim Mahkamah Rendah Syariah. Pada 1 Oktober 2007.

Temubual, Pengiran Haji Mohd. Tashim bin Pg. Haji Hassan, Pemangku Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah. Pada 26 Januari 2008 dan 12 Februari 2008.

Temubual, Dy. Kartini binti Haji Abdullah, Pemangku Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah. Pada 20 November 2001.

Temubual, Irdhina binti Haji Wasli, Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah selaku Timbalan Pendaftar PPPROI. Pada 14 Ogos 2008.

Temubual, Hajah Zuraina binti DSS Haji Abd. Rahman, Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah Daerah Brunei dan Muara. Pada 17 Januari 2008.

Temubual, Noor Aida binti Haji Timpus, Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah Daerah Brunei dan Muara (Bahagian Jenayah). Pada 19 Januari 2008.

Temubual, Dy. Hairani binti Haji Jais, Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah. Pada 16 Januari 2008.

Temubual, Pg. Mohammaddin bin Pg. Haji Aliakhbar, Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah Daerah Belait dan sekarang memangku jawatan Hakim Mahkamah Rendah Syariah Daerah Belait. Pada 9 April 2008.

Temubual, Hajah Maimunah binti Haji Bakar. Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah Daerah Tutong. Pada 10 April 2008.

Temubual, Haji Shahrul Bahar bin Haji Sulaiman, Penolong Pegawai Ugama Mahkamah Syariah. Pada 24 Oktober 2007.

Temubual, Haji Ismail bin Haji Abd. Manap, Pengarah Hal Ehwal Masjid, Pada 1 Oktober 2007.

Temubual, Liza Suriani binti Haji Ibrahim, Pemangku Timbalan Pengarah Pendaftaran, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan. Pada 4 Mac 2008.

LAMPIRAN A

SUSUNAN WALI

1. Bapa kandung
2. Datuk/Nenek Lelaki Sebelah Bapa hingga ke atas
3. Saudara lelaki seibu sebapa
4. Saudara lelaki sebapa
5. Anak Lelaki bagi saudara lelaki seibu sebapa hingga ke bawah
6. Anak Lelaki bagi saudara lelaki sebapa hingga ke bawah
7. Bapa saudara sebelah bapa seibu sebapa
8. Bapa saudara sebelah bapa sebapa
9. Anak lelaki bapa saudara sebelah bapa seibu sebapa hingga ke bawah (sepupu)
10. Anak lelaki bapa saudara sebelah bapa sebapa hingga ke bawah (sepupu)
11. Bapa saudara bapa seibu sebapa
12. Bapa saudara bapa sebapa
13. Anak lelaki bapa saudara bapa seibu sebapa hingga ke bawah
14. Anak lelaki bapa saudara bapa sebapa hingga ke bawah
15. Bapa saudara Datuk/Nenek lelaki seibu sebapa
16. Bapa saudara Datuk/Nenek lelaki sebapa
17. Anaka lelaki bapa saudara Datuk /Nenek lelaki seibu sebapa hingga ke bawah
18. Anak lelaki bapa saudara Datuk/Nenek Lelaki sebapa hingga ke bawah
19. Wali Hakim / Raja

LAMPIRAN “B”



MMS/02

MAHKAMAH-MAHKAMAH SYARIAH NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Borang 15

(BAB 42 (1))

PERINTAH DARURAT (UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM), 1999

PERMOHONAN UNTUK PERCERAIAN

Kepada Hakim Mahkamah Syariah.

Daerah

Saya ,

No. Kad Pengenalan/Pasport : Warna : Umur :

Alamat :

Pekerjaan : Pendapatan Sebulan :

Memohon bercerai dengan * isteri/suami saya yang ,

Bernama :

No. Kad Pengenalan/Pasport : Warna : Umur :

Alamat :

Pekerjaan : Pendapatan sebulan :

Tarikh Berkahwin : H bersamaan : M

Didaftarkan di Pejabat Pendaftar :

Tempat Kahwin :

Bilangan Pendaftaran (jika ada) :

3. Kami mempunyai anak seramai :

(1) Umur : Lelaki / Perempuan
(2) Umur : Lelaki / Perempuan
(3) Umur : Lelaki / Perempuan
(4) Umur : Lelaki / Perempuan
(5) Umur : Lelaki / Perempuan
(6) Umur : Lelaki / Perempuan
(7) Umur : Lelaki / Perempuan
(8) Umur : Lelaki / Perempuan
(9) Umur : Lelaki / Perempuan
(10) Umur : Lelaki / Perempuan

4. Semenjak Berkahwin belum pernah *bercerai / pernah bercerai pada :

Kami "Ruju" / Nikah semula pada :

5. Dia adalah isteri saya yang *pertama/kedua/ketiga/keempat

6. Sebab-sebab hendak bercerai.

7. Langkah-langkah yang telah diambil untuk mencapai perdamaian (jika ada).

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

8. Perjanjian (jika ada)

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

9. Jika berlaku perceraian saya *sanggup membayar/menuntut bayaran seperti di bawah ini :-

- i) Nafkah 'iddah sebulan \$: () bulan; jumlah \$
- ii) Nafkah anak seorang sebulan \$: () seorang; jumlah \$
- iii) Sagu bati (mu'ah)
- iv) Mas kahwin jika belum dibayar
- v) Lain-lain bayaran (jika ada)

JUMLAH
.....

10. Nyatakan harta sepencarian yang *akan diserahkan kepada isteri/akan dituntut daripada suami :

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

12. Tempat kediaman bekas isteri semasa di dalam 'iddah

E3. Butir-butir perintah yang diminta :

* Potong mana yang tidak berkenaan.

LAMPIRAN C

Kesalahan di bawah Peruntukan Perintah (Undang-Undang Keluarga Islam), 1999

BAB	KESALAHAN	HUKUMAN
33	Tidak hadir di hadapan pendaftar untuk mendaftarkan perkahwinannya yang telah berlaku di luar Negara dalam masa 6 bulan selepas sampai ke Negara ini.	Denda tidak melebihi B\$1,000.00 @ Penjara tidak melebihi 3 bulan @ kedua-duanya sekali.
34	Jurunakah melanggar peruntukan Bab 15	Denda tidak melebihi B\$1,000.00 @ Penjara tidak melebihi 3 bulan @ kedua-duanya sekali dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya: Denda tidak melebihi B\$2,000.00 @ Penjara tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya sekali.
35	Memaksa seseorang @ menahan seseorang lelaki berkahwin yang telah mencapai umur 18 tahun @ seseorang perempuan yang telah mencapai umur 16 tahun	Denda tidak melebihi B\$2,000.00 @ penjara tidak melebihi 6 bulan @ kedua-duanya sekali.
36	Akuan @ pernyataan palsu untuk mendapatkan kebenaran berkahwin	Denda tidak melebihi B\$2,000.00 @ Penjara tidak melebihi 6 bulan @ kedua-duanya sekali.
37	Mengakadnikahkan perkahwinan dengan tiada kebenaran	Denda tidak melebihi B\$2,000.00 @ Penjara tidak melebihi 6 bulan @ kedua-duanya sekali.
38	(1)(a) Mengakadnikahkan tanpa kebenaran berkahwin yang dikehendaki oleh Bab 18 kebenaran berkahwin luar Negara (b) Tanpa 2 orang saksi yang boleh dipercayai	Denda tidak melebihi B\$2,000.00 @ Penjara tidak melebihi 6 bulan @ kedua-duanya sekali.
	(2) Seseorang yang berkahwin yang melanggar peruntukan Bahagian II (Berhubung dengan perkahwinan)	Denda tidak melebihi B\$2,000.00 @ Penjara tidak melebihi 6 bulan @kedua-duanya sekali.

52	(4) Mana-mana pihak kepada sesuatu perkahwinan yang tidak mendaftarkan hal <i>ruju'</i> semula sebagaimana yang dikehendaki oleh ceraian (10) adalah melakukan suatu kesalahan hendaklah dihukum.	Denda tidak melebihi B\$1,000.00 @ Penjara tidak melebihi 3 bulan @ kedua-duanya sekali.
123	Poligami tanpa kebenaran	Denda tidak melebihi B\$2,000.00 @ Penjara tidak melebihi 6 bulan @ kedua-duanya sekali.
124	Perceraian di luar Mahkamah tanpa kebenaran Mahkamah	Denda tidak melebihi B\$2,000.00 @ Penjara tidak melebihi 6 bulan @ kedua-duanya sekali.
125	(1) Senghaja cuai @ tidak membuat laporan. (2) Senghaja cuai @ tidak membuat laporan @ tidak mengemukakan permohonan @ tidak memberi maklumat @ tidak menandatangani apa-apa dokumen yang diperlukan	Denda tidak melebihi B\$2,000.00 @ Penjara tidak melebihi 6 bulan @ kedua-duanya sekali.
126	Membuat laporan palsu kepada pendaftar	Denda tidak melebihi B\$2,000.00 @ Penjara tidak melebihi 6 bulan @ kedua-duanya sekali.
127	Suami @ isteri yang tidak mematuhi perintah Mahkamah supaya hidup bersama semula	Denda tidak melebihi B\$2,000.00 @ Penjara tidak melebihi 6 bulan @ kedua-duanya sekali.
128	(1) Menganiaya suami @ isteri (2) Melucutkan harta suami @ isteri dengan cara tipuan	Denda tidak melebihi B\$2,000.00 @ Penjara tidak melebihi 6 bulan @ kedua-duanya sekali. Denda tidak melebihi B\$2,000.00 @ Penjara tidak melebihi 6 bulan @ kedua-duanya sekali dan Mahkamah hendaklah memerintahkan harta @ jika harta tidak ada nilainya dikembalikan kepada suami @ isteri mengikut hukum <i>Syarak</i>
129	Suami tidak memberi keadilan yang sewajarnya kepada isteri mengikut hukum syarak	Denda tidak melebihi B\$2,000.00 @ Penjara tidak melebihi 6 bulan @ kedua-duanya sekali.

130	Isteri senghaja ingkar perintah suami	Denda tidak melebihi
-----	---------------------------------------	----------------------

	mengikut hukum syarak setelah dinasihatkan oleh Hakim Syar'ie.	B\$500.00 @ kesalahan kedua @ berikutnya denda tidak melebihi B\$1,000.00
131	Menjadi murtad atas alasan tidak suka suami @ isteri untuk membatalkan perkahwinan	Penjara tidak melebihi 5 tahun
132	(1)Bersekedudukan semula dengan isteri yang telah sah diceraikan tanpa lafaz rujuk yang sah (2)Menceraikan isteri tanpa pengetahuannya dan bersekedudukan semula (3)Isteri yang diceraikan bersubahat bersekedudukan dengan suami tanpa rujuk yang sah	Denda tidak melebihi B\$1,000.00 @ Penjara tidak melebihi 3 bulan @ kedua-duanya sekali. Denda tidak melebihi B\$2,000.00 @ Penjara tidak melebihi 6 bulan @ kedua-duanya sekali.
133	Kegagalan dengan seghaja untuk mematuhi perintah, jika perintah itu adalah pembayaran apa-apa jumlah Jika perintah itu adalah pembayaran tiap-tiap bulan @Jika perintah itu selain dari bayaran bulanan	Jumlah yang kena dibayar itu hendaklah diberi mengikut peruntukan undang-undang. Penjara tidak melebihi sebulan bagi setiap bayaran bulanan yang masih belum dibayar.
134	Penghinaan terhadap Mahkamah di bawah Perintah Undang-Undang Keluarga Islam 1999	Denda tidak melebihi B\$2,000.00 @ Penjara tidak melebihi 6 bulan @ kedua-duanya sekali.
135	Perkahwinan yang melanggar peruntukan di dalam perintah ini	Denda tidak melebihi B\$2,000.00 @ Penjara tidak melebihi 6 bulan @ kedua-duanya sekali.
136	Tidak mematuhi perintah tahanan pendapatan tenaga dan sebagainya	Denda tidak melebihi B\$5,000.00 @ Penjara tidak melebihi 1 tahun @ kedua-duanya sekali.
137	Gagal melaksanakan perjanjian	Denda tidak melebihi B\$2,000.00 @ Penjara tidak melebihi 6 bulan @ kedua-duanya sekali.
138	Percubaan dan persubahatan dalam melakukan kesalahan di bawah perintah ini	Sama seperti yang diperuntukan bagi perintah itu

139	Hukuman yang tidak diperuntukkan dalam sebarang hal yang melanggar @	Denda tidak melebihi B\$2,000.00 @ Penjara tidak
-----	--	--

	<p>gagal mematuhi dalam perintah ini</p> <p>melebihi 6 bulan @ kedua-duanya sekali. Penjara boleh dijatuhkan jika denda tidak dibayar akan tetapi penjara itu tidak melebihi separuh daripada hukuman penjara yang diperuntukan bagi kesalahan itu @ Penjara 7 hari jika hukuman itu denda sahaja.</p>
--	--

LAMPIRAN ‘D’

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENDAFTAR MAHKAMAH

Dalam prosiding mal dapat dibahagikan kepada 3 peringkat iaitu pra perbicaraan, semasa perbicaraan dan sesudah perbicaraan sebagaimana yang dinyatakan dalam Perintah Acara Mal Mahkamah-Mahkamah Syariah 2005 adalah seperti berikut:

1. Pra Perbicaraan

- a. Pendaftar-pendaftar Mahkamah hendaklah memastikan kes-kes yang difailkan mematuhi kehendak undang-undang seperti kesempurnaan bentuk saman/permohonan dengan butir-butir tuntutan, pernyataan relief yang dituntut, butir-butir relief sampingan (jika ada) dan bayaran telah dijelaskan sebelum memberikan nombor bersiri bagi saman, memetrai, menandatangani dan mengeluarkan saman tersebut.
- b. Menerima dan mendaftarkan tuntutan-tuntutan dan permohonan-permohonan yang telah lengkap.
- c. Memastikan pliding bagi setiap kes sempurna dan lengkap seperti penyata tuntutan, pembelaan, tuntutan balas (jika ada), jawapan kepada pembelaan, pembelaan kepada tuntutan balas (jika ada) di dalam setiap fail kes sebelum dihadapkan kepada Hakim.
- d. Mendengar lafaz wakalah peguam syar'ie yang dilantik oleh pihak yang bertikai.
- e. Menyelia jadual kes sebutan dan perbicaraan, menetapkan tarikh sebutan, hakim bicara dan tempat perbicaraan.
- f. Meminda tarikh kehadiran saman atau permohonan (jika perlu).
- g. Memastikan bayaran-bayaran yang dikehendaki di dalam Acara Mal mengenai semua kausa, perkara dan prosiding di dalam Mahkamah diterima dan dibayar. Bayaran hendaklah dengan wang tunai.
- h. Memastikan dokumen yang digunakan adalah dalam Bahasa Melayu, manakala dokumen dalam bahasa-bahasa lain hendaklah disertakan dengan terjemahannya dalam Bahasa Melayu.
- i. Atas permohonan pemohon, membekalkan apa-apa dokumen yang diperakui selepas bayaran dibayar.
- j. Memastikan affidavit penyampaian dibuat selepas penyampaian saman dilaksanakan.
- k. Lain-lain tugas yang diberikan dari masa ke semasa.

2. Semasa Perbicaraan

- a. Memastikan pihak-pihak hadir pada hari perbicaraan.

- b. Memastikan keperluan perbicaraan disediakan untuk kesempurnaan perbicaraan seperti penyediaan fail kes, pembantu mahkamah, jurubahasa (jika diperlukan), pengawal keselamatan / polis.
- c. Dengan perintah Mahkamah, bertindak sebagai penjaga *ad-litem* bagi orang yang tidak berkeupayaan dalam perbicaraan mahkamah.
- d. Mengeluarkan permohonan sapina yang dipohonkan oleh pihak-pihak.
- e. Mengurus permohonan saman gantian.
- f. Menguruskan proses pengeluaran waran tangkap terhadap pihak-pihak yang gagal hadir ke Mahkamah sebagaimana yang diperintahkan oleh Mahkamah.
- g. Atas permohonan pihak-pihak yang bertikai, memproses pengeluaran orang dalam penjara / tahanan untuk dihadapkan ke Mahkamah.
- h. Mengambil tindakan ke atas segala perintah-perintah yang diisyitiharkan semasa di dalam perbicaraan seperti pengeluaran perintah *ex parte*, *interlocutory*, *injuki*, *interim* dan sebagainya.
- i. Memproses pemindahan prosiding ke Mahkamah lain.
- j. Membaca penghakiman atas arahan hakim (dalam keadaan tertentu).
- k. Mengurus permohonan semakan dari pihak-pihak yang bertikai seperti pengemaskini fail kes dan penyediaan nota perbicaraan, alasan penghakiman untuk dihadapkan ke Mahkamah yang membuat semakan.
- l. Menjadi pegawai rundingcara (pegawai sulu) bagi pihak yang bertikai dan menyediakan laporan yang lengkap kepada Hakim Syarie.

3. Selepas perbicaraan

- a. Memastikan draf perintah disediakan untuk dihadapkan kepada Hakim Syar'ie.
- b. Memproses perintah tahanan pendapatan tenaga untuk dihadapkan kepada majikan pihak-pihak yang bertikai.
- c. Memastikan rekod perceraian telah dibuat bagi perceraian yang telah diputuskan oleh Hakim Syar'ie untuk dihadapkan kepada Timbalan Pendaftar Perkahwinan, Perceraian, Pembatalan dan Ruju' Orang Islam untuk proses pendaftaran cerai dan pengeluaran sijil cerai.
- d. Membuat laporan kepada Bahagian Penguatkuasa Agama bagi kes-kes yang melanggar undang-undang.
- e. Memastikan perintah penyitaan dan penjualan harta tak alih, menahan harta alih madin penghakiman dari pihak ketiga (*garnismen*), menyita dan menghantar serah harta dilaksanakan dengan sempurna dan memproses permohonan saman *interpleader*.
- f. Melaksanakan tugas-tugas berhubungkait dengan perintah pengkomitan (pemenjaraan).
- g. Bertindak memproses permohonan rayuan dari pihak yang terkilan terhadap hukuman/ perintah Mahkamah dengan penyediaan rekod rayuan seperti notis rayuan, hukuman Mahkamah, alasan penghakiman dan nota perbicaraan yang lengkap sebelum dihadapkan ke Mahkamah yang mendengar rayuan.

- h. Mentaksir kos.
- i. Bertindak selaku bailiff (dalam keadaan tertentu)
- j. Lain-lain tugas dari masa ke semasa.

Di samping itu, mempunyai tugas dan kuasa dalam Kamar dalam kes-kes mal yang dinyatakan di dalam Perintah Acara Mal 2005 antaranya:

- i. Menangguhkan mana-mana prosiding.
- ii. Menetapkan tarikh perbicaraan mana-mana prosiding.
- iii. Membirikan affidavit dan menerima bon.
- iv. Apabila cagaran diperintahkan supaya diberi, menentukan ia mencukupi.
- v. Dengan persetujuan semua pihak, memerintahkan penyatuan mana-mana prosiding.
- vi. Menjalankan tugas yang lain yang diperuntukkan di bawah Perintah Acara Mal 2005 atau apa-apa arahan Hakim.

Manakala tugas Pendaftar Mahkamah dalam prosiding jenayah juga dibahagikan kepada 3 peringkat iaitu:

1. Pra Perbicaraan
 - a. Menerima dan menyemak rangka pertuduhan dari pihak pendakwaan.
 - b. Mendaftar dan menetapkan tarikh sebutan kes.
 - c. Menyemak draf saman dan menghadapkan kepada Hakim.
 - d. Memaklumkan kepada Pendakwa Syar'ie mengenai tarikh sebutan kes dan pihak yang berkaitan.
 - e. Memastikan saman sempurna disampaikan dan lapuran penyampaian difailkan.
 - f. Draf perintah (waran) untuk menghadirkan tertuduh yang berada dalam tahanan (banduan) untuk dihadapkan kepada Hakim.
 - g. Draf memo kepada Penjaga Penjara untuk disertakan bersama waran (*covering letter*).
 - h. Mendengar lafaz wakalah Peguam Syar'ie yang dilantik oleh pihak yang dituduh.
 - i. Menyelia jadual kes sebutan dan perbicaraan, menetapkan tarikh sebutan, hakim bicara dan tempat bicara.
 - j. Meminda tarikh kehadiran saman (jika perlu).
 - k. Memproses permohonan saman hadir siasatan/ waran tangkap yang dipohonkan oleh Peguatuwa Agama bagi kes-kes yang masih dalam siasatan.

2. Semasa Perbicaraan
 - a. Memastikan kehadiran jurubahasa (jika diperlukan).
 - b. Memproses permohonan-permohonan saman-saman terhadap saksi-saksi (sepina).
 - c. Memproses waran tangkap (untuk hadir ke Mahkamah) terhadap tertuduh.
 - d. Memproses permohonan semakan.

- e. Menyerahkan dokumen perjalanan tertuduh (warganegara asing) kepada Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan bagi penyambungan *special pass* dan sebagainya.

3. Selepas Perbicaraan

- a. Memastikan hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah dilaksanakan dengan sempurna:
 - i. Jika hukuman penjara: mengeluarkan waran pemenjaraan dan memastikan pesalah diserahkan kepada pegawai yang menjaga penjara dengan selamat.
 - ii. Jika hukuman denda: memastikan denda dijelaskan dengan sempurna dan jika gagal dipatuhi, mengeluarkan waran tangkap bagi tujuan proses pemenjaraan kerana gagal membayar denda.
- b. Memproses waran *discharge* untuk melepaskan banduan yang membayar denda semasa menjalani hukuman penjara.
- c. Menyerahkan dokumen perjalanan pesalah (warganegara asing) kepada Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (jika pesalah dihantar ke penjara / belum membayar denda).
- d. Membuat lapuran kepada Ketua Pendaftar (untuk disampaikan kepada Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama) bagi kesalahan yang dilakukan oleh warganegara asing bukan berugama Islam.
- e. Membuat lapuran kepada ketua jabatan berkaitan bagi kesalahan yang dilakukan oleh pegawai-pegawai kerajaan di bawah kawalannya (jika dikehendaki).
- f. Memproses permohonan penangguhan hukuman penjara terhadap pesalah yang telah dikeluarkan waran tangkap kerana gagal membayar denda.
- g. Mengeluarkan bon jamin bagi pesalah yang melaksanakan pembayaran denda mengikut tempoh yang telah ditetapkan oleh Hakim.
- h. Memproses waran tangkap bagi kali kedua, jika pesalah masih gagal membayar denda.
- i. Bertindak memproses permohonan rayuan dari pihak yang terkilan terhadap hukuman / perintah Mahkamah dengan penyediaan rekod rayuan.²⁹⁷

Tugas sebagai Pendaftar Mahkamah secara umumnya dapat diringkaskan kepada 3 peringkat pasca perbicaraan, dalam perbicaraan dan setelah perbicaraan. Untuk memastikan berjalan lancar, Pendaftar hendaklah sentiasa memerhatikan tugas-tugas seperti berikut dilaksanakan:

- i. Memastikan pentadbiran mahkamah diuruskan dengan baik, cekap dan efisyen agar orang ramai mendapat perkhidmatan yang baik, adil dan saksama.
- ii. Memastikan hal ehwal pengendalian pendaftaran kes sempurna, teratur dan tegas mengikut undang-undang.

²⁹⁷Pengiran Haji Mohd. Tashim bin Pg. Haji Hassan, Pemangku Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah, *Maklumat Bertulis*, Bertarikh 18 Januari 2007.

- iii. Memastikan setiap kes yang telah difaikkan dan yang akan dibicarakan mematuhi undang-undang dan peraturan yang ada.
- iv. Memastikan persediaan perbicaraan sempurna dilaksanakan seperti penyampaian saman, penyampaian surat panggilan kepada responden, plaintif dan defendant bersedia untuk dibicarakan, tertuduh dan pendakwa bersedia untuk perbicaraan dan sebagainya.
- v. Bertanggungjawab dalam membuat tindakan-tindakan selepas perbicaraan.

LAMPIRAN “E”

Manakala tugas Pendaftar Perkahwinan, Perceraian, Pembatalan dan Ruju' Orang Islam dapat diringkaskan seperti berikut:

- i. Menerima, meneliti dan menyiasat permohonan bernikah dalam dan luar negeri agar menepati kehendak hukum syarak dan undang-undang.
- ii. Mengeluarkan kebenaran bernikah dalam dan luar negeri.
- iii. Menerima permohonan pendaftaran pernikahan dalam dan luar Negara
- iv. Menyiasat pernikahan yang telah dijalankan dalam dan luar Negara bertepatan dengan kehendak hukum syarak dan undang-undang.
- v. Mengeluarkan sijil nikah, sijil ta'liq dan catatan daftar perkahwinan.
- vi. Memperakui daftar perkahwinan, perceraian, pembatalan dan ruju' untuk diserahkan kepada Ketua Pendaftar.
- vii. Membuat laporan pernikahan yang meragukan dan menasihatkan pemohon untuk membuat pengesahan/ pembubaran nikah kepada Mahkamah berdasarkan bab 11 dari Perintah Undang-Undang Keluarga Islam 1999.
- viii. Membuat laporan kepada Pihak Peguatuasa Agama bagi pernikahan yang bersalahan dengan kehendak undang-undang.
- ix. Menasihatkan pihak-pihak yang melangsungkan pernikahan tanpa kebenaran untuk memohon perintah pendaftaran nikah daripada Mahkamah.
- x. Mendaftarkan perceraian dalam dan luar Negara dan mengeluarkan sijil cerai.
- xi. Mendaftarkan perintah pembatalan dan mengeluarkan surat pembatalan kepada pihak-pihak.
- xii. Mendaftarkan dan mengeluarkan sijil ruju'.
- xiii. Melaporkan kesalahan mengenai ruju' kepada Pihak Peguatuasa Agama.
- xiv. Mensahkan pembetulan dan pemeriksaan indeks perkahwinan, perceraian, pembatalan dan ruju'.
- xv. Mensahkan tuntutan elaun jurunikah.